

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA****Bil. 54****Khamis****14 Oktober 2004****K A N D U N G A N****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-**Jadual:-**

Maksud B.28 (Halaman 23)

Maksud B.29 (Halaman 48)

Maksud B.30 (Halaman 95)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.28 (Halaman 23)

Maksud P.29 (Halaman 48)

Maksud P.30 (Halaman 95)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 118)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Pulanginya Ke Rahmatullah Yang Amat Berbahagia

Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

(Halaman 117)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 14 Oktober 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah pelajar sekolah rendah di seluruh negara yang menerima makanan secara percuma dalam program makanan tambahan dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan program ini ke sekolah menengah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004 bilangan murid yang menerima bantuan rancangan makanan tambahan ataupun RMT adalah seramai 532,500 orang. Program memberi makanan tambahan kepada murid-murid sekolah rendah terutamanya dari luar bandar, dan golongan berpendapatan rendah adalah untuk membantu murid-murid tersebut bersedia mengikuti pembelajaran dalam keadaan selesa dan bertenaga.

Program ini bertujuan untuk membantu dari segi tumbesaran ataupun pertumbuhan badan dan kesihatan murid-murid tersebut agar tidak terabai disebabkan faktor-faktor kemiskinan. Pada masa ini tidak ada cadangan untuk memperluaskan program ini ke sekolah menengah memandangkan kos yang tinggi diperlukan. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar yang ibu bapa mereka berpendapatan rendah tidak pernah diabaikan untuk mengikuti pembelajaran dengan diberikan pelbagai bentuk bantuan lain seperti biasiswa, kemudahan tinggal di asrama, skim pinjaman buku teks dan bantuan-bantuan kewangan dari yaysan-yayasan negeri. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tahniah kepada pihak kementerian kerana mengambil berat tentang pelajar-pelajar miskin terutamanya bagi sekolah rendah. Seperti yang dimaklumkan tujuan makanan tambahan adalah supaya mereka selesa, bertenaga kerana perut penuh di waktu pagi.

Saya minta supaya pihak kementerian benar-benar memberikan perhatian untuk memberikan makanan kepada murid-murid miskin di sekolah menengah kerana yang miskin di sekolah rendah tidak menjadi kaya apabila ke sekolah menengah. Bapa yang miskin di sekolah rendah apabila anak dia di sekolah menengah tidak kaya, semakin susah sebab adik-beradik kecil akan bersekolah lagi.

Kalau tidak selesa, perut kosong bagi murid sekolah rendah, perut kosong bagi murid sekolah menengah pun tidak selesa juga. Saya harap perkara ini dipertimbangkan. Soalan saya dari keperluan minimum atau syarat minimum untuk memperoleh makanan tambahan adalah ibu bapa yang berpendapatan RM360 ke bawah. Adakah pihak kementerian ingin menimbangkan supaya dinaikkan mengikut per kapita dan sebagainya, sebab RM360 adalah teramat rendah dalam masa sekarang terutama di kawasan bandar-bandar besar. RM360 saya rasa bukan sahaja tidak boleh hendak minum pagi, hendak makan pun tidak cukup untuk hidup, saya rasa. Jadi adakah akan dinaikkan?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, kami mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bera kerana begitu prihatin tentang kebajikan murid-murid kita. Berkenaan dengan perluasan program rancangan makanan tambahan ke sekolah menengah seperti yang saya sebutkan tadi, objektif utama RMT adalah untuk membantu murid-murid dari segi pertumbuhan pelajaran dan oleh kerana itu kami memberi fokus kepada pelajar-pelajar yang berumur 12 tahun dan ke bawah.

Untuk pelajar-pelajar di sekolah menengah, kami memberi fokus kepada mereka yang tinggal di asrama harian seperti di Felda dan juga di luar bandar. Saya rasa cadangan dari Ahli Yang Berhormat begitu baik dan saya akan mengambil perhatian. Berkenaan dengan tahap minimum ataupun kelayakan dari segi pendapatan ahli keluarga di mana pendapatan harus di bawah RM400 dan ke bawah sebulan, walaupun ini adalah tahap dari segi pendapatan, ada lain-lain syarat yang dikenakan oleh kementerian seperti pihak kementerian juga akan mengambil kira aspek-aspek lain seperti:

- (i) setiap jumlah ahli keluarga yang ramai yang bersekolah,
- (ii) kedudukan sosioekonomi pelajar dan juga keluarga tersebut,
- (iii) mengambil kira aduan ataupun *complain* daripada guru kelas sama murid itu tidak bersarapan pagi atau sebagai ataupun tidak makan tengah hari.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bera dan cadangan Yang Berhormat kami akan mengambil kira. Sekian, terima kasih.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah masalah yang ditemui di sekolah-sekolah rendah di pedalaman dan macam manakah kementerian mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan skim ini.

Satu daripada masalah yang dikemukakan oleh Guru Besar-Guru Besar dan guru kepada saya ialah peruntukan itu begitu sedikit. Untuk sekolah di pedalaman, apabila bantuan itu datang menjadi lebih sedikit. Adakah rancangan untuk menambah jumlah peruntukan kepada sekolah-sekolah yang terpencil yang jauh dari pekan di Sarawak dan di Sabah.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seorang murid di Semenanjung adalah sebanyak RM1.20 dan di Sabah, Sarawak dan Labuan adalah RM1.35. Skim ini dilaksanakan di semua sekolah khususnya di sekolah-sekolah luar bandar dan diuruskan oleh kantin tetapi sekiranya untuk makluman Yang Berhormat sebagaimana yang kami tahu tidak ada masalah-masalah dan perbelanjaan untuk tahun 2004 adalah sebanyak RM123.6 juta.

Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat menghadapi masalah di mana-mana sekolah, silalah kemukakan maklumat kepada kita dan kami akan mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

2. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan kekerapan tahanan reman lari dari 'lock-up' polis lima tahun kebelakangan ini. Apakah punca dan langkah yang diambil untuk membendung masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran yang telah mengemukakan soalan. Bagi menjawab soalan ini ada tiga komponen Tuan Yang di-Pertua:

- (i) berkaitan dengan kekerapan tahanan reman lari dari lokap;
- (ii) berkaitan dengan punca orang tahanan lari; dan
- (iii) langkah-langkah yang diambil bagi membendung masalah ini.

Bagi menjawab komponen yang pertama bagi soalan ini, jumlah kekerapan tahanan reman yang melarikan diri dari lokap polis bagi lima tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

Tahun	Kes	Tahanan reman melarikan diri
2000	24	51 orang
2001	30	85 orang
2002	19	60 orang
2003	13	15 orang
2004 hingga kini	11	23 orang

Bagi komponen kedua soalan ini iaitu punca tahanan lari dari lokap polis adalah seperti berikut:

- (i) keadaan sesebuah lokap yang mempunyai tandas di luar sel lokap menyebabkan tahanan keluar masuk lokap dan ini menambahkan peluang tahanan melarikan diri;
- (ii) keadaan lokap yang terlalu uzur;
- (iii) lokap sesak dengan tahanan dengan izin *overcrowding* kerana lokap tidak mencukupi,
- (iv) keadaan kelalaian dan kecuaiannya anggota polis.

Bagi komponen ketiga soalan ini pula langkah-langkah yang diambil bagi membendung masalah ini adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan lokap-lokap yang lebih besar dan selamat;
- (ii) menempatkan perakam CCTV untuk memantau tahanan dan anggota polis yang bertugas;
- (iii) penyeliaan yang lebih oleh pegawai atasan ke atas anggota polis yang bertugas; dan
- (iv) setiap sel lokap hendaklah mempunyai tandasnya sendiri.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Lokap merupakan persinggahan yang penting untuk *criminal*. Kalau kita ingat kes Norjan, kes bunuh Norjan di Sabah, keadaan lokap merupakan salah satu faktor yang digunakan oleh hakim untuk menolak kenyataan beramaran yang dilakukan oleh yang tertuduh.

Bererti lokap ini penting dan kita melihat keadaan tahanan reman yang lari daripada lokap semakin meningkat dan melibatkan lebih ramai tahanan-tahanan yang keluar.

Saya inginkan penjelasan yang jelas daripada Setiausaha Parlimen tentang keadaan lokap sesak ini. *How critical*, sejauh mana ia kritikal di penjara-penjara kita yang ada di negara ini dan secara spesifiknya langkah untuk mengelakkan *overcrowding* ini. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Beluran berkaitan dengan kritikal di atas *overcrowding* ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa lokap-lokap yang kita bina ini adalah merupakan lokap-lokap yang lama, di mana dari segi keadaannya kecil dan daripada segi *security*nya kurang, oleh kerana tiada CCTV dan oleh kerana negara kita pada masa ini pembangunannya begitu pesat dan begitu juga keadaan jenayahnya meningkat kesan daripada pembangunan negara kita.

Oleh kerana itu bahawa tempat untuk memasukkan tahanan-tahan reman ini tidak mencukupi, dan pada masa ini boleh dikatakan ada sesetengah tempat lokap di ibu pejabat kontinjen dan daerah, yang mana didapati kritikal berbanding daripada keluasan lokap dengan orang-orang yang ditahan di dalam lokap-lokap yang berkenaan. Kebanyakannya adalah di ibu pejabat-ibu pejabat daerah di bandar-bandar besar, umpamanya seperti lokap polis di daerah Petaling Jaya, di mana kalau di Petaling Jaya kalau kapasiti yang diwartakan 32 orang, tetapi jumlah tahanan kebiasaannya di antara 20 ke 30 orang dan pada 25 Jun tahun ini 50 orang. Itu yang lelaki, kalau yang perempuan yang diwartakan 6 orang, jumlah tahanan kebiasaan 60 ke 80 orang dan pada 25 Jun tahun ini 32 orang. Begitu juga di Sea Park, kalau kapasiti diwartakan 13 orang sahaja, tetapi jumlah tahanan kebiasaan 40 orang dan waktu kini - pada 25 Jun 30 orang. Itu di dalam daerah Petaling Jaya, misalnya di beberapa tempat atau kawasan balai polis yang ada lokap.

Bagi daerah Klang, di Klang sahaja kapasiti yang diwartakan 18 orang, jumlah tahanan kebiasaan 70 dan pada 25 Jun - 30 orang, kalau di Kapar, kapasiti yang diwartakan 1 orang, jumlah tahanan kebiasaan 25, tahanan pada 25 Jun - 4 orang. Senarainya panjang, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak yang lebih lanjut saya boleh berikan secara bertulis.

Bagi menjawab soalan yang kedua,

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabar, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: *[Ketawa]* Bagi menjawab soalan yang kedua, kerajaan sedang mengambil tindakan dan membuat cadangan untuk mengubahsuai bangunan-bangunan lokap yang lama ini, yang terdapat di Ibu Pejabat Kontinjen di mana kita akan mengubahsuai untuk menjadikan lokap pusat sementara, dan akan dipasangkan sistem CCTV juga. Peruntukan yang kita kemukakan kepada kerajaan lebih kurang RM3.3 juta untuk mengubahsuai lokap-lokap di negeri-negeri seperti Kedah, Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah, Selangor dan Pahang di mana di Ibu Pejabat Kontinjen ini akan diubahsuai lokap-lokap yang ada sekarang ini, untuk dijadikan sebagai pusat sementara bagi menampung tahanan-tahanan reman yang begitu kritikal pada hari ini, yang ada dalam lokap sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Soal orang lari dari lokap ini kita telah dengar berpuluh tahun, tetapi penjenayah yang lari daripada situ pun sudah beratus-ratus ditangkap. Ini melibatkan kerugian kerajaan bukan sahaja dari segi imej, tetapi dari segi ekonomi dan duitnya juga.

Apa yang didengar daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ialah, ketidaksesuaian lokap itu sendiri dan elemen kecuaiian yang berlaku pada pihak yang menjaga. Tetapi dalam masa yang sama persoalan saya, apakah penyelidikan yang dibuat daripada segi prosedur:-

- (i) prosedur membawa orang keluar daripada lokap; dan
- (ii) perundangan iaitu *lock-up rules* – sama ada *lock-up rules* ini dibuat pada tahun 50-an dan 60-an masih diguna pakai sekarang dan semua prosedur kita masih antikuiti, yang masih digunakan.

Dalam masa yang sama, apabila orang lari kita katakan orang yang menjaganya cuai, bahkan orang sudah bertambah bijak, tetapi kebijaksanaan pengawalan kita tidak *improved*. Persoalan saya apakah tugas dan tanggungjawab kerajaan, khususnya *Commission* Polis itu sendiri untuk melihat kesesuaian prosedur *lock-up rules* dan lokap itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Berkaitan dengan prosedur yang diguna pakai oleh pasukan polis adalah masih lagi menggunakan *lock-up rules*, dan juga arahan-arahan tetap yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara dari masa ke semasa mengikut keadaan semasa, dan itulah yang diguna pakai. Saya melihat bahawa dalam laporan Suruhanjaya (*Commission*), bahawa perkara ini juga ada disentuh dan pihak berkuasa akan meneliti segala perakuan-perakuan yang akan dibuat oleh Suruhanjaya itu nanti. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Bukan, lokap di Puchong ada orang lari keluar. *[Ketawa]* Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian. Kalau dilihat kepada kes-kes yang berlaku ini, pelarian ini telah turun mengikut tahun demi tahun. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan, apakah sebab-sebab orang lari daripada lokap dan sebagainya. Salah satu daripadanya ialah kekurangan CCTV dan juga tandas di dalam *cell* itu. Tetapi baru-baru ini di Lokap Puchong apabila kes itu berlaku kita ada CCTV dalam *lock up* dan tandas dalam *cell* itu, tetapi masih berlaku masalah ini.

Soalan saya ialah, adakah kementerian ini ada satu spesifikasi yang tertentu? Maksud saya ialah adakah lokap itu besar atau kecil, apakah jenis besi atau sebagainya yang digunakan, juga apakah jenis CCTV dan spesifikasi yang akan digunakan untuk menentukan bahawa masalah-masalah ini tidak akan berlaku di masa hadapan kerana di Puchong, lokap ini akan dibina oleh pemaju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat sudah dibagi peluang, pendekkanlah.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya hendak bertanya apakah rancangan ataupun adakah spesifikasi yang tertentu mengenai lokap-lokap dalam kementerian itu. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Puchong. Saya rasa kes ini adalah merupakan kes spesifik yang berlaku di lokap polis kawasan Puchong, yang mana saya percaya pihak polis sedang menjalankan siasatan. Dalam perkara ini apa yang sebenar berlaku dan apakah sebabnya pelarian itu berlaku, saya akan memberi makluman secara bertulis.

Walau bagaimanapun sebagaimana yang saya nyatakan tadi, terdapat lokap-lokap ini yang telah lama dibuat dan terdapat juga kadang-kadang besinya telah berkarat, walaupun kita cat balik dan kadang-kadang oleh kerana paterinya tidak

berapa kuat lagi, jadi itu salah satu yang kita kenal pasti di mana berlakunya tahanan reman ini lari. Dalam konteks Puchong ini, nanti saya akan meminta pihak berkuasa untuk memaklumkan apakah sebabnya tahanan reman itu lari daripada lokap Puchong ini. Terima kasih.

3. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk melaksanakan dasar "*gender mainstreaming*". Jika ya, bilakah ia akan ditubuhkan. Jika tidak, apakah sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chiew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya telah bersetuju dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai kesaksamaan *gender*. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai kesaksamaan *gender* ini akan dapat meletakkan *gender mainstreaming*, dengan izin, sebagai satu agenda utama kerajaan mengenai hal ehwal dan pembangunan wanita. Tindakan ini dapat memastikan segala peraturan dan dasar kerajaan akan lebih sensitif kepada keseimbangan antara lelaki dan wanita. Perkembangan ini akhirnya akan membentuk negara Malaysia yang lebih maju, progresif dan seimbang.

Jawatankuasa Kabinet ini akan bersidang dalam masa yang terdekat bagi:-

- (i) mengubah dasar strategi dan program bagi mencapai kesaksamaan *gender* dalam negara;
- (ii) mengevokasi kesaksamaan *gender* dalam sektor kerajaan dan swasta;
- (iii) mengenal pasti, mengkaji serta memperakukan pindaan kepada undang-undang dan peraturan kerajaan yang peka gender;
- (iv) memantau dan menyelaraskan langkah-langkah bagi kesaksamaan gender dalam semua sektor; dan
- (v) menyediakan hala tuju bagi membolehkan negara mematuhi dan melaksanakan obligasi di bawah konvensyen antarabangsa mengenai kesaksamaan *gender*, misalnya *Beijing Platform for Action*, *The Convention on the Elimination of All Forms of*

Discrimination Against Women, dengan izin dan *Commonwealth Plan of Actions*. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Kabinet *Gender Mainstreaming* ini. Saya rasa ini adalah satu langkah ke arah yang betul. Tetapi walau bagaimanapun, untuk melaksanakan konsep ini, ahli-ahli jawatankuasanya perlulah sendirinya mempunyai kesedaran dalam *gender mainstreaming* ini tahu apakah maksudnya dan juga Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di dalam kementerian ini...

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Puan Chong Eng: Ya, soalannya ialah adakah ahli-ahli jawatankuasa ini, walaupun saya tahu ia diketuai oleh Perdana Menteri, tetapi sama ada beliau telah menghadiri atau menyertai mana-mana program mengenai *gender mainstreaming*, kalau tidak yang alternatifnya mereka mesti mempunyai *consultant* yang tahu perkara ini.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan siapakah *consultant*nya dan adakah ahli-ahli jawatankuasa ini dan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sendiri telah menghadiri atau mengikuti mana-mana program *gender mainstreaming* ini. Sekian, terima kasih.

Puan Chiew Mei Fun: Terima kasih kepada soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya saya rasa Yang Berhormat tidak perlu mempertikaikan kepekaan *gender*, Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri kita di dalam Barisan Nasional kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang selalu prihatin dan peka dengan isu-isu *gender*, dan dengan adanya satu keputusan dasar untuk memberi 30% dalam peringkat membuat keputusan ini, jelas menunjukkan kepekaan dan kefahaman dalam *gender mainstreaming* ini oleh semua Yang Berhormat Menteri kita.

Selain daripada itu, Kerajaan Barisan Nasional juga selalu mengadakan kursus-kursus dan latihan kepada semua pegawai kerajaan, khususnya pegawai Kementerian Kewangan supaya mereka lebih faham apa maknanya *gender mainstreaming* dan macam mana mereka boleh melaksanakan *gender mainstreaming* ini di dalam dasar-dasar kerajaan. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai kesaksamaan *gender* ialah, adakah Kementerian menggariskan sebarang strategi atau langkah khusus bagi merealisasikan sasaran ataupun *target* kerajaan bahawa 30% daripada pembuat dasar adalah terdiri dari kaum wanita? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Okey, *gender mainstreaming* adalah satu strategi yang telah diambil oleh kerajaan dan di bawah *gender mainstreaming* ini, kita telah mewujudkan satu *gender-desegregated information system* yang mana kita boleh mengumpul maklumat data yang berasaskan pecahan mengikut *gender* dalam bidang politik dan semua bidang dan semua sektor, supaya melalui data ini, kita dapat mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dan apakah tindakan yang perlu dilaksanakan ataupun diambil oleh kerajaan supaya kita dapat mempertingkatkan lagi keupayaan dan kelayakan mereka, supaya kaum wanita dapat bersaing dengan kaum lelaki dan juga melalui polisi dan juga tindakan-tindakan yang diambil, kerajaan juga akan memberi lebih peluang kepada wanita, supaya mereka dapat memasuki dalam peringkat membuat keputusan. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] tidak hadir]

5. Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah usaha-usaha dan tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membantu pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk memasarkan barangan dan hasil produk mereka di pasar raya-pasar raya utama dan *hypermarket* di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu fungsi utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah bertanggungjawab dalam membangun dan memajukan sektor perdagangan pengedaran di dalam negara termasuklah mengawal operasi *hypermarket/supermarket* milik asing dan tempatan dalam negara.

Memandangkan masalah pemasaran produk ke *supermarket* atau *market*, sering menjadi isu utama kepada pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS), pihak kementerian telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program promosi produk-

produk IKS ke *supermarket/hypermarket* sebagai usaha membantu memasarkan produk mereka, menerusi pasaran *supermarket/hypermarket* mengikut syarat-syarat seperti kualiti produk, kapasiti, harga produk, penghantaran barangan serta beberapa bayaran tertentu yang dikenakan kepada pengusaha IKS.

Tuan Yang di-Pertua, antara usaha-usaha kementerian, misalnya pihak kementerian baru-baru ini telah pun melaksanakan dua program promosi iaitu dengan *hypermarket* Tesco pada bulan Oktober 2003 hingga Januari 2004 dan dengan *supermarket/hypermarket* The Store pada 29 Mei 2004 hingga 4 Julai 2004.

Pihak kementerian dan pihak *hypermarket* telah mewujudkan kerjasama dengan menanggung perbelanjaan program promosi tersebut yang meliputi kos operasi dan kos promosi. Di dalam program promosi ini, beberapa insentif telah diberikan kepada *supermarket/hypermarket* kepada pengusaha IKS yang dianggap amat menggalakkan, seperti mengenakan tempoh bayaran kredit antara 35 hari hingga 45 hari dan pengecualian pembayaran *listing fee* untuk tempoh enam bulan.

Dari segi senarai produk pula, sebanyak 23 jenis produk telah diterima masuk ke *hypermarket* Tesco dan sebanyak 195 produk di *supermarket/hypermarket* The Store.

Dengan kejayaan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bercadang akan meneruskan program promosi seperti ini, agar lebih banyak lagi produk IKS dapat dipasarkan di seluruh *hypermarket/supermarket* di negara kita ini.

Walau bagaimanapun, bagi menjamin pengusaha IKS terus memasarkan produk-produk IKS yang telah diterima masuk ke *supermarket/hypermarket*, pihak kementerian berpendapat, wajarlah agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan IKS membantu mereka dari segi keperluan kewangan, pembangunan produk dan pengeluaran produk agar mereka dapat menyediakan kapasiti pengeluaran yang secukupnya bagi membekalkan produk-produk mereka ke *supermarket* dan *hypermarket*. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih juga kepada kementerian kerana telah mengambil langkah-langkah dan inisiatif untuk membantu pengusaha-pengusaha IKS ini.

Soalan tambahan saya. Tuan Yang di-Pertua, ialah sedarkah pihak kementerian bahawa bayaran yang dikenakan kepada pihak IKS ini untuk menghantar

barang-barang ke *hypermarket* dan *supermarket* ini begitu tinggi, ada yang mengenakan bayaran setinggi semua sekali perbelanjaannya bagi setiap produk itu RM8,000 bagi satu produk dan adakah pembayaran ini tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dikecualikan, adakah pembayaran itu dikecualikan semasa promosi ini ataupun sampai bila-bila? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk memasarkan produk IKS di *supermarket* dan *hypermarket* memang ada bayaran yang dikenakan, seperti *gondola fees*, *listing fee* dan kadang-kadang kita ada promosi, ia dikenakan *promotion fee*.

Kementerian memang sedar tentang beban yang akan ditanggung oleh pihak IKS apabila memasarkan produk mereka di *supermarket* dan *hypermarket*, maka kerajaan melalui kementerian ini untuk membincangkan dengan pihak *supermarket* dan *hypermarket*, di mana seperti yang saya katakan tadi, *listing fee* misalnya ia ada dua kategori, satu untuk satu *outlet*, satu untuk satu syarikat. Misalnya Tesco ia ada beberapa syarikat, semua *outlet* akan dibenarkan, maka kita akan melihat dari segi kemungkinan di mana fees yang dikenakan oleh *hypermarket* kepada pengusaha ini dapat dikurangkan.

Yang saya sebutkan tadi, dua kali kita buat promosi ini, *respond* amat-amatlah menggalakkan, maka pihak *hypermarket* dan *supermarket* pun bersetuju di mana misalnya *terms of credit*, misalnya antara 30 hari hingga 90 hari, sekarang diturunkan 30 hari sampai 45 hari dan kerajaan masih meminta pihak *supermarket* dan *hypermarket*, selain daripada fees yang dikenakan itu, *credit term* itu juga harus dikurangkan supaya membantu pihak IKS untuk memasarkan produk mereka dengan lebih berjaya. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan, tadi banyak kita membicarakan tentang Hypermarket Tesco yang mana kalau kita perhatikan program perniagaan di Tesco ini di peringkat yang banyak menumpukan juga kepada produk-produk makanan yang berorientasikan '*greens*' iaitu hijau iaitu pemakanan yang banyak menitikberatkan tentang kualiti produk-produk pertanian termasuk daging, sayuran dan sebagainya.

Jadi, dalam hal ini oleh kerana Tesco telah menjadi satu daripada kaedah masyarakat kita membeli-belah terutama sekali yang berkaitan dengan pemakanan, bagaimanakah bentuk sebenarnya kerana kementerian saya nampak hanya membuat

promosi tetapi tidak dapat menyenaraikan pengusaha-pengusaha kecil kita, terutama sekali yang kecil supaya ada suatu bentuk piawaiian ataupun *standard*, kerana kita tahu bahawa Tesco juga akan mengadakan suatu *standard* ataupun piawaiannya sendiri, sedangkan usahawan-usahawan kecil kita sekiranya tidak dapat kita adakan suatu bentuk piawaiian yang *standard*, yang sama dengan kehendak Tesco, akhirnya pengusaha-pengusaha kita sendiri akan gulung tikar, dari segi jangka panjang.

Sebagai contohnya, kalau kita nampak konsep vendor dan sebagainya, nampaknya ia tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi, saya hendak memastikan apakah usaha-usaha kementerian sebenarnya dalam kita menggalakkan Tesco, Store dan lain-lain ini, dapat membendung supaya ada bentuk *incubator* ataupun bentuk saringan yang dilaksanakan oleh kementerian ini supaya dalam masa syarikat-syarikat besar ini dapat berniaga dengan orang ramai, pengusaha-pengusaha kecil ini dapat kita pertahankan dan dapat kita *upgradekan* dari masa ke semasa.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Cantik ya. Saya baru melawat Tesco di London. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah melawat Tesco di London. [Ketawa] Tetapi saya pernah melawat di *supermarket-supermarket* di negara kita ini, seperti yang saya sebutkan tadi, memang benar kalau kita hendak membantu pengusaha IKS untuk memasarkan produk mereka, bukan setakat di *hypermarket, supermarket*, yang kerajaan tekankan ialah apabila pihak IKS ataupun syarikat IKS, pengusaha IKS hendak memasarkan produk mereka, kita pun harap, kualiti produk, kapasiti harga produk dan sebagainya harus sampai ke satu tahap ataupun taraf yang ditetapkan.

Jadi, selain daripada kita membantu pihak IKS untuk memasarkan barangan mereka, kriteria-kriteria yang ditetapkan, kementerian juga harap menentukan pihak *supermarket/hypermarket* dari segi kelonggaran itu pun harus membantu pihak IKS.

Jadi, setakat ini saya berpuas hati dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu pengusaha IKS dari segi *packing* ataupun kapasitinya dan termasuk harga mereka untuk lebih menjayakan pemasaran produk mereka bukan

sahaja setakat di *hypermarket/supermarket* tetapi di pasaran luar negara. Sekian, terima kasih.

6. Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah orang kurang upaya (OKU) yang telah didaftarkan dengan kementerian dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan mereka yang belum berdaftar berbuat demikian serta apakah rancangan jangka panjang kementerian untuk membantu mereka.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Persatuan Wanita Cina, saya pun tidak pasti mereka dari persatuan yang mana, tetapi semua muka mereka ini saya kenallah. Ya, okey.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pendaftaran orang kurang upaya diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sehingga bulan Disember 2003 seramai 132,458 orang kurang upaya telah didaftarkan.

Pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:-

(i)	Penglihatan	-	14,153
(ii)	Pendengaran	-	22,749
(iii)	Anggota	-	45,140
(iv)	Akal	-	49,336
(v)	Lain-lain	-	1,080
	Jumlah	-	132,458 orang

Untuk makluman Yang Berhormat, pendaftaran orang kurang upaya ini dibuat secara sukarela. Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menggalakkan OKU untuk mendaftarkan diri melalui program kesedaran dan kempen yang dibuat dari masa ke semasa dengan kerjasama pelbagai pihak khususnya pertubuhan-pertubuhan sukarela dan pertubuhan bukan kerajaan.

Kerjasama daripada pemimpin-pemimpin masyarakat seperti Ketua Kampung, Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Jawatankuasa Rukun Tetangga dan sebagainya sentiasa diperolehi untuk merujuk OKU kepada pihak jabatan untuk tindakan pendaftaran. Proses pendaftaran juga dipermudahkan melalui penggunaan borang yang lebih mudah dan OKU dibenarkan

mendapatkan pemeriksaan dan pengesahan doktor pakar dari hospital swasta. Dari segi rancangan jangka panjang kerajaan telah pun menubuhkan satu Majlis Penasihat dan Perundingan Kebangsaan bagi orang kurang upaya yang dianggotai oleh pelbagai kementerian dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk merancang dan merangka satu pelan tindakan agar program-program yang sesuai dapat dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan OKU serta memastikan mereka tidak terdicir dari arus pembangunan.

Program-program yang dijalankan dan dirancang meliputi bidang pengesanan dan pencegahan awal, pendidikan, latihan dan peluang pekerjaan, pembasmian kemiskinan, pembangunan teknologi maklumat, *accessibility* bangunan dan pengangkutan awam serta pertubuhan sukarela OKU. Sekian, terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya sedar bahawa kementerian ini mengambil rancangan jangka panjang untuk membantu OKU tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa kita lihat OKU sekarang ada yang terbaring di katil ingin membaharui kad pengenalan pintar - MyKad. Mereka terbaring di katil tidak boleh pergi ke pejabat, saya ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian mendesak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menggunakan kamera yang bergerak datang ke rumah mereka untuk menunjukkan keprihatinan kita serta memperbaharui MyKad mereka. Saya rasa ini adalah satu isu yang kita minta berbulan-bulan tidak dapat diusahakan kerana orang itu kena pergi sana ambil gambar. Saya mintalah pihak kementerian untuk mengambil perhatian tentang hal ini dan apakah pendirian kementerian ini tentang perkara ini?

Puan Chew Mei Fun: Sebenarnya kita selalu beri arahan kepada pegawai-pegawai kita. Kalau ada perkara sebegini kita mesti pergi ke rumah mereka untuk beri bantuan kepada mereka. Oleh itu kalau ada pegawai-pegawai tidak berbuat begitu sila beritahu kepada kita, kita akan mengambil tindakan dan supaya kita memastikan pegawai kita akan pergi ke rumah mereka untuk beri bantuan. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan yang begitu *detail* sekali dan kita mengucapkan syabas kerana kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk membaiki kehidupan orang kurang upaya ini. Tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pihak kementerian

akan mewajibkan supaya semua keluarga yang mempunyai OKU ini mesti mendaftar dengan Jabatan Kebajikan sebab kita lihat OKU ini mereka memerlukan latihan dan pendidikan yang khusus, jadi ada segelintir lagi kita dapati mereka tidak tahu dan tidak berdaftar kerana alasan atau sebab-sebab tertentu. Kalau boleh saya minta supaya pihak kementerian mewajibkan supaya golongan OKU itu kita dapat sampaikan bantuan yang diperlukan. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai. Saya anggap ini adalah satu cadangan yang baik tetapi setakat ini kita belum ada lagi cadangan begini untuk mewajibkan mereka. Walau bagaimanapun, saya akan mengemukakan permintaan Yang Berhormat dengan kementerian kita. Terima kasih.

7. Tuan Billy Aabit Joo @ Abit Joo [Hulu Rajang] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang untuk menghantar rombongan ke kawasan Penan di Sarawak, untuk membuat kad pengenalan para penduduk di situ.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara, telah pun menghantar rombongan ke kawasan-kawasan pedalaman Sarawak termasuk ke kawasan orang-orang Penan dengan menggunakan perkhidmatan Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak. Sebanyak 26 siri lawatan yang memakan masa satu hingga lima hari telah diadakan di 26 tempat di seluruh Sarawak. Bermula di Batu Niah, Miri pada 12 hingga 18 Februari 2004 dan lawatan terakhir setakat ini pada 17 hingga 19 September 2004 di Sungai Asap, Belaga.

Bagi kawasan penempatan bagi orang-orang Penan, terutama di kawasan Baram, unit Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak telah mengadakan beberapa siri lawatan pada tahun 2001 hingga 2003. Perkhidmatan helikopter telah digunakan untuk tujuan tersebut. sementara bagi kawasan penempatan orang-orang Penan di kawasan Long Lapok dan Long Teru di bahagian Miri, lawatan unit bergerak Jabatan Pendaftaran Sarawak telah dibuat pada bulan Jun 2004.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan Sarawak ada terdapat sekurang-kurangnya 400 orang Penan yang masih lagi

berpindah-pindah khususnya di kawasan Sungai Adang di Limbang. Adakah kerajaan juga bercadang untuk menghantar rombongan ke Sungai Adang di Limbang agar mereka juga boleh didaftarkan untuk mendapat kad pengenalan?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Lawatan Unit Bergerak ini lebih mudah kiranya dapat kerjasama Yang Berhormat kalau Yang Berhormat dapat mengatur dan memohon Jabatan Pendaftaran mengadakan lawatan ke situ. Insya-Allah, kita akan sentiasa memberi perhatian kepada perkara ini, terima kasih.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan tadi yang telah menunjukkan keprihatinan pihak kementerian atas masalah ini. Yang ingin saya bertanya di sini, berapakah jumlah kaum-kaum di Sarawak termasuk kaum Penan yang belum lagi diberi kad pengenalan dan juga surat beranak. Kedua, saya ingin tanya walaupun ada beberapa lawatan khas dibuat tetapi syarat-syarat yang ketat yang diberikan juga masih diguna dan ini menyebabkan masalah untuk membuat kad pengenalan di kawasan pedalaman, jadi saya ingin bertanya sama ada kementerian ingin melonggarkan sedikit syarat-syarat ini supaya ramai kaum-kaum di pedalaman dapat buat kad pengenalan khasnya kaum yang betul-betul orang di sini yang disahkan oleh ketua kaum, ketua masyarakat dan juga ahli politik dan yang ketiga saya ingin bertanya di sini sama ada pihak kementerian akan memberi peruntukan yang cukup supaya kakitangan di peringkat negeri dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih baik. Sekian.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama Yang Berhormat Hulu Rajang, oleh kerana soalan ini spesifik saya akan memberi jawapan secara bertulis. Walau bagaimanapun, dalam 26 siri lawatan yang telah diadakan dalam tempoh sehingga bulan September baru-baru ini, seramai 8,829 orang telah mengemukakan permohonan untuk menukar kad pengenalan, sementara untuk sijil kelahiran seramai 554 orang telah mengemukakan permohonan.

Untuk soalan yang kedua, syarat-syarat yang sedia ada adalah jelas dan untuk melonggarkan syarat-syarat yang sedia ada tidaklah boleh dilakukan tetapi walau bagaimanapun, kerana ini sebenarnya melibatkan status untuk warganegara kita tidak boleh permudahkan status ini dengan melonggarkan semata-mata kerana kita hendak memberi mereka untuk didaftarkan sijil kelahiran dan juga kad pengenalan.

Walau bagaimanapun, sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu mengesahkan perkara ini kerana kadang-kadang ada pihak yang mengambil kesempatan untuk melakukan perkara-perkara yang tidak betul.

Ketiga, peruntukan yang sedia ada akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

8. Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan bahawasanya Malaysia menghadapi cabaran meningkatnya isu penjenayah siber "Cybercrimes". Apakah yang telah dirancang dan disediakan untuk mengatasi masalah yang kian berleluasa ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selaras dengan undang-undang cyber Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, PDRM telah menubuhkan Unit Siasatan Jenayah Teknologi di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Unit ini ditugaskan untuk menyiasat kes-kes yang melibatkan jenayah teknologi dengan izin berkenaan dengan komputer dan *internet*. Pegawai-pegawai penyiasat dalam unit ini telah dilatih khas untuk menyiasat dan mengambil tindakan proaktif ke atas kes-kes jenayah perdagangan yang melibatkan komputer, *internet* atau elektronik sebagai media perlakuan jenayah. Mereka ini sentiasa diberi latihan, menghadiri seminar atau kursus dalam dan luar negara bagi memantapkan lagi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran mengenai jenayah teknologi.

Perbincangan di antara agensi penguat kuasa di luar negara juga diadakan terutama dengan negara yang mempunyai senario kes yang serupa dengan kita iaitu Singapura, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan Hong Kong. Di Peringkat Kontinjen IPK dan daerah IPD, pegawai penyiasat telah pun diberi latihan yang khusus di dalam menyiasat kes-kes jenayah komputer.

Bagi kes-kes yang lebih kompleks dan bersifat sindiket pemantauan dikendalikan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Bukit Aman. PDRM telah menubuhkan makmal forensik di Cheras, seksyen jenayah komputer atau dengan izin forensik komputer. Ini ditugaskan untuk membantu pegawai penyiasat dalam kes-kes jenayah komputer di mana segala keputusan analisis dan laporan boleh diperolehi dengan cepat dan tindakan susulan segera boleh dilakukan.

Di peringkat Nasional, Malaysia melalui PDRM merupakan ahli tetap dalam CTINS dengan izin *computer crimes information network system* yang beribu pejabat di Tokyo, Jepun. Maklumat-maklumat *ciber crime* dan *modus operandi* penjenayah terkini dimasukkan ke dalam data CTINS agar pegawai-pegawai PDRM dapat melihat maklumat ini untuk mengetahui *trend* jenayah komputer masa kini dan bagaimana untuk menanganinya. PDRM juga menghadiri mesyuarat tahunan CTINS di Tokyo, Jepun bagi membincangkan *trend* semasa jenayah e-dagang, *e-banking* dan *ciber crime*.

Akhir sekali PDRM juga mengadakan syarahan, mesyuarat dan perbincangan dengan lain-lain agensi kerajaan, pihak swasta mengenai *trend* jenayah komputer masa terkini dan mengemukakan cadangan-cadangan bagi memperkukuhkan sistem pertahanan komputer atau polisi penggunaan komputer agar ia tidak dimanipulasikan oleh penjenayah. Sekian, terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat: Terima kasih, soalan tambahan. Jenayah alam siber pada lazimnya tidak mengira atau menghormati sempadan atau kedaulatan sesuatu negara. Di Pentagon, *penetration* melalui *fire wall* lebih kurang 90 ribu *penetration* tiap-tiap satu jam. Di Malaysia, kalau kita masih ingat lagi beberapa institusi telah pun di *hack* ataupun *crack down* dari segi penjenayah sivil. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pertahanan kita mempunyai *fire wall* yang saya rasa amat baik yang tidak langsung dapat *dipenetrated* dengan izin, oleh mana-mana pihak, adakah kita bersedia dan kalau itu ada, apakah perundangan yang ada bagi penjenayah-penjenayah sivil ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, *fire wall* merupakan satu pertahanan kepada sistem komputer dan teknologi pun selalu berubah dan ada *hacker-hacker* yang pun mempunyai pengetahuan dan teknologi yang lebih canggih kadang-kadang dan oleh sebab itu ini merupakan satu perang *siber* yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, *fire wall* ataupun pertahanan pun telah diadakan di sistem-sistem komputer termasuk sistem-sistem kerajaan dan agensinya dan juga dipihak swasta tetapi yang mustahak sekali ialah kita perlu menjaga rangkaian atau *network* kita dan supaya kita dapat mempertahankan sistem kita. Bagaimana pun, memang di bawah Akta Jenayah Komputer 1997 dan juga di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ada peruntukkan di mana jenayah seperti *hacking* dan

sebagainya ada peruntukannya dan mereka boleh didakwa di bawah kedua-dua akta ini ataupun akta-akta lain kalau ada berbangkit. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Timbalan Menteri, apa yang kita dapat lihat pada ketika ini dalam keadaan negara kita menuju ke arah sebuah negara maju, kita tidak dapat ketinggalan di dalam menghadapi cabaran-cabaran yang berkaitan dengan *siber war* ini. Apa yang ingin saya bertanya kepada pihak kerajaan kita tidak terkehadapan sangat di dalam perkara-perkara berkaitan dengan *siber war* ini dan kita mempunyai beberapa negara contoh yang lain seperti Jepun, Korea, Amerika dan beberapa negara Eropah yang jauh ke hadapan daripada kita di dalam perkara-perkara berkaitan dengan *siber*. Saya mohon pihak kerajaan untuk memberitahu Dewan yang mulia pada hari ini apakah kursus-kursus, seminar-seminar yang telah dihadiri oleh para pegawai kita ini mereka pulang dan memberitahu kita secara *pre-emptive*, secara ke hadapan apakah jenayah-jenayah ataupun perkara-perkara, peristiwa-peristiwa yang bakal berlaku, yang telah berlaku di negara-negara lain supaya tidak berlaku lagi di negara kita, seperti hari ini kita lihat yang telah berlaku di Jepun, berlaku di Korea, berlaku di Amerika kemudian berlaku di negara kita seolah-olah kita tidak mempelajari apa yang telah dialami di negara-negara lain dan kita terpaksa membayar dengan harga yang lebih mahal. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chia Kwang Chye: Yang Berhormat, memang kursus pegawai-pegawai kerajaan dan pihak polis pun telah dihantar ke beberapa kursus seperti dalam jawapan asal saya. Dan mereka sedang dan juga berkongsi makluman ataupun informasi dan juga teknologi dengan lain-lain negara seperti yang saya sebutkan tadi dan juga mengambil bahagian dalam *network* antarabangsa seperti *cyber crime information network system* dan sebagainya. Inilah salah satu sebagai permulaan dan yang mustahak sekali ialah kerana teknologi kian berubah dan lebih canggih oleh sebab itu kita perlu kerjasama dengan negara lain dan supaya kita dapat mencegah kejadian di negara kita, kadang-kadang modus operandi pun berubah dan kadang-kadang cara mereka menggunakan teknologi pun berubah dan yang mustahak sekali ialah kita kadang-kadang susah hendak bertanding dengan teknologi yang digunakan oleh penjenayah dan ini yang saya perkatakan tadi itu *siber war* dan saya ingin memberitahu bahawa PDRM bukan sahaja agensi yang kerja dengan diri sendiri tapi memang bekerja sama agensi-agensi seperti *National ITT Security Respond Centre*

ataupun MCMC *Malaysian Communication Multimedia Commission* dan juga lain-lain *internet service provide* - ISP dan juga syarikat-syarikat telekomunikasi supaya kita dapat bersama-sama mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

Soalan No. 9 – *Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) tidak hadir*

10. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sama ada kementerian mempunyai cadangan untuk memajukan tanah-tanah terbiar milik persendirian secara bersepadu, sistematik dan efisien.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sempat juga naik soalan ini dan izinkan saya menjawab dengan sedikit terperinci sebab soalan ini memang saya tahu mendapat perhatian ramai daripada kawan-kawan kita di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah mengenal pasti sejumlah 34,360 hektar tanah milik petani yang terbiar dan mendapati sejumlah 12,156 hektar tanah tersebut sesuai untuk tanaman. Sejak tahun 2001 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan projek pembangunan tanah terbiar di Semenanjung Malaysia berjumlah 912 hektar melibatkan 392 orang peserta.

Pada tahun ini seluas 3,000 hektar lagi tanah terbiar milik petani akan dibangunkan melibatkan seramai lebih kurang 3000 peserta. Melalui Jabatan Pertanian bantuan diberi dari segi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur seperti jalan masuk, sistem saliran dan sistem pengairan untuk membangunkan tanah terbiar. Projek pembangunan tanah terbiar dilaksanakan mengikut tiga pendekatan seperti berikut:

- (i) Usahawan individu atau syarikat menyewa tanah petani dan melaksanakan projek pertanian sendiri. Pada masa kini Jabatan Pertanian menggalakkan usahawan belia dan sektor swasta menyewa tanah terbiar daripada pemilih tanah untuk pelaksanaan projek pertanian. Mengikut model sekarang, selain daripada bayaran sewa, Jabatan menggalakkan skim

perkongsian keuntungan di antara pengusaha dan pemilik tanah sekurang-kurang 10% dengan izin, *win-win situation*. Di samping itu pemilik tanah yang ingin bekerja di projek berkenaan boleh diambil sebagai pekerja;

- (ii) Pengwujudan konsep dengan izin, *central management* di mana belia atau usahawan individu atau syarikat mendapat persetujuan pemilik tanah terbiar supaya tanah mereka dapat disatukan untuk dibangunkan di bawah pengurusan pusat dan mereka menjadi pengurusnya;
- (iii) Pengwujudan *Anchor Company* yang menjadi *market leader* dan menjadi teknologi terkini di suatu kawasan tanah terbiar contohnya Syarikat Lembah Seperi boleh menjadi *Anchor Company* bagi petani-petani di Lembah Seperi. Sebagai langkah kepada pengeluaran bahan makanan berkualiti dan selamat dimakan, semua ladang di projek pembangunan tanah terbiar akan dibimbing oleh Jabatan Pertanian untuk mendapat pengiktirafan Malaysia Best di bawah skim *Akreditasi Ladang Malaysia* dan juga pengiktirafan pengeluaran makanan organik di bawah skim organik Malaysia. Terima kasih.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005****DAN****USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kesembilan]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.28 [Jadual] -
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat, sebelum bercakap saya ingin memaklumkan bahawa hari ini ialah hari akhir sebelum kita berehat. Kita sudah ketinggalan dua kementerian dan esok mungkin berpuasa, kecuali kalau Yang Berhormat hendak solat tarawih di Parlimen, kita boleh sambunglah. *[Ketawa]* Jadi, saya ingin menghadkan tiga orang bercakap pada pagi ini untuk kementerian ini. Sila Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

11.11 pagi

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya turut membahaskan usul ini dalam peringkat Jawatankuasa melibatkan Kementerian Pengangkutan pada pagi ini. Tuan Pengerusi, butiran yang saya ingin sentuh ialah Butiran 060500 iaitu di bawah tajuk Penguatkuasaan Undang-undang. Tuan Pengerusi, baru-baru ini wujudnya satu kecenderungan yang mana penjenayah-penjenayah dalam negara kita sering kali menggunakan nombor plat kenderaan yang palsu. Dalam usaha ataupun perjalanan

mereka melakukan jenayah yang lebih serius, misalnya pembunuhan, rompak, samun ragut, culik dan sebagainya.

Masalah ini selalunya merunsingkan pihak polis kerana apabila mereka dapat mengesan kenderaan tersebut tetapi selalunya mereka tidak dapat mengesan identiti tuan punya kenderaan kerana selalunya nombor plat palsu yang digunakan. Apabila mereka melakukan kesalahan itu atau jenayah biasanya mereka ditangkap didakwa dan sebagainya di bawah peruntukan undang-undang jenayah masing-masing, misalnya Kanun Keseksaan.

Tuan Pengerusi, tetapi satu keadaan yang tidak logik berlaku ialah apabila mereka menggunakan nombor plat kenderaan yang palsu tetapi sebelum mereka sempat melakukan jenayah yang lebih serius selalunya mereka hanya akan didakwa di bawah satu seksyen yang lebih ringan iaitu seksyen 108 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang hanya mengenakan hukuman denda sahaja iaitu denda tidak melebihi RM5,000 ataupun penjara tidak melebihi satu tahun. Kebiasaan pihak mahkamah hanya memberikan hukuman denda sahaja kerana pihak mahkamah hanya mengambil kira bahawa mereka hanya menggunakan nombor plat kenderaan yang palsu tanpa mengambil kira bahawa niat jahat mereka ialah untuk ataupun dalam perjalanan ingin melakukan jenayah yang lebih serius.

Jadi, saya rasa ini harus dipertimbangkan oleh pihak kementerian terutama sekali unit penguatkuasaan undang-undang berunding dengan Pejabat Peguam Negara supaya menjadi satu ikhtiar sama ada ianya praktikal, kita mewujudkan satu kategori jenayah yang spesifik iaitu jenayah menggunakan nombor plat yang palsu dengan niat melakukan jenayah yang lazim ditangkap. Jadikan satu jenayah dan jadikan satu hukuman yang mana kita kenakan hukuman penjara secara wajib. Selalunya usaha yang dicurahkan oleh pihak polis tidak akan disia-siakan begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menyentuh Maksud P.28 di bawah tajuk Projek KTMB. Saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak kementerian supaya berbincang dengan KTMB sama ada kita dapat membina stesen ataupun landasan kereta api di Bandar Melaka. Kerana dahulu ada, tetapi sekarang tidak ada, sebab dahulu sebelum Perang Dunia Kedua ada landasan dalam kawasan Bandar Melaka tetapi sekarang sudah tidak ada. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini supaya pihak kementerian boleh berbincang dengan KTMB membina

stesen dan juga landasan kereta api. Baru-baru ini Melaka telah pun dinaiktarafkan dijadikan Bandar Raya Melaka dan dalam negeri Melaka wujudnya populasi lebih kurang 700,000 dan negeri Melaka juga telah berjaya menarik lebih kurang 3.6 juta pelancong melawat ke Melaka.

Jadi, Melaka ini memang berada di satu lokasi yang strategik yang mana ke arah utara adanya Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan bandar raya-bandar raya lain dan ke bawah selatan ada Johor Bahru dan Singapura dan sebagainya. Saya rasa ini akan merupakan satu pelaburan yang cermat, satu pelaburan yang bijak bagi KTMB. Saya juga percaya jika wujudnya stesen dan landasan kereta api dalam Bandar Melaka saya rasa ini akan meraih keuntungan yang besar kepada KTMB dalam jangka masa yang panjang. Tuan Pengerusi, sekian, itu sahaja saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang.

11.15 pagi

Ir Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menjurus kepada Butiran 10600. Tuan Pengerusi, pertama ialah dalam perbincangan ucapan dasar lepas saya menyentuh tentang beberapa perkara tetapi tidak ada jawapan. Jadi, saya terpaksa menyentuh semula kerana seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan perbincangan ini biarlah juga menjurus kepada persiapan untuk merancang Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Pengerusi, yang pertama tentang *Hub Center* ataupun Pusat Pengagihan Barangan yang saya bangkitkan tempoh hari telah menjadi tajuk utama di surat khabar tetapi tidak mendapat jawapan daripada kementerian. Saya mencadangkan *hub center* tersebut ataupun Pusat Agihan Barangan ialah dalam usaha kita untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas, mengurangkan ataupun mensifarkan kemasukan kenderaan panjang, membawa barangan ke pusat-pusat bandar terutamanya bandar-bandar besar yang sesak seperti Kuala Lumpur, Penang, Johor Bahru dan sebagainya.

Pada masa yang sama saya yakin dengan adanya pusat-pusat agihan barangan tersebut ataupun *hub center* akan dapat meningkatkan dan mempelbagaikan peluang-peluang ekonomi di pusat-pusat agihan dan sekali gus dapat meningkatkan peluang-peluang pekerjaan serta di jalan-jalan bukan utama dapat

mengurangkan kemalangan jalan raya kerana kenderaan-kenderaan yang panjang ini tidak lagi memasuki jalan-jalan yang tidak utama.

Kenderaan yang panjang hanya akan melalui jalan-jalan utama daripada pusat agihan barangan ke pusat agihan barangan dari satu tempat ke satu tempat, maksudnya dia tidak akan keluar daripada pusat agihan barangan ke pusat bandar dan dari pusat bandar ke destinasi-destinasi untuk mengangkut barangan. Cukup sekadar menggunakan kenderaan ringan dan sekali gus akan dapat mengurangkan penipuan dan manipulasi harga serta kualiti barangan, kerana barang-barang itu akan disemak, akan dilambakkan di *hub center* dengan izin dan di situlah segala pemeriksaan dibuat.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah pun berlaku di Jepun dan German, mungkin Kementerian Pengangkutan boleh membuat lawatan di sana dan ajaklah kami sekali. Tuan Pengerusi..

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Ir Haji Hamim bin Samuri: Nanti sekejap masa tidak cukup, minta maaf *[Ketawa]* Kedua Tuan Pengerusi, ada orang balik dari *oversea*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Menyampuk]*

Ir Haji Hamim bin Samuri: Sekejap, tentang NGV. Minta maaf ya Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya masa tidak cukup. Hari ini Presiden Persatuan Automatif Malaysia mencadangkan supaya NGV ini diperluaskan penggunaannya, diberikan pengecualian cukai 25% ke atas cukai jalan, diberikan insentif kepada kit ataupun peralatan pemakaian NGV untuk kenderaan dan sebagainya.

Jadi, perkara ini juga disebut dalam Parlimen tetapi hari ini telah menjadi satu tajuk utama dalam surat khabar seolah-olah NGO mendahului Parlimen, sedangkan perkara ini telah pun dibangkitkan di Parlimen tidak mendapat jawapan yang konkrit daripada kementerian dan kita langsung tidak mendahului NGO. Jadi, saya mintalah supaya kita ada teksi melebihi 8,000. Teksi yang menggunakan NGV sekadar 60%, harga NGV separuh daripada harga petrol. Kalaulah ada satu cadangan daripada Kementerian Pengangkutan kepada kerajaan, Kementerian Kewangan supaya mencari jalan untuk memperluaskan atau memperhebatkan penggunaan NGV.

Tuan Pengerusi, akhir sekali oleh kerana masa tidak cukup iaitu saya ingin menyebut tentang kos *transport*. Tuan Pengerusi, kos *transport* ini mengandungi harga ataupun sewa kenderaan, yang mengandungi harga petrol, diesel ataupun NGV akan datang kalau digunakan, harga *maintenance* dan sebagainya, gaji, elaun drebar *plus* bayaran tol.

Saya mungkin ada sedikit kontroversi dalam hal ini kerana saya yakin ada harga-harga lain, ada kos-kos lain yang termasuk di dalam keseluruhan kos pengangkutan, mungkin Kementerian Pengangkutan boleh membuat satu kajian secara komprehensif secara terperinci tentang segala kos, satu persatu, *item* demi *item* yang termasuk di dalam kos pengangkutan supaya kita boleh membandingkan sama ada kos pengangkutan yang dikenakan ke atas pengangkutan barang-barang ini benar-benar sepadan atau tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: So, akhirnya, sekiranya ada kos lain yang mungkin, sedikit lagi, suku minit. Yang sepatutnya tidak masuk di dikeluarkan. Saya harap kementerian fahamlah. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

11.21 pagi

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *Alhamdulillah*, terima kasih, Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh Maksud B.28 – Butiran 050200 dan P.28 – Butiran 1300. Perkara yang pertama ini terpenting, Lapangan Terbang Kuala Lumpur/Subang. Jadi, lapangan terbang ini sudah agak lama terbiar atas nama Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah iaitu salah seorang daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Kita difahamkan lapangan terbang ini akan dibuka semula dan kita sangat mengalu-alukan kerana pada ketika ini pun KLIA ataupun Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang sudah menjadi begitu sibuk dan ia boleh menjadi satu laluan alternatif. Selain daripada itu, yang lebih penting ialah pihak Air Asia, satu-satunya syarikat penerbangan yang menawarkan tambang murah telah pun menawarkan diri untuk mengendalikannya bersama-sama dengan MAS.

Oleh kerana itu, Sabak Bernam menaruh harapan, lembaga pengurusan lapangan terbang ini di bawah Kementerian Pengangkutan untuk mengambil satu langkah yang segera supaya tempat ini jangan terus terbiar. Saya telah meninjau tempat ini dan kita dapat kemudahan itu masih banyak tetapi di kawasan-kawasan tertentu telah semak dan penuh dengan sampah sarap, khususnya di kawasan letak kereta.

Perkara yang kedua, isu keselamatan jalan raya. Mengambil data tiga hari yang lepas di Negeri Selangor. Pada hari Isnin, kemalangan jalan raya sebanyak 260 pada hari itu. Pada hari Selasa 274, semalam tambah lagi, 278. Bermakna tiap-tiap hari kalau kita dapat gambarkanlah negara kita dalam peperangan, kita lebih hebat daripada negara yang sedang berperang. Oleh kerana itulah, kita berharap Kementerian Pengangkutan mengambil langkah pro aktif dan lebih daripada biasa dengan nilai tambah memetik kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana kita harus memberi nilai tambah kepada segala sesuatu yang kita buat.

Kalau setakat kempen biasa sahaja, umpamanya yang telah dinyatakan melalui media menjelang Hari Raya ataupun hari perayaan yang akan datang, maka akan dikenakan denda kompaun RM300, tidak boleh ditawar. Saya rasa ini bukan jaminan tetapi mungkin salah satu agenda, tetapi kita rasa ada cara yang lebih baik untuk mengatur strategi ini. Selain daripada kempen berterusan, kita juga ingin bertanya suatu ketika, pegawai kerajaan Kumpulan A yang terpilih boleh melaporkan kenderaan-kenderaan ini yang menyeleweng daripada menggunakan jalan raya itu sama ada laju ataupun berlumba dan seumpamanya. Kita ingin tahu status perkara ini.

Selain daripada itu, kita juga ingin tahu pendirian kementerian ini dari segi kelajuan di lebuhraya yang pada suatu ketika ingin dibenarkan sehingga 120 kilometer sejam. Jadi, saya hampir pasti, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri bila menggunakan jalan raya memang melebihi 120 kilometer kerana kenderaan kita berkuasa lebih daripada itu. Jadi, oleh kerana itu seharusnya ada pendirian yang khusus mengenai perkara ini.

Ini bukan soal memberikan satu *exclusivity*, dengan izin, kepada orang-orang yang mempunyai kenderaan tetapi kita sudah kaji pun, mungkin termasuk kita sendiri.

Jadi, apabila menaiki kenderaan itu di lebuhraya dalam keadaan yang bersahaja, kita boleh mengantuk dan seumpamanya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak beri Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, masa Yang Berhormat pun sudah hendak habis.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya sedikit sahaja.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Okey, 30 saat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, saya suara tidak ada, saya tidak bercakap banyak. Terima kasih, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hendak tanya setuju atau tidak, kalau kita buat satu kempen semua sekali, kita hendak sifar kemalangan jalan raya sempena Hari Raya ini dan kita hendak setuju atau tidak kalau kita masuk doa-doa yang mustajab sedikit. Jangan naik kereta tidak baca doa.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, saya setuju apa sahaja kempen yang bertujuan untuk mengurangkan tetapi untuk sifar, saya ingat Yang Berhormat, ini sangat sukar, kalau dilihat daripada kemalangan di negeri Selangor. Perkara yang kedua,.....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Itu *target, target*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Dan, yang paling akhir sekali, Tuan Pengerusi, ini mengenai anak kita, pelajar sekolah. Jadi, kita dapati pelajar-pelajar sekolah, sama ada di bandar atau pun di luar bandar, sekarang ini menggunakan kenderaan bermotor, tetapi ramai di antara mereka sebenarnya tidak layak kerana bawah umur.

Oleh kerana itu, kita pernah mencadangkan supaya pelajar sekolah ini disediakan satu kenderaan bermotor, mungkin dengan kuasa yang rendah, 20 kilometer sejam khas untuk mereka atau kali ini kita mencadangkan supaya dalam apa keadaan pun mereka diberikan permit ataupun lesen untuk menggunakan kenderaan kerana ia bertentangan sebenarnya dengan sistem disiplin yang kita cuba ketengahkan di peringkat sekolah.

Sekarang ini, sebenarnya mereka melanggar peraturan datang ke sekolah, tetapi kita sebenarnya membenarkan, dalam bahasa lebih kasar sedikit, 'membutakan'

mata kita terhadap pelanggaran undang-undang yang dibuat oleh mereka, dengan menerima mereka di sekolah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Dengan maaf, terima kasih.
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah. Saya minta maaf kerana kita terpaksa teruskan jawapan daripada Kementerian Pengangkutan. Yang Berhormat yang tidak sempat bercakap, sila, bolehlah mencelah bila perkara itu berkaitan. Sila, Timbalan Menteri.

11.27 pagi

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertama saya hendak mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa yang melibatkan Kementerian Pengangkutan. Insya-Allah saya akan cuba sedaya upaya saya untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan dan ada juga pandangan-pandangan setakat yang termampu dan saya bermula dengan Yang Berhormat bagi Larut iaitu berkaitan dengan cadangan Lapangan Terbang Taiping untuk dijadikan aktiviti penerbangan ataupun *charter flight* ataupun menjadikan akademi latihan bagi penerbangan.

Kerajaan setakat hari ini tidak ada perancangan untuk membangunkan Lapangan Terbang Taiping ini dan pada masa sekarang Lapangan Terbang Ipoh dapat menampung keperluan penerbangan yang berjadual. Di samping itu, kerajaan telah juga meluluskan sebuah sekolah latihan penerbangan bagi helikopter di Ipoh. Kerajaan mengambil maklum cadangan bagi mengekalkan unsur-unsur sejarah dan warisan berkaitan dengan laluan landasan kereta api pertama di antara Taiping ke Port Weld, yang mana juga telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Larut.

Landasan kereta api pertama ini yang mana saya telah sentuh tadi iaitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini koridor tersebut tidak lagi diperlukan untuk operasi dan dalam aspek ini mungkin kita perlu meneliti dari segi peruntukan yang diperlukan dan untuk menjaga dan menyelenggarakan infrastruktur yang perlu dipulihara itu.

Yang Berhormat bagi Tumpat.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama, terima kasihlah di atas keprihatinan kementerian untuk melihat Lapangan Terbang Taiping ini yang penuh dengan sejarah, sekurang-kurangnya saya tidak nafikan bahawa Ipoh Airport memang ada, tetapi cuma sehari satu penerbangan sahaja. Oleh kerana sekarang ini menggunakan lebuh raya begitu dekat di antara Ipoh dengan Kuala Lumpur dan juga ke Utara. Tetapi, saya tidak tahulah sama ada kementerian boleh memikirkan sementara lebuh raya berhampiran dengan Gua Tempurung ini menghadapi masalah, mungkin hendak ditambahkan dengan penerbangan dan mungkin untuk mengelakkan kesesakan jalan raya, mungkin boleh ditambah penerbangan di antara Ipoh ke destinasi yang lain, terutamanya Kuala Lumpur.

Soalan saya ialah tentang landasan kereta api tadi, yang saya bangkitkan, sekarang ini telah dicerobohi setingan. Mungkin oleh kerana pihak berkenaan tidak melihat kepentingan warisan, terutama sekali semalam, ke bawah Duli Tuanku Sultan Perak sendiri telah pun merasmikan satu projek warisan sejarah berhampiran dengan Taiping iaitu di Port Weld. Jadi, kalaulah keadaan ini berterusan, mungkin kita tidak dapat mengekalkan kekayaan sejarah di negara kita ini. Saya membangkitkan demikian kerana masalahnya, harta-harta ataupun tanah-tanah yang dimiliki oleh kita yang terutamanya, ketinggalan begitu sahaja. Apakah pihak kementerian boleh memikirkan sesuatu yang boleh dilakukan sementara projek-projek kekal akan dibangunkan. Terima kasih.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ada beberapa cadangan itu boleh diambil kira, insya-Allah saya akan bawa ke dalam perhatian pihak kementerian. Di masa-masa akan datang, insya-Allah...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Taiping punya lapangan terbang, kementerian tidak jadi hendak buat. Jadi, saya hendak tanya ini, mengenai dengan Melaka punya lapangan terbang. Lapangan Terbang Batu Berendam juga sejarah dan hari ini permintaan ataupun *traffic flow* antara Indonesia ke Melaka oleh kerana hospital swasta dan sebagainya, pada hari ini *very heavy*. Saya sudah dapat tahu pengumuman, bahawa kementerian sudah bersetuju untuk memanjangkan lagi landasan Lapangan Terbang Batu Berendam, hanya hendak tahu sekarang ini, bila kementerian hendak luluskan atau bila kita hendak mulakan pembesaran ataupun pelebaran, pemanjangan Lapangan Terbang Batu Berendam di Melaka. Terima kasih Yang Berhormat.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Setahu saya, memang ada satu perancangan untuk hendak melebarkan lapangan terbang di Melaka itu, oleh kerana saya tidak ada butiran yang tepat pada hari ini dan insya-Allah, kalau diperlukan saya akan menjawabnya dengan cara bertulis. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Tumpat telah juga menyentuh tentang laluan kereta api Pantai Timur, adakah cadangan untuk membangunkan lagi sistem kereta api, terutama yang merentasi negeri Pahang dan Kelantan. Sebenarnya Yang Berhormat, laluan kereta api Pantai Timur di antara Gemas ke Tumpat bukanlah terabai seperti yang disangka itu. Bahkan, ia di dalam beberapa perancangan, di dalam Rancangan Malaysia kita, kerajaan telah memperuntukkan bajet bagi membangunkan laluan tersebut. Sebagai contohnya, projek pembaharuan landasan yang telah dilaksanakan bagi menukar selipar kayu itu kepada selipar konkrit dan rel yang baru.

Pada masa ini, projek itu sedang berjalan dan dilaksanakan bagi menukar batu-batu landasan dan bagi mengukuhkan lagi landasan serta memperbaiki jambatan-jambatan yang dilalui. Mengenai cadangan untuk memendekkan laluan perjalanan kereta api di Pantai Timur, sebelum ini telah dijalankan kajian untuk menghubungkan laluan merentasi bahagian Titiwangsa. Walau bagaimanapun, disebabkan kos yang begitu tinggi untuk membina terowong dan jambatan yang panjang, projek ini terpaksa dibatalkan. Walau bagaimanapun, beberapa projek pembangunan yang melibatkan

lalu Pantai Timur akan dilaksanakan berperingkat-peringkat dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, ini juga termasuk pembinaan beberapa stesen utama dan juga pembinaan kemudahan stesen dan *yard* untuk pengangkutan barang-barang.

Yang Berhormat bagi Beluran telah menyentuh tentang persaingan antara MAS dengan Air Asia, dengan meminta kerajaan mengambil perhatian dan juga Yang Berhormat menyentuh tentang insiden yang melibatkan Air Asia. Penerbangan dari Sandakan, pesawat mengalami kerosakan, terpaksa berpatah balik. Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap persaingan antara MAS dan Air Asia dalam konteks *healthy competition* dan yang paling penting sekali, keselamatan bagi pihak pengguna. Matlamat kerajaan adalah untuk membangunkan industri penerbangan negara dan dalam hal ini, kerajaan telah mengarahkan MAS dan Air Asia untuk ke meja perundingan dan mengadakan kerjasama demi kepentingan pengguna dan industri penerbangan negara.

Kerajaan tidak akan sekali-kali mengabaikan keselamatan para penumpang yang menggunakan pesawat sama ada MAS ataupun Air Asia. Yang Berhormat bagi Beluran juga telah menyentuh tentang penyiasatan berkaitan dengan helikopter Hornbill, iaitu sistem pengawalan di atas pesawat-pesawat. Berkaitan dengan siasatan Hornbill ini, kementerian pada ketika ini telah menjalankan siasatan dan dari segi keselamatannya ia terjamin dan kita sedang menunggu laporan yang terperinci daripada Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat bagi Santubong telah menimbulkan tentang kerosakan teknikal yang dihadapi oleh AirAsia dan sebab-sebab yang berlaku. Jabatan Penerbangan Awam akan sentiasa menjalankan siasatan ke atas apa-apa kerosakan yang serius berlaku terhadap mana-mana penerbangan di dalam negara termasuk pesawat milik AirAsia.

Dalam hal ini, sehingga sekarang terdapat tiga insiden yang melibatkan pesawat AirAsia iaitu di Alor Setar pada 4 November 2003 dan di Miri pada 5 November 2003 dan di Kuching pada 25 Januari. Walau bagaimanapun ketiga-tiga insiden ini tidak menjejaskan keselamatan penumpang-penumpang dan ia hanyalah disebabkan oleh cuaca buruk.

Yang Berhormat bagi Santubong juga telah menimbulkan tentang perkara yang melibatkan pemeriksaan yang terpaksa menunggu jurutera dari Semenanjung yang

mana tiada jurutera yang ditempatkan di Sabah dan di Sarawak. Pihak pengurusan Jabatan Pengangkutan Jalan telah sedar tentang keperluan seorang jurutera di negeri Sabah dan Sarawak bagi melaksanakan tanggungjawab berkaitan dengan pemeriksaan kenderaan perdagangan.

Oleh itu dalam kertas kerja cadangan penstrukturan semula bahagian teknik Ibu Pejabat JPJ telah memohon supaya jawatan jurutera diwujudkan di negeri Sabah dan Sarawak. Malah dalam cadangan itu juga dipohon supaya ditubuhkan unit teknik yang diketuai oleh seorang jurutera di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Pada masa kini, hanya seorang Penolong Jurutera ditempatkan di Kuching, Sarawak.

Yang Berhormat bagi Tebrau telah memberikan satu cadangan sama ada LRT ataupun MRT antara Singapura dan Johor Bahru. Pada masa ini kerajaan belum ada cadangan untuk membina sistem LRT yang disambungkan antara Johor Bahru dengan Singapura.

Yang Berhormat bagi Tebrau juga telah membangkitkan tentang penurunan kuasa bagi *traffic warden* di Johor Bahru yang mana kita tidak dapat melakukannya kerana ini kemungkinan akan bertindih dengan kuasa polis. Walau bagaimanapun, apa yang kita dapati pada hari ini, di Kuala Lumpur itu sendiri pun, Bandaraya Kuala Lumpur tidak menggunakan khidmat daripada pegawai-pegawainya untuk menggunakan kuasa dari segi mencegah masalah-masalah *traffic* di Kuala Lumpur ini oleh sebab dari segi penindihan yang kita tidak hendakkan orang ramai terkeliru dengan kuasa yang diberi kepada polis atau pegawai-pegawai yang berkaitan dengan apa yang telah saya bangkitkan tadi.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: [*Tercari-cari Yang Berhormat bagi Puchong*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Di hadapan.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai kesesakan jalan di Kuala Lumpur, adakah kementerian buat satu kajian ataupun satu rancangan untuk mengurangkan kesesakan ini mengikut sistem-sistem di negara lain seperti di Singapura di mana jalan-jalan raya itu *systemic*, dengan izin, untuk sesuatu waktu sahaja dan kalau kita masuk, kita kena bayaran dan sebagainya. Adakah ada dalam perancangan ataupun

kementerian mempunyai rancangan seperti ini ataupun ada rancangan yang lain untuk mengurangkan kesesakan jalan di Kuala Lumpur dalam jangka masa pendek, sederhana dan jangka panjang. Terima kasih.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah pihak kementerian sentiasa melihat keadaan ini apabila melihat kesesakan lalu-lintas di dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan ada juga Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini yang akan saya sentuh kemudian iaitu berkaitan dengan sistem lalu-lintas di Kuala Lumpur ini.

Apakah sedikit sebanyak cara-cara yang boleh kita kurangkan, satu daripadanya ialah dari segi perkongsian menggunakan kenderaan dan perkara ini telah saya jawab dalam soalan lisan tidak berapa lama dahulu yang mana saya mengatakan ini adalah kadangkala sikap pihak warga kota kita yang suka menggunakan banyak kenderaan dalam sesuatu masa. Kadangkala di dalam sebuah keluarga ataupun sebuah rumah yang ada tiga atau empat biji kereta dan mereka telah menggunakan kesemuanya dalam satu masa untuk mereka ke pejabat atau ke tempat-tempat persiaran.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri kerana memberi laluan kepada saya. Di Gombak, kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan ataupun kebanyakan mereka yang bertugas di Kuala Lumpur, ramai di antara mereka yang tinggal di Gombak. Saya tahu bahawa Gombak begitu hampir dengan Kuala Lumpur. Salah satu daripada aduan yang mereka sampaikan kepada saya ialah walaupun sudah ada sistem LRT dan ada terminalnya di Gombak, tetapi sistem *bus feeder* dia tidak bagus dan saya dapati apabila mereka menaiki LRT dan apabila sampai di stesen, mereka terpaksa menunggu begitu lama untuk mendapatkan *bus feeder* itu untuk membawa mereka ke destinasi-destinasi dan taman-taman yang berhampiran.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana keadaan ini sudah terlalu kronik, mereka terpaksa memandu kereta mereka sendiri untuk bekerja. Inilah yang menyumbang kepada kesesakan lalu-lintas. Jadi, walaupun kita ada sistem pengangkutan awam dan kalau sistem pengangkutan awam kita perkemaskan dengan adanya LRT dan sistem *feeder* yang efisien, yang agak baik, tidak payah penumpang menunggu begitu lama dan tidak payah penumpang setelah menaiki LRT, selepas itu terpaksa menaiki teksi pula kerana sistem *bus feeder* yang tidak baik dan terpaksa

menanggung kos yang lebih tinggi. Itulah sebabnya mereka menggunakan kenderaan sendiri. Apabila mereka menggunakan kenderaan sendiri, ini menyumbang kepada kesesakan lalu-lintas di Bandaraya.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak menafikan banyak kelemahan yang ada di dalam sistem pengangkutan awam terutamanya dalam bandar-bandar besar kita dan juga Kuala Lumpur.

Saya rasa ini memang sentiasa kita kaji dari satu masa ke satu masa. Ia juga melibatkan dari segi perancangan awal kerana ini kemungkinan zaman 20 tahun atau 30 tahun dahulu yang mana tidak ada lagi sistem Monorel dan sistem LRT ini semua. Jadi, banyak perkara yang perlu kita perbetulkan kerana apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat itu, saya amat bersetuju tetapi kadangkala kerana perancangan awal yang tidak teratur, yang mana kita pada hari ini berhadapan dengan pelbagai masalah kerana tanah-tanah yang perlu kita gunakan untuk memberi keselesaan kepada sistem perkhidmatan pengangkutan kita ini yang mana kita terpaksa mengadakan perbincangan dengan pelbagai agensi termasuk Bandaraya dan juga tanah-tanah individu.

Jadi, itu sebabnya kita tergendala untuk menyelesaikan masalah-masalah ini dan saya bersetuju benar bahawasanya.....

Tuan Markiman bin Kobiran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Hulu Langat.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bercakap mengenai sistem pengangkutan awam ini saya ingin menyentuh tentang sistem *commuter* yang diselenggarakan oleh KTMB. Saya ingin membangkitkan isu semua stesen KTMB yang beroperasi di sekitar Lembah Klang tidak memperuntukkan ruang letak kereta yang bersesuaian bagi menggalakkan pengguna-pengguna sistem pengangkutan awam ini meninggalkan kereta mereka dan masuk ke bandar raya Kuala Lumpur melalui sistem ini.

Tambah membimbangkan atau menyusahkan pengguna-pengguna ini ialah apabila mereka meninggalkan kereta di tepi jalan atau di tempat-tempat awam dan tidak ada kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan meletakkan kereta-kereta di bahu jalan atau di tempat-tempat yang telah dibangunkan dengan landskap. Kereta-

kereta ini akan disaman dan akibatnya mereka terpaksa pula membayar wang yang lebih bagi tujuan mengikuti ataupun mematuhi seruan kerajaan. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya berbincang dengan pihak-pihak berkuasa tempatan bagi menentukan atauewartakan kawasan-kawasan di sekitar stesen-stesen *commuter* ini bagi tujuan bagi letak kereta awam.

Satu lagi tambahan Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan stesen-stesen *commuter* terutama sekali di bandar Kajang misalnya yang terletak begitu jauh daripada bandar Kajang dan dari taman-taman yang berhampiran dan saya ingin menambah cadangan daripada Yang Berhormat Gombak tadi dengan berkurangnya sistem *feeder* ini menyebabkan bertambah pula teksi-teksi haram ini yang mengangkut penumpang daripada stesen *commuter* ke kawasan-kawasan bandar berhampiran. Jadi saya mohon pihak kementerian untuk mengambil kira perkara ini, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi saya rasa adalah boleh diambil maklum dan saya rasa inilah di antara yang selalu kita bincangkan di peringkat kementerian untuk menyelesaikan masalah dari segi pengangkutan ataupun *feeder* kepada stesen-stesen yang terletak jauh daripada kawasan bandar itu sendiri. Yang Berhormat Kuala Terengganu telah membangkitkan....

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya ingin ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Gombak, sekurang-kurangnya di Gombak ada LRT tetapi kekurangan *feeder*. Sebagai contoh di Puchong satu kawasan yang strategik terletak di antara Kuala Lumpur dengan Putrajaya, Kelana Jaya, Kota Raja dan juga PJ Selatan tetapi setakat ini kita tidak ada satu sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan. Di kawasan Puchong ini merupakan kawasan yang membangun paling pesat di *Klang Valley* ini dengan izin. Setakat ini kita ada lebih kurang 250,000 penduduk di sini.

So, saya bercadang kepada kementerian, tahun hadapan kalau tidak ada bajet ataupun peruntukan untuk membina satu LRT daripada Bukit Jalil ke Puchong saya berharap kementerian boleh menimbangkan cadangan ini di Rancangan Malaysia

Kesembilan ini, sambungkan daripada Bukit Jalil ke kawasan Puchong iaitu satu jarak yang tidak lebih daripada lima kilometer. Ini boleh memberi banyak faedah dan manfaat kepada penduduk-penduduk di Puchong kerana kawasan ini akan membangun lagi dan dijangka penduduk di kawasan Parlimen Puchong ini akan bertambah kepada 300,000 orang dalam jangka masa tiga atau empat tahun yang akan datang.

Saya harap kementerian ataupun Yang Berhormat boleh memberikan perhatian kepada cadangan ini dan ini memang terlalu serius kerana pengangkutan yang lain seperti bas dan teksi ini memang berkurangan di kawasan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang telah saya perkatikan tadi kadangkala perancangan awal yang mana dibangunkan kawasan-kawasan perumahan di seluruh bandar raya Kuala Lumpur ini yang mana pada hari ini kita berhadapan dengan satu masalah kerana tidak ada satu sistem yang teratur untuk menyesuaikan dari segi pengangkutan disediakan ke kawasan-kawasan seumpamanya di Puchong ini.

Seperti yang saya katakan tadi ini telah berlaku dalam segi perancangan awal dahulu yang mana tidak mengambil kira ini semua dari segi sistem pengangkutan dan sebab itulah kita bermasalah pada hari ini. Ini yang menyebabkan kita terpaksa mengkaji balik apakah cara-cara yang terbaik untuk menampung keperluan penduduk-penduduk di dalam kawasan Puchong ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kuala Terengganu telah membangkitkan tentang iaitu meminta orang ramai diberi pendidikan yang mencukupi supaya lebih bersopan dan berhemah ketika memandu di jalan raya terutamanya semasa musim perayaan. Pertambahan bilangan kenderaan sebanyak 12.8 juta pada tahun 2003 telah meningkatkan kemalangan jalan raya.

Jadi, bagi meningkatkan tahap kesedaran dan perubahan sikap pemandu supaya lebih berhemah dan bersopan ketika memandu memerlukan perancangan dan strategi yang teliti. Selaras dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap kemalangan jalan raya kerajaan telah meluluskan Jabatan Keselamatan Jalan Raya iaitu fungsi utama jabatan ini adalah seperti berikut:

- i) mengurangkan kadar kemalangan, kecederaan dan kematian ke atas pengguna jalan raya serta harta benda akibat kemalangan ke tahap paling minimum dan setaraf dengan negara maju;
- ii) menjalankan kajian keselamatan jalan raya sebagai input kepada dasar-dasar program dan aktiviti keselamatan jalan raya.
- iii) menyelaraskan tindakan keselamatan jalan raya seperti berikut:
 - a) meningkatkan kesedaran jalan raya seperti kempen pendidikan berhubung dengan budaya memandu secara beradab dan berhemah;
 - b) menyelaraskan tindakan-tindakan membaiki jalan di mana kemalangan sering berlaku akibat kecacatan atau tanda isyarat yang kurang jelas dan keadaan cuaca juga.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun meluluskan perjawatan bagi penubuhan jabatan ini. Jabatan ini dijangka akan ditubuhkan pada penghujung tahun dan jabatan ini juga akan berusaha dengan lebih baik akan dapat dibuat bagi mengurangkan kadar kemalangan kepada tahap yang paling minimum. Berhubung dengan cadangan supaya diadakan ujian psikologi dan memasukkan *anger management* ke dalam kurikulum pendidikan memandu adalah satu cadangan yang baik dan akan meminta jabatan pengangkutan jalan untuk menimbang supaya ianya dapat dimasukkan ke dalam kurikulum sedia ada.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Liow Tiong Lai: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila, sila.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Timbalan Menteri. Berkenaan memandu dengan selamat dan cermat ketika di jalan raya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalah sekarang bukan sahaja orang biasa yang di atas jalan – dengan khasnya ialah trak-trak kecil yang menunda kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Apabila mereka mendapat panggilan telefon bahawa di mana-mana tempat ada kemalangan jalan raya mereka bergerak begitu laju sekali. Saya hendak tanya adakah kementerian menjadikan kumpulan ini kumpulan sasarannya agar mereka jangan

begitu *business minded* apabila terima panggilan telefon dan bergerak begitu laju sekali untuk mendapatkan perniagaan tersebut.

Saya banyak kali begitu terkejut sekali dengan tiba-tiba mereka datang dan bergerak dengan begitu laju dan ini akan mengancam pemandu yang lain. Saya hendak tanya apakah kementerian akan menjadikan kumpulan ini kumpulan sasaran? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat, kita di pihak kementerian telah mengambil maklum tentang perkara-perkara yang berlaku ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan ini telah kita ambil perhatian dan kita akan mengambil sesuatu tindakan yang sewajarnya dalam masa yang terdekat. Yang Berhormat Cheras..

Tuan Liow Tiong Lai: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong bangun. Yang Berhormat, Yang Berhormat Bentong.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ucap terima kasih kepada kementerian kerana begitu prihatin untuk meningkatkan kempen keselamatan jalan raya dalam negara kita kerana kematian setahun lebih kurang 6000 orang itu satu angka yang begitu besar yang menakjubkan. Dengan tertubuhnya Jabatan Keselamatan Jalan Raya ini saya hendak dapat tahu adakah kementerian akan terus meningkatkan pengujian dan perlesenan pemandu-pemandu. Contohnya kita sekarang telah pun mula meningkatkan sistem pengurusan syarikat-syarikat mengajar memandu ini. Apakah langkah-langkah yang diambil sama ada boleh terus meningkatkan lagi kualiti pengajaran pemandu-pemandu. Kita tahu bahawa sekarang kereta-kereta moden bertambah laju dan bertambah canggih. Kita perlu juga terus meningkatkan kualiti memandu ini. Adakah mempunyai rancangan untuk mengadakan mesin simulasi (*simulation machine*) untuk membolehkan pelajar pemandu-pemandu kita untuk terus meningkatkan *skill* kemahiran memandu. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat, pihak JPJ sentiasa mengadakan perbincangan dengan sekolah-sekolah memandu untuk meningkatkan dalam segi prestasi mereka dari segi mengajar pemandu-pemandu untuk lebih sempurna dari segi mereka menjalani kursus-kursus

atau penglibatan mereka dalam cara-cara untuk memandu dengan cara yang selamat. Ini sentiasa dilakukan oleh pihak JPJ dan apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan mesin simulasi ini yang mana adalah sesuatu yang saya rasa perlu kita ambil perhatian dan kaji sama ada ini boleh memberi satu faedah yang baik kepada pemandu-pemandu yang menjalani kursus di sekolah-sekolah pemandu ini. Percayalah cakap saya Yang Berhormat kita sentiasa mengambil berat tentang perkara-perkara yang

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Cik Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ayer Hitam dengan Batu Gajah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:yang berkenaan dengan keselamatan jalan raya. Sila Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Timbalan Menteri tentang penubuhan Jabatan Keselamatan Jalan Raya yang diumumkan baru-baru ini. Kita sedar bahawa dari perseptif kejuruteraan trafik, tiga komponen utama, 3E - *enforcement, education, engineering*. Saya nampak fungsi jabatan ini mempunyai 2E, cuma *education* ada, *enforcement* ada kerana memang ada JPJ yang membantu dan satu lagi *engineering*. Soalan saya ialah kalaulah aspek *engineering* kejuruteraan ini masih lagi di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, maka yang menjadi satu perkara yang cacat.

Saya hendak bertanya kepada Kementerian Pengangkutan sama ada E ini, *engineering* khususnya mengenai keselamatan jalan-jalan yang direka bentuk itu adakah ianya diambil-alih khususnya kerajaan kita telah memperkenalkan *road safety audit* yang mana kita akan memantau semua reka bentuk jalan itu supaya ia selamat dan ianya tidak mendatangkan sebarang akibat yang buruk kepada pengguna jalan. Jadi saya ingin bertanya adakah jabatan ini hanya merangkumi 2E ataupun 3E dan apakah cara untuk kita mengambil alih tanggungjawab *Road Safety Audit (RSA)*, adakah ianya dalam bidang kuasa jabatan ini? Minta penjelasan terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat kerana ini adalah satu jabatan yang baru, Saya rasa setakat ini hanya yang difikirkan setakat 2E sahaja, yang ketiga itu kemungkinan belum kita sampai ke tahap itu lagi. Tetapi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini adalah sesuatu

yang saya rasa perlu kita juga mengambil berat perkara ini dan Insya-Allah dalam masa yang akan datang ini dapat kita cuba mencari jalan apakah cara-cara untuk kita memastikan yang ini dimasukkan juga iaitu E yang ketiga ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jawapan banyak lagi kah?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, ada dalam empat, lima lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Cheras telah membangkitkan tentang di mana kerajaan perlu meningkatkan mutu perkhidmatan awam di Lembah Klang. Ini ekoran kegagalan dan usaha-usaha kerajaan untuk menggabungkan syarikat bas di Lembah Klang dan mengadakan kempen kongsi kereta. Juga kerajaan perlu semak semula dasar pengangkutan awam dan juga dasar pengangkutan awam nasional. Kerajaan sedar akan masalah kesesakan jalan raya yang dialami di bandar besar di negara ini terutamanya di Lembah Klang kerana perkhidmatan pengangkutan awam yang kurang memuaskan. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan telah memutuskan supaya ditubuhkan Lembaga Pengangkutan Bandar Negara dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan pengangkutan awam. Penubuhan lembaga ini adalah dikendali oleh Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Bagi mengatasi masalah pengangkutan awam yang mendesak dan kritikal di Lembah Klang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2005 telah memaklumkan penubuhan Lembaga Pengangkutan Bandar Lembah Klang dalam usaha mengatasi masalah perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang. Penubuhan lembaga ini dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Seputeh bangun.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa pasal hendak angkat tangan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dia tunggu saya dan lihat saya. *[Ketawa]*

Beberapa ahli: Hooh!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Saya berminat tentang Lembaga Pengangkutan Bandar yang dinyatakan oleh

Yang Berhormat tadi kerana saya juga ada tanya satu soalan lisan dan jawapan yang saya terima daripada Kementerian Kewangan adalah kerajaan akan seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi masalah sekarang ialah kita sudah lama tidak dengar tentang Lembaga Pengangkutan Bandar ini tetapi bilakah ia siap kerana ramai penduduk yang kurang berupaya yang memiliki kereta yang selalu dan terpaksa menunggu bas satu jam, dua jam untuk datang ke bandar iaitu pergi kerja atau pergi sekolah. Mereka selalu mengadu kepada kami bilakah kerajaan akan memulihkan perkhidmatan bas yang tetap? Bila saya pergi mendampingi macam syarikat bas City Liner, Intrakota semua itu, mereka suruh saya tunggu. Dia kata syarikat mereka akan diambil alih, jadi saya pun tunggu tetapi yang penduduk yang menunggu bas itu juga selalu menunggu sangat lama. Jadi kami ini dan ramai penduduk di KL sebenarnya memang berharap yang perkhidmatan bas itu akan dipulihkan dengan tetap.

Masalahnya sekarang ialah bas agak kurang dan bilakah kerajaan akan berbuat sesuatu tentang perkara ini. Saya mendapat jawapan lisan ini pada 7 September yang menyatakan kajian semula perjalanan bas akan disiapkan sebelum Oktober 2004. Hari ini adalah 14 Oktober, saya masih menunggu pengumuman daripada pihak kementerian Yang Berhormat. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberi satu jawapan supaya saya boleh sampaikan kepada para penduduk yang menunggu bas tiap-tiap hari.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Macam saya perkatkan tadi, kita tidak menafikan kelemahan-kelemahan yang kita hadapi pada hari ini dan kita di peringkat Kementerian Pengangkutan memang sentiasa boleh dikatakan tiap-tiap minggu berbincang apakah cara-cara untuk kita hendak menyelesaikan masalah-masalah ini. Ini akan mengambil masa sedikit, ya Yang Berhormat, kerana sesuatu yang kita hendak atasi ini bukanlah sesuatu yang saya rasa senang dicakap ataupun senang dijawab kerana ini adalah sesuatu yang perlu kita kaji dan kita selidiki dengan secara mendalam.

Saya percaya bahawasanya kita di peringkat kementerian ini sentiasa menggalakkan sama ada Yang Berhormat ataupun pihak-pihak yang lain, yang boleh memberi cadangan-cadangan yang baik, apakah cara-cara kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh pihak warga kota kita di Kuala Lumpur ini.

Jadi, kalau adalah mana-mana yang Yang Berhormat hendak memberi satu...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun lagi.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: ...satu cadangan yang baik, kita akan terbukalah menerimanya. Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada tahun lepas, sebelum pilihan raya diadakan, kerana masalah perkhidmatan bas yang kurang tetap ini, saya sudah hantar memorandum mewakili penduduk kerana mereka mendesak saya, saya pergi mendesak Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, sekarang beliau menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kerana pelesenan bas adalah dikeluarkan oleh kementerian itu.

Jadi sekarang saya hendak bertanya tentang bas ini yang kementerian Yang Berhormat ini akan mengadakan suatu Lembaga yang mempunyai wakil daripada beberapa kementerian untuk menyelesaikan masalah pengangkutan bandar. Jika masalah seperti perkhidmatan bas ini, kalau sampai tahun depan masih tidak diselesaikan, siapa yang saya perlu jumpa? Kementerian Yang Berhormatkah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Bandar ataupun siapa?

Jadi, saya hendak minta penjelasan. Saya rasa kerana jawapan di sini kata sebelum Oktober tahun ini akan ada satu jawapan tentang perjalanan bas. Jadi kalau pengumuman belum dibuat lagi, boleh saya tanya agak-agaknya bila pengumuman tentang perkhidmatan bas ini akan dibuat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan itu kata bila?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Oktober, sebelum Oktober 2004, tetapi sekarang pertengahan Oktober.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belum habis lagilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua minggu lagi baru habis.

Cik Fong Po Kuan: Sebelum!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, sebelum.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak apa, kita boleh tunggu sampai hari raya pun tidak apa, tetapi boleh bagi satu *dateline*. Selepas puasa pun tidak apa, tetapi

bagi satu *dateline* kerana memang mereka sudah menunggu sehingga satu atau dua jam bagi pelajar dan juga mereka yang pergi kerja, awal-awal pagi sudah tunggu bas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kasihan mereka.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memang sangat susah bagi mereka. Jadi, siapa yang perlu saya jumpa supaya saya boleh bawa semua penunggu bas [*Ketawa*] pergi menunggu Yang Berhormat Menteri dan kami juga berharaplah Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...mungkin boleh datang ke Kuala Lumpur...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perlu fahamlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...kita tunggu bas sama-sama dan tengok berapa jam bas itu sampai ke satu-satu kawasan. Saya rasa mungkin Yang Berhormat patut turun padang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...akan merasa dan tahulah perasaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri fahamlah, dia fahamlah. Dia selalu turun ke padang. [*Ketawa*] Cukuplah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Tetapi ada naik baskah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, naik bas sama-sama.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa yang terbaik sekali kalau dapat, untuk menjimatkan masa Yang Berhormat, sila serahkan surat itu kepada saya dan kalau boleh kita akan berjumpa di luar daripada Dewan nanti ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas ini boleh berbincang.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah juga menyentuh tentang pembesaran Lapangan Terbang Alor Setar. Pembesaran Lapangan Terbang Alor Setar ini sekarang melibatkan pemanjangan landasan untuk menampung pesawat *Airbus A330*, telah dijalankan dan dalam *progress*, dengan izin, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dan MAS pada masa sekarang mengadakan tiga penerbangan sehari ke Alor Setar, sementara *Air Asia* mengadakan dua penerbangan sehari.

Kekerapan ini adalah memadai setakat hari ini iaitu lima penerbangan sehari iaitu daripada pihak MAS dan *Air Asia*. Kekerapan penerbangan ini akan

dipertingkatkan sama ada oleh MAS ataupun *Air Asia*, kalaulah ada dan apabila kita menimbang dari segi penambahan penumpang-penumpang yang menaiki pesawat ini dari Alor Setar ke KLIA.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka menyentuh tentang cadangan laluan kereta api ke bandar Melaka, peruntukan bagi tahun 2005 adalah termasuk kajian sambungan rel ke bandar Melaka bagi menentukan kemungkinan pelaksanaan kereta api di bandar Melaka ini.

Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Ledang, beliau telah membawa perkara-perkara berkaitan dengan NGV ini tadi, kita masih kaji dari segi kegunaan untuk bas dan teksi yang menggunakan NGV ini dan kita akan sentiasa mengikuti perkembangan ini dan kita akan hanya dapat membuat setakat yang kita boleh buat pada hari ini yang mana teksi-teksi di bandar ini sudah menggunakan *natural gas* ini.

Jadi, saya rasa itu sahaja, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang dapat saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Tuan Razali bin Ibrahim: [*Bangun*]

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Kalau ada jawapan-jawapan yang tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar bangun...

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ..dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Silakan.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masih menanti perkara yang saya bangkitkan semalam mengenai cukai pengangkutan jalan. Kalau boleh saya sambung tentang semalam, apa yang ingin saya tahu ialah apakah kriteria yang digunakan oleh pihak kementerian dalam menentukan penggunaan satu-satu cukai pendapatan jalan. Contohnya yang kita gunakan hari ini sama ada ia berasaskan seperti contoh yang saya bangkitkan semalam untuk mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas ataupun kadar penggunaan kereta ataupun kadar pencemaran udara yang tidak disebut oleh Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga minta jasa baik Yang Berhormat jika saya dapat membuat jawapan itu secara bertulis. Saya ada jawapan itu tetapi minta maaf, tulisannya begitu kecil, saya tidak dapat baca dan saya mintalah jasa baik kalau saya dapat memberi jawapannya secara bertulis. Jadi, itu sahajalah Yang Berhormat...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada seorang lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini saya bertanya mengenai Lapangan Terbang Subang supaya dihidupkan semula. Itu satu.

Kemudian yang keduanya mengenai pelajar sekolah ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini bagi saya sangat kritikal sebab kalau di luar bandar, saya ingat lebih 30% pelajar menggunakan kenderaan, tetapi mereka tidak ada lesen. Maknanya ramai pelajar dari Tingkatan Dua atau Tingkatan Tiga dan mereka masih belum layak lagi.

Jadi, saya pernah mencadangkan supaya dipakat oleh Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Pelajaran supaya perkara ini dapat diatasi kerana kalau tidak, mereka ini secara sengaja dan kita sedar bahawa mereka tidak ada lesen dan melanggar peraturan, tetapi kita terima mereka. Kalau dapat, berikanlah perhatian. Terima kasih.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Berkaitan dengan penggunaan Lapangan Terbang Subang, Yang Berhormat, memang pihak Menteri telah pun membuat satu *statement* yang mengatakan kita masih lagi dalam peringkat perbincangan dan juga kajian, dan segi apakah yang perlu kita gunakan untuk memastikan Lapangan Terbang Subang itu dapat diguna semula dari segi perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan penerbangan sama ada *low-cost flight* ataupun kegunaan dalam segi mengadakan akademi-akademi yang berkaitan dengan penerbangan ini.

Saya minta jasa baik Yang Berhormat supaya soalan yang kedua itu akan saya jawab dengan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: *[Bangun]*

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam. ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau jawapan sudah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tidak payah beri Yang Berhormat Tebrau. Baik, cukup.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: mengambil bahagian di dalam perbahasan yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM746,169,600 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM746,169,600 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,850,906,500 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,850,906,500 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.29 [Jadual] –
Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Mambong.

12.22 tgh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 yang berkaitan dengan bekalan air. Air adalah satu

komoditi ekonomi di dunia sekarang, begitu juga di negara kita. Air sekarang yang di dalam botol plastik itu lebih tinggi harganya daripada petrol. Nanti pada satu ketika, air mungkin akan lebih mahal lagi daripada emas.

Banyak negara yang membangun sekarang memerlukan air, lebih daripada keperluan minyak. Oleh yang demikian penggunaan air ini haruslah dilihat daripada dua sudut. Sudut yang pertama adalah penggunaan air untuk membangunkan ekonomi khususnya membangunkan pertanian. Di dalam negara kita sudah banyak sungai yang tercemar. Setiap tahun bilangan sungai yang tercemar semakin meningkat. Pada tahun ini sebanyak 14 lembahan sungai yang tercemar di negara kita. Yang lainnya ada bersih sedikit. Jika air ini tercemar, maka memang susah dan sukar untuk kegunaan di dalam bidang-bidang apa pun – bidang pertanian. Jadi oleh yang demikian, saya mohonlah kementerian untuk mengawal kualiti air agar ia tidak begitu tercemar.

Air yang tercemar kalau kita merawat memang tinggi kosnya. Maka dengan itu saya menyentuh kepada sudut yang kedua, iaitu kegunaan air yang telah pun dirawat. Di negara kita kalau kita melihat kegunaan air yang telah pun dirawat, 36 peratus daripadanya digunakan di dalam tandas, 55 peratus digunakan untuk membasuh – membasuh kain dan sebagainya, enam peratus digunakan untuk membasuh kereta dan digunakan untuk berkebun di belakang rumah, tiga peratus diguna untuk memasak dan kurang daripada 1 peratus untuk minum.

Setiap satu tayar kereta 200,000 liter air digunakan untuk membuatnya; setiap satu badan kereta, 450,000 liter digunakan untuk menghasilkan satu badan kereta; setiap satu tan kertas, 90,000 liter air digunakan untuk menghasilkannya dan setiap liter petrol, 70 liter air digunakan untuk menghasilkannya. Jadi persoalannya di sini ialah mengapakah kita harus menggunakan air yang telah pun dirawat, di mana pihak yang merawat air berbelanja dengan kos yang tinggi, tetapi kita menggunakannya di dalam tandas, untuk membasuh kain, untuk mencuci kereta dan berkebun. Tidakkah kita boleh menggunakan air yang belum dirawat untuk aktiviti-aktiviti ini ataupun air hujan? Oleh itu satu strategi untuk kegunaan air ini adalah penting bagi kementerian untuk dipertimbangkan.

Kualiti air yang telah pun dirawat di negara kita juga tidak begitu memuaskan. Kalau kita lihat di Klang Valley, daripada sampel-sampel yang telah dianalisiskan, kandungan aluminium di dalam air paip di rumah kita, di hotel-hotel, kandungan

aluminium melebihi kadar yang dibenarkan oleh WHO, iaitu di antara 11 hingga 20.9 ppm setiap liter air, walhal kadar yang dibenarkan hanya 0.2 ppm. Kuprum pun ada tetapi kuprum memang kurang daripada kadar yang dibenarkan, tetapi ferrum (besi) adalah di antara 6.9 ppm hingga 9.5 ppm, melebihi kadar yang dibenarkan sebanyak 0.3 ppm. *Manganese*, di antara 23.8 ppm hingga 38.1 ppm, melebihi kadar yang dibenarkan iaitu 0.001 ppm, *plumbum* pun ada di dalam air kita tetapi kurang daripada kadar yang dibenarkan.

Ini bermakna rawatan air di loji-loji air mungkin tidak begitu cekap. Apakah sebab yang lain kalau bukan rawatan ini? Ini adalah penting bagi kita kerana kualiti air kalau dia tidak bersih ini bermakna kesihatan kita terganggu. Setiap kali kita minum air, kalau dia tidak bersih, kesihatan kita terganggu dengan sedikit-sedikit.

Jika kita ada satu juta sel di dalam badan kita, kita minum satu gelas air yang tercemar, maka satu daripada satu juta sel ini akan mati. Akhirnya kesihatan kita memang akan menjadi teruk.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran P.11200 – Penyaluran Air Antara Negeri. Saya tahu memang banyak negeri di Semenanjung Malaysia yang berkurangan air. Oleh itu perlu penyaluran air di antara negeri. Aktiviti penyaluran air ini bukannya mudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dr. James Dawos Mamit: Kerana tanah akan digali, paip akan dipasang, mungkin akan melalui gunung. Kalau melalui negeri, ini juga akan memudaratkan keadaan alam sekitar. Sudah beberapa hari ini kita melihat tanah runtuh, kita menyaksikan tanah runtuh, inilah sebabnya kerana aktiviti-aktiviti seperti ini termasuk juga aktiviti penyaluran air di antara negeri. Sekian, Tuan Pengerusi saya mohon menyokong.

Datuk Bung Moktar bin Raden: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh, apa hendak cerita Yang Berhormat?

12.33 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Masih berdiri*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading apa hendak tengok?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dia hendak sokong saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tentu sokong Seputeh, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010200 – Rancangan dan Dasar dan 030100 – Bahagian Bekalan Air Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi yang mana air yang kita minum sekarang adalah amat kotor dan proses rawatan air adalah selalunya juga tidak begitu bersih. Itulah sebabnya bagi kebanyakan penduduk di kawasan bandar kita letakkan penapis air ataupun *water filter* pada meter kami supaya air yang sebelum masuk ke rumah kami, kami mahu air itu ditapis supaya kami boleh menggunakan air yang bersih untuk minum dan pakai.

Tetapi sekarang ramai penduduk berasa hairan kenapakah sekarang kerajaan mengumumkan bahawa pemasangan penapis air itu adalah melanggar undang-undang kerana ia akan menjejaskan bacaan meter. Kami berasa hairan tentang pengumuman seperti ini. Kenapa sekarang kita semua baru diberitahu bahawa ini adalah salah dan kita mesti keluarkan alat penapis air daripada meter kami dan kita harus tahu ramai pengguna air khususnya di kawasan Kuala Lumpur atau Lembah Klang ini adalah amat kotor kerana paip pecah dan paip bocor selalu berlaku.

Ada ramai yang memasang alat *water filter* itu berharga atau bernilai beberapa ribu ringgit. Sekarang kami semua terpaksa *dismantle* alat penapisan air itu. Bukankah ini adalah tidak adil. Kalau air tidak ditapis seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi akibat menggunakan air yang kotor akan menyebabkan sakit dan juga mengotorkan baju dan benda yang kita pakai ini.

Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu jawapan di Dewan yang mulia ini. Kita semua tahu sebab kita menggunakan alat penapisan air adalah kerana ketidakcekapan Jabatan Bekalan Air kita. Ketidakcekapan ini adalah berpunca daripada Jabatan Bekalan Air kita tidak dapat membaiki paip bocor yang berlaku di merata-rata tempat di Lembah Klang sehingga semua penduduk di Lembah Klang terpaksa menggunakan alat penapis air.

Sebenarnya kalau kita kira, kalau kita menjumlahkan semua alat penapisan air di seluruh Lembah Klang, saya ingat jumlah harga alat-alat tersebut boleh ditukarkan semua paip bawah tanah yang bocor di seluruh Lembah Klang. Ia tentulah berharga beberapa milion ataupun bilion ringgit kalau kita ambil kira semua alat tapisan air itu kerana ia telah menjadi satu bahan keperluan kita semua khususnya bagi penduduk di kawasan bandar. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah rancangan pihak kementerian terhadap rancangan bekalan air sekarang.

Kita dengar tentang penswastan, kita dengar ada banyak cadangan yang dibangkitkan. Tetapi sekarang jadi sunyi sepi. Apakah rancangan sekarang? Adakah rancangan penswastan itu sebagai cara yang paling baik dan juga apakah halangan untuk menyatukan kesemua bekalan air di bawah Kerajaan Persekutuan ini? Apakah halangan dan kerajaan negeri manakah yang membantah paling kuat dan apakah sebab mereka berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan masalah tentang pengiraan harga air di kawasan kondominium atau pun flat khususnya bagi kondominium dan flat swasta yang diambil alih oleh *management corporation* yang baru yang dibentuk oleh penduduk di mana mereka mengadu kepada saya di mana mereka hendak mengambil alih *management corporation*, mereka terpaksa membuka satu akaun dengan membayar deposit sebanyak RM50,000 kepada Jabatan Bekalan Air, selepas itu mereka juga terpaksa mengutip daripada setiap unit.

Selalunya *management corporation* ini menghadapi masalah kerana ada banyak unit yang enggan ataupun lewat membayar bayaran air ataupun *service charge* sehingga *management corporation* terpaksa menanggung masalah penghutangan ini. Soalan saya adalah kenapakah kementerian tidak mengadakan bacaan meter setiap unit di kondominium dan juga rumah pangsa seperti apa yang telah dilakukan oleh TNB.

Kita tiap-tiap bulan akan terima bil terus daripada TNB dan bukannya daripada *management corporation*. Bukankah ini suatu cara yang tidak bertanggungjawab kerana yang kelihatan Jabatan Bekalan Air memberi tanggungjawab pengutipan bil air di kondominium itu kepada *management corporation*. Selalunya mereka yang tidak membayar itu, bayaran mereka harus ditanggung oleh *management corporation*. Saya minta satu penjelasan daripada pihak kementerian.

Yang akhir sekali saya juga ingin bangkitkan satu isu hangat khususnya di masyarakat Cina sekarang iaitu tentang berita ntv7. Saya sebenarnya berasa hairan dan tadi saya mencari di mana ada butiran untuk ntv7 ini kerana saya telah membaca di dalam surat khabar di mana Timbalan Menteri Penerangan berkata bahawa pelesenan itu dikeluarkan oleh kementerian ini. Saya ingin membangkitkan yang ini satu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran, Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya tidak tahu kerana saya baca dalam surat khabar *Star* Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan berkata tentang pelesenan pihak ntv7 ini adalah di bawah kementerian ini. Jadi saya mintalah kalau boleh pihak kerajaan adakan satu buku panduan memberitahu kami bahawa jabatan mana atau agensi mana di bawah kementerian mana. Sekarang kita sangat keliru.

Cadangan ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tetapi sampai sekarang kita pun tidak dapat apa-apa buku panduan yang menyatakan agensi apa di bawah bidang kuasa kementerian apa.

Jadi, kalau mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, saya anggaphlah ntv7 ini adalah di bawah kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau bukan? Kalau bukan, jadi buang masa sayalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ooh, bukan, bukan, bukan. Ini ada bukti. Timbalan Menteri Penerangan itu tadi adalah MCA, sama parti dengan Tuan Pengerusi. Jadi, bagi saya satu minit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila saya duduk di sini, saya lupakan parti saya. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya percaya kenyataan ini kerana disiarkan oleh surat khabar MCA, *The Star*, mungkin boleh dipercayailah. Jadi, saya minta bagi pihak masyarakat Cina yang selalu menonton Berita Mandarin ntv7 ini, sebenarnya ramai penonton itu mengadu kepada saya khususnya mereka yang kurang mampu untuk mengadakan ASTRO. Mereka memang suka menonton program Berita Mandarin yang disiarkan oleh ntv7. Jadi, mereka merasa susah hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerana pihak pengurusan ntv7 itu ingin membatalkan penyiaran program Berita Mandarin ini. Jadi, banyak bantahan telah

dikeluarkan oleh persatuan-persatuan masyarakat Cina dan ini termasuk juga parti MCA dan DAP. Saya rasa wakil rakyat daripada parti Gerakan, SUPP dan lain-lain parti majmuk itu juga tentu menyokong cadangan ini. Kami minta dan merayu kepada pihak kementerian berhubung dengan pihak pengurusan ntv7 supaya biarkan Berita Mandarin itu terus disiarkan di ntv7 dan jangan disiarkan pada pukul 5.30 petang. Jadi, kami meminta

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah. Masa cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bolehkah gulung? Gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung pun tidak payahlah. Semuanya sudah terang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu ayat lagi. Hendak minta bolehkah pulangkan kepada pukul *prime time*, pukul 8.00 malam supaya seluruh masyarakat Tionghua atau sesiapa yang faham bahasa Mandarin itu boleh menonton Berita Mandarin ntv7 itu yang dianggap ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, faham atau tidak apa yang saya cakap? *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Faham, masa cukup?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya faham, Tuan Pengerusi . Dua puluh saat lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pada masa akan datang saya simpan Yang Berhormat sampai....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang selalu begitu lebih bermutu tinggilah daripada Berita RTM.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: masa had tiga minit baru beri peluang untuk Yang Berhormat berucap. Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay. Saya akan mengakhiri ucapan saya dan saya juga minta Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading sambung dan sokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah. Cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Pandangan daripada seluruh masyarakat kaum Cina ini Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup. Baiklah. Sri Gading sambunlah. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lima minit.

12.43 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersyukur kerana dapat bersama-sama untuk menyokong Bajet Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini dalam peringkat Jawatankuasa. Saya hendak bercakap tentang tiga perkara.

Yang pertama, musuh negara ini banyak rupanya. Banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Air, Tenaga?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Musuh di luar memang berbagai-bagai tetapi sekarang musuh dalam rumah tangga. Musuh ini amat merbahaya untuk generasi yang akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya hendak minta maklumkan butirannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Butiran yang saya sebut ini 010200, P 29 dan juga P70006.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Betul, ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, percayalah saya. Musuh yang saya maksudkan, yang boleh menjahanamkan generasi kita akan datang ialah di antaranya perkara-perkara siaran TV kita.

Ambil contoh, Tuan Pengerusi, sudah menjadi penyakit sekarang, Akademi Fantasia yang disiarkan oleh ASTRO, diulang-ulang, diulang-ulang pukul 8.00 hingga ke pukul 10.00. Budak-budak kita sudah tidak hendak belajar asyik menonton ini. Bila dia hendak belajar? Bila dia hendak mengaji? Bila dia hendak menelaah? Bila hendak mengulang kaji? Dan pada hari ini pula termasuk isteri kita pun menghadap ASTRO. Kita hendak buka stesen lain dia tidak bagi. Ha, ho, ho.

Tuan Pengerusi, inilah yang saya katakan. Macam mana maksud saya, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Penjelasan sedikit. Sedikit sahaja, 30 saat sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, okay. Kalau dapat 10 saat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Okey, terima kasih. Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya takut ini, kita bercakap berkenaan perkara ini berkali-kali. Saya takut kita tujukan orang yang salah. Saya hendak bertanya sebenarnya adakah kementerian ini berkuasa? Maksudnya untuk menentukan sama ada permit ini di bawah mereka ataupun di bawah Kementerian Penerangan? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Semua TV di bawah dia. Dia ada kuasa. Kalau dia hendak guna kuasa, kecuali kalau dia tidak hendak guna kuasa. Ha, ha, Oo! Saya fikir sahabat saya Timbalan Menteri ada di sini. Dia orang yang mungkin akan dapat gunakan tenaga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita berada di Parlimen bukan di kedai kopi. Ooo, ho, ho itu apa tujuannya? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, Tuan Pengerusi. Minta maaflah kalau Tuan Pengerusi tidak berapa suka mendengar kebiasaan saya itu, Ooo.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan tidak suka tetapi saya fikir buang masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu banyak kali disebut. Dua minit sudah habis masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, Tuan Pengerusi. Asal jangan ganggu ucapan saya. Ooo itu sebagai penyedap sahajalah. Bagaimana saya keseriusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak tahu pakai jangan pakailah. Tidak tahu perkataan itu jangan guna.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, ini diulang, ulang, ulang, hancur masyarakat kita akan datang. Saya bercakap betul. Ini bergurau, bergurau juga tetapi harap kerajaan ambil perhatian. Apakah kita hendak membiarkan stesen TV kita tanpa mempedulikan kebaikan rakyat. Mereka hanya mementingkan keuntungan sehingga akhirnya rakyat dan generasi kita akan datang akan hancur lebur. Ooo.

Saya harap. Saya harap. Tidak tahulah kalau ada kementerian takut hendak tegur ASTRO ini, saya tidak tahulah. Itu satu. Ringkas sahaja, Tuan Pengerusi.

Yang kedua cara pengiklanan. Saya tengok TV iklan, *astaghfirullahlahal Azim*. Kadang-kadang saya malu dengan rakyat luar negara, saya duduk di Pan Pacific, Arab ada, Australia ada, Britain ada. Iklan yang ada balik-balik syampu, balik-balik ...apa ini? *[Ketawa]* Yang muka cantik jadi putih. Macam, kalau Seputeh ini pakai itulah agaknya dia putih, jadikan cantik, perempuan cantik.

Perempuan itu pula kadang-kadang bukan berwajah Melayu, bukan berwajah Cina, bukan berwajah India tetapi berwajah apa ini? Pan Asia? Eh, tidak ada orang Melayu yang cantikkah? Tidak ada orang Cina yang cantik macam Seputehkah? *[Ketawa]* Tidak ada yang cantik macam Kapar ini? Ramai. Kenapa menggunakan orang lain?

Kemudian, iklan ini TV lebih mementingkan keuntungan daripada kepentingan penonton. Sakit jiwa kita, Tuan Pengerusi. Tengah betul-betul dalam masa hero itu hendak tembak, papp dia potong iklan pun masuk. Allah, lima minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Seputeh, apa you kacau saya? *Haiya*, kena puji you sudah kacau saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Sri Gading, sebenarnya, macam mana pun wajah seseorang model itu selagi dia rakyat Malaysia itu cukuplah. Macam wajah Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading itu juga ada wajah daripada orang Arab bercampur India, ada Melayu dan itulah yang menyebabkan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading ini begitu *handsome*. *[Ketawa]* Jadi, saya rasa sebenarnya Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading juga layak untuk menjadi model iklan. Kita juga tidak akan bantahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, dada saya berdegap-degup. Iklan ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir lebih sesuai jadi Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tiga minit, iklan lima minit. Tiga minit, iklan lima minit. Macam cerita Brazil itu sudah setahun lebih tidak habis-habis. Macam mana hendak habis baru hendak apa sudah iklan. Saya haraplah stesen-stesen TV, tidak tahulah kalau kementerian ada kuasa. Tolonglah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tengok tidak ada kuasa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tolonglah. Utamakan jugalah kepentingan penonton yang juga rakyat Malaysia. Bagilah sebagai satu hiburan yang benar-benarnya boleh memberi kepuasan. Ini kita seksa, menengok TV - seksa, Tuan Pengerusi .

Yang ketiga, siaran Berita. Saya harap pukul 8.00 semua stesen TV mesti menyiarkan Berita Perdana [Disampuk] Semua sekalilah, maknanya mesti ada Berita sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Mandarin – mesti Berita yang memaparkan cerita-cerita yang berkaitan dengan hal-ehwal semasa tentang negara kita. Janganlah ada cerita lainlah, ada cerita koboi pula pukul 8.00 atau cerita lain.

Tolong, pukul 8.00 semua stesen menyiarkan Berita. Macam mana Seputeh, sokong you punya? Tuan Pengerusi, inilah sahaja saya ucap terima kasih dan menyokong.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh, ntv7 you tidak bangkitkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Samalah semua stesen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

12.50 tgh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pohon izin untuk melibatkan diri di dalam perbincangan berkaitan dengan Butiran 03202 - Penghantaran dan Pembahagian, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi khususnya di Bahagian Tenaga.

Tuan Pengerusi, kita semua ingat pada tahun 1990 apabila Lembaga Elektrik Negara (LLN) diswastakan dan salah satu daripada objektif penswastakan adalah untuk menyediakan perkhidmatan dan produk yang bermutu tinggi kepada para pengguna. Pada hari ini kita semua kenal pengguna-pengguna tenaga elektrik juga dikenali sebagai pelanggan-pelanggan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat pembekal tenaga monopoli terbesar di negara kita iaitu Tenaga Nasional.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya kaitkan di sini adalah di samping Tenaga Nasional memberikan penekanan kepada aspek produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, Tenaga Nasional juga memberikan penekanan kepada sistem iaitu sistem prosedur serta proses yang akan memastikan *consistencies*, dengan izin

ataupun kekonsistenan produk dan tenaga serta perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat pengeluar tenaga terbesar, pembahagian tenaga terbesar di negara kita.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah, apakah indeksinya, apakah indikatornya, apakah angka tunjuknya yang boleh menunjukkan kepada masyarakat di negara kita hari ini, pengguna-pengguna bekalan elektrik yang sebenarnya Tenaga Nasional ini selepas lebih daripada sepuluh tahun penswastaan telah pun mencapai hasratnya menepati cita rasa pelanggan-pelanggan, terutamanya dari segi kualiti dan dari segi kehadiran *the availability of the electricity supply* ini.

Tuan Pengerusi, ini berkaitan rapat dengan apa yang telah dikeluarkan di dalam surat khabar hari ini iaitu Kerajaan Negeri Melaka merasa begitu dukacita dengan prestasi Tenaga Nasional apabila tidak dapat menyediakan kepada 17 pelanggan-pelanggan terbesarnya di negeri ini yang pada sekali gus telah pun menjejaskan perkhidmatan, bukan sahaja perkhidmatan tenaga tetapi juga perkhidmatan dan produk Kerajaan Negeri Melaka .

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya tekankan di sini, alasan yang telah diberikan adalah umpamanya ketiadaan barang-barang, ketiadaan kabel elektrik, ketiadaan pengalir-pengalir dan ketiadaan lampu, mentol dan sebagainya. Jawapan-jawapan seperti ini benar-benar tidak menunjukkan, tidak mempamerkan yang Tenaga memberikan penekanan kepada ketinggian kualiti perkhidmatan dan produk.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya pertekankan di sini, sebagai seorang bekas pekerja Tenaga Nasional saya pernah bertugas dengan Tenaga Nasional dan jawapan ini adalah begitu konsisten semenjak di hari pertama saya bertugas hingga ke hari ini telah berada di Parlimen pun masih lagi mempunyai jawapan-jawapan yang tidak menunjukkan keprihatinan dan tidak menunjukkan yang Tenaga Nasional benar-benar sensitif kepada cita rasa dan kemahuan para pelanggan.

Tuan Pengerusi, jawapan tiada bekalan ataupun tiada barang-barang ini adalah jawapan yang begitu primitif, jawapan yang tidak mempamerkan yang Tenaga Nasional ini memberikan perhatian yang khusus kepada perkhidmatan, kepada pelanggan-pelanggannya. Saya beri sedikit sahaja, 10 saat sahaja. Jasin sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] Terima kasih sahabat saya Tangga Batu. Kita lihat pada hari ini, setuju atau tidak dengan saya, akhir-akhir ini perkhidmatan Tenaga Nasional Berhad ini semakin lama semakin teruk. Sepatutnya penswastaan ini makin lama makin baik, tetapi akhir-akhir ini malang, tetapi akhir tahun

kalau tengok dia punya *balance sheet* dia berarak ke hulu ke hilir mengatakan bahawa TNB untung sekian banyak, *million billion*, tetapi perkhidmatannya akhir-akhir ini amat mendukacitakan lebih-lebih lagi domestik ini. Rumah kita tengah-tengah sedap tidur elektrik tak ada. Satu hari sampai tiga kali setuju atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya amat setuju sekali dan saya amat begitu prihatin sekali apabila terdapat rungutan-rungutan daripada pelanggan-pelanggan yang telah pun melalui Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil rakyat menyatakan ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh Tenaga Nasional. Bukan itu persoalannya Tuan Pengerusi, persoalannya adalah pada hari ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak Tenaga Nasional supaya menyediakan suatu perancangan yang begitu terperinci terhadap keperluan barang-barang ini. Keperluan barang-barang ini bukanlah suatu perkara yang amat sukar untuk kita rancang. Ia adalah suatu yang begitu *arithmetic*, suatu mudah dikira untuk menyediakan bekalan sebanyak 5 kilowatt bagi satu rumah kediaman, kita sudah tahu berapa pengalir sesalur atas voltan rendah, berapa panjang yang kita perlukan, berapa besar yang diperlukan, berapa banyak tiang yang diperlukan, tiang konkrit dan harganya dan berbagai-bagai lagi dan kita dapat tahu bagaimana keperluan tenaga itu untuk pelanggan-pelanggan domestik ini boleh diambil kira dalam masa satu tahun. Kalau selama 15 tahun Tenaga Nasional tidak dapat menyelesaikan masalah barang-barang ini apakah jurutera, apakah pengurusan tertinggi lakukan selama ini.

Tuan Pengerusi, jadi harapan saya agar pihak Tenaga Nasional dapat melihat perkara ini dengan terperinci, supaya hak-hak pengguna ini untuk memerlukan perkhidmatan tenaga yang hari ini merupakan keperluan asas kepada kehidupan kita tidak dinafikan oleh syarikat monopoli terbesar di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang ingin saya perkatakan di sini adalah Tenaga Nasional mengagung-agungkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan-pelanggan. Hari ini ukurannya perlulah ada suatu indikator yang tepat, seperti yang saya sebut di awal ucapan saya tadi, iaitu contohnya negara maju Jepun, Eropah, Amerika meletakkan kadar *unavailability supply* (SUI), dengan izin *supply unavailability index* itu berada di tahap tiga minit untuk satu pelanggan selama satu tahun. Kadar ini boleh dijadikan sebagai satu kadar yang diusahakan oleh Tenaga Nasional untuk kita bergerak ke arahnya, supaya pelanggan-pelanggan di negara kita ini, di samping menikmati kemudahan-kemudahan asas yang lain dengan berkualiti

tinggi, juga memperoleh bekalan elektrik yang sama tarafnya dengan rakyat-rakyat lain di dunia.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai kadar ini, ia bukanlah suatu perkara yang mudah, ia perlu dilakukan dengan cara yang sistematik, dengan cara yang begitu teratur, dengan program-program yang disusun oleh pihak Tenaga Nasional, yang boleh menghasilkan kepada produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Tuan Pengerusi, saya percaya pihak Tenaga Nasional telah menyediakan berbagai-bagai sistem.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Telah menyediakan berbagai-bagai sistem, di antaranya yang selalu kita lihat di dalam akhbar berbagai-bagai Jabatan di dalam Syarikat Tenaga Nasional sendiri telah pun memperoleh pengiktirafan ISO 9000 – 9002 dan sebagainya. Jadi, di manakah pengiktirafan ini memainkan peranannya hingga hari ini masyarakat pengguna-pengguna hatta kerajaan negeri masih lagi tidak berpuas hati dengan perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh Syarikat Tenaga Nasional ini.

Jadi, harapan saya kepada pihak kementerian, supaya melihat perkara ini dengan terperinci, supaya butiran 03202 dan 7001 - Pemberi Perkhidmatan Sejagat Global Servis ini dapat direalisasikan dalam erti kata yang sebenarnya dan supaya setiap sen yang dibelanjakan kerajaan itu dapat dinikmati oleh masyarakat, oleh rakyat, oleh pengguna di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi, saya menyokong butiran ini untuk belanjawan kementerian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

12.58 tgh.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sokong penuh pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi bahawa perkhidmatan tenaga elektrik kita perlu dipertingkatkan. Saya difahamkan bahawa di Sabah, tenaga elektrik berhenti 900 kali sebulan, 900 kali sebulan. Kalau kita di sini saya nampak ada juga yang merungut kerana 20 kali satu bulan berlaku di Semenanjung, tetapi di Sabah begitu teruk sekali, Sarawak saya belum dapat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bentong, masa cukup, boleh sambung pada petang ini.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Majlis dalam Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bentong, sila sambung .

2.30 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebentar tadi saya sentuh tentang kekerapan tenaga elektrik terputus di negeri Sabah menjangkau 900 kali sebulan. Ini satu perkara yang kita amat kesal dan kita harap kementerian dapat buat sesuatu untuk memperbaiki keadaan di sana. Demikian juga di Semenanjung, kita masih lagi tidak dapat menikmati perkhidmatan bekalan elektrik yang memuaskan. Mengikut indeks bagi standard negara-negara maju paling kurang pun indeksnya 20 dan saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, indeks negara kita berapa? Berapa dari segi *interruption minutes per customer - per year* ini. Adakah kita setanding dengan jiran kita? Kalau kita tengok negara Thailand, kita tengok Indonesia, tidak payahlah bertanding dengan Singapura. Tetapi sekurang-kurangnya kita kena jauh lebih baik daripada negara-negara jiran, kerana kita yakin

bahawa sebagai sebuah negara membangun yang maju kita boleh membekalkan lebih banyak tenaga elektrik kepada penduduk kita.

Dan adakah kementerian mempunyai cadangan-cadangan untuk membina lebih banyak IPP, untuk membolehkan perkhidmatan ini dimantapkan lagi kalau tidak, saya rasa keluhan dan resahan daripada Ahli-ahli Parlimen di Dewan ini memang akan berterusan. Saya harap kementerian dapat mengambil tindakan yang segera.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pengumuman ntv7 hendak hentikan siaran berita Mandarin jam 5.00 petang ini, kita memang dengarlah banyak aduan dan juga rayuan pihak masyarakat merayu kepada pihak ntv7 untuk meneruskan siaran ini dan kalau masa itu tidak sesuai kita pindah masa sahajalah, tidak payah kita hentikan siaran ini. Dari maklumat yang kita terima dan reaksi yang kita lihat daripada masyarakat Cina, kita dapati bahawa siaran berita ini telah mendapat sambutan yang begitu baik daripada masyarakat Cina. Jenama ntv7 - *My News Network* telah pun mendapat satu jenama yang baik dan diterima ramai oleh masyarakat Cina. Saya rasa ntv7 jangan sia-siakan usaha mereka untuk menjadikan satu saluran penyiaran yang berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat negara kita.

Kita sedia maklum bahawa ntv7 juga mempunyai obligasi sosialnya untuk membantu kerajaan, untuk membantu negara kita mewujudkan satu masyarakat berilmu, kita jangan gunakan masa itu untuk siaran hiburan sahaja, kita perlu mempunyai siaran-siaran yang tertentu untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat negara kita. Oleh itu saya mintalah kerjasama dan juga bantuan kementerian nasihatkan kepada ntv7 janganlah hentikan siaran ini. Saya yakin sekiranya ntv7 dapat teruskan siaran berita Mandarin ini, ia akan mendapat sambutan yang lebih menggalakkan apabila mereka menukar masa, kalau boleh tukarlah ke masa sebelah malam. Saya yakin tentu akan mendapat sambutan yang lebih ramai.

Oleh itu saya rasa juga bahawa alasan yang digunakan kerana tidak mempunyai penuntun yang ramai pada pukul lima, itu memang kita tahu masa kerja pukul lima memang tidak ramai, tetapi alasan itu tidak boleh diterima oleh masyarakat kita kerana semua masyarakat Cina di sini tahu bahawa berita ini bukan sahaja disiarkan melalui televisyen ntv7 malah juga melalui radio, radio juga menyiarkan berita ini dan telah mendapat sambutan yang baik. Kita memang khuatir bahawa sekiranya

ntv7 hentikan program ini ramai rakyat akan mendapat kesusahanlah, kepayahan untuk mendapatkan berita Mandarin, mendapatkan maklumat-maklumat terkini.

Saya menggesalah ntv7 dengan cepat dan dengan segera membuat keputusan untuk menenteramkan keadaan pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Khidmat Pembedungan, ini satu masalah yang besarlah di kawasan kita, di negara kita juga bahawa kita tahu bahawa IWK sekarang telah pun dikembalikan kepada kerajaan. Dan perkhidmatan IWK ini memang telah disoal, telah pun dibuat aduan ramai Ahli Parlimen di sini dari segi perkhidmatan, dari segi kosnya, dari segi harga feenya semua tidak betul. Oleh itu kita minta kementerian kaji dan beritahu kita dengan lebih jelas, adakah IWK menjalankan khidmat secara berjadual. Pada masa ini kita selalu tahu bahawa hanya selepas terima aduan IWK baru memberi perkhidmatannya. Saya rasa ini tidak mencukupi, janganlah apabila sudah terima aduan baru hendak beri perkhidmatan, kena memberi perkhidmatan secara berjadual kena memberi perkhidmatan yang segera dan jelas agar kutipan IWK itu tidak disangsi oleh ramai masyarakat. Saya juga hendak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat. gulung.

Tuan Liow Tiong Lai:sentuh tentang pusat perkhidmatan IWK ini. Kita lihat pusat perkhidmatannya cukup kurang. Macam di Bentong, tidak ada pusat perkhidmatan IWK, kita kena telefon Kuala Lumpur untuk mendapatkan bantuan dan perkhidmatan daripada Kuala Lumpur. Saya rasa memang tidak wajarlah kalau hendak beri perkhidmatan pembedungan yang baik, saya cadangkan di semua kawasan Parlimen perlu mempunyai pusat perkhidmatannya agar perkhidmatan yang lebih baik dapat dijalankan dengan segera.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi tiga yang bercakap, lepas itu Menteri menjawab. Yang Berhormat daripada Puchong. Lima minit.

2.39 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran 03000 iaitu Bekalan Air dan juga Butiran 80000 - Projek Pembedungan Negara. Mengenai bekalan air, memang kita tahu sekarang ini air di bawah

jurisdiction dengan izin, di negeri masing-masing seperti tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan - Jadual Kesembilan – okay. Tetapi baru-baru ini kerajaan Pusat telah mengumumkan bahawa di Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan juga saya menyokong bahawa SPAN ini sepatutnya ditubuhkan lebih awal lagi. Mengapa kita hendak SPAN dan saya tadi melihat ada beberapa Yang Berhormat telah menyatakan bahawa terutamanya masalah-masalah air di Lembah Klang, iaitu kualiti air yang rendah dan juga membahayakan kadang-kadang dan juga perkhidmatan pengguna yang diberikan oleh syarikat-syarikat air ini ataupun pengusaha-pengusaha air ini adalah tidak memuaskan.

Sebagai contoh di Selangor, PUAS adalah sebuah syarikat yang bertanggungjawab atas billing atas pengagihan air di seluruh Selangor. Contoh-contoh yang lain ialah kadang-kadang kawasan-kawasan tertentu pemotongan air telah berlaku tanpa notis yang orang kata *advance notice* dan juga perkhidmatan pengguna ataupun *customer service* yang tidak memuaskan dan saya pernah menelefon beberapa kali ke PUAS tetapi tidak ada orang pun yang menjawab telefon *hotline* dan sebagainya.

Ini merupakan satu kekecewaan bukan sahaja saya sebagai wakil rakyat Puchong tetapi orang ramai mengenai PUAS, memang tidak puaslah, tambahan lagi di Selangor masalah-masalah mengenai hutang yang mana PUAS ini anak syarikat ataupun satu syarikat di mana negeri Selangor ada kepentingan. PUAS ini adalah merupakan syarikat yang hanya memberikan *billing* dan juga pengagihan. Tetapi terdapat tiga syarikat yang membuat pemprosesan air iaitu Puncak Niaga, SPLASH dan juga Konsortium Abbas.

Saya difahamkan jumlah hutang yang telah PUAS berhutang kepada tiga-tiga syarikat ini ialah RM2.3 bilion, itu satu syarikat sahaja. So, persoalan sekarang ini siapa yang membayar? Bila dibayar? Dan mengapa *figure*, jumlah ini terlalu tinggi, siapa yang audit *figure* ini. Saya hendak tahu sedikit bagaimana *figure* ini mencecah satu negeri sahaja RM2.3 bilion dengan izin.

So, saya hendak sedikit jawapan daripada kementerian dan juga sebagai contoh di Selangor, kalau kita lihat *the operation* model ialah tiga syarikat ini akan

membekalkan air kepada PUAS dengan 84 sen *average* per cubic meter, tetapi PUAS akan secara purata juga akan *charge* kepada pengguna sebanyak RM1.14 sen iaitu kalau kita secara ringkas PUAS mungkin dapat 30% keuntungan kasar. Tetapi, kita jangan lupa dengan NRW atau *Non Revenue Water*, di Selangor ini saya difahamkan adalah lebih daripada 40%. Ini bermakna kalau kita setiap liter kiub yang pengguna, walaupun kita kalau dapat 100% daripada *collection* ataupun *payment* tetapi kita masih mengalami kerugian, sekurang-kurangnya 10% dan lebih.

Mengapa ini akan berlaku, adakah ini kerana terma-terma penswastaan itu telah memihak kepada sesuatu pihak yang ada kepentingan dan dimanakah *interest* ataupun kepentingan pengguna terutamanya di Selangor. So, saya hendak tahu sedikit bagaimana perkara ini berlaku, apakah cara untuk kita menyelesaikan bagi masalah mengenai *model operation* untuk pengusaha-pengusaha air di Selangor.

Tuan Pengerusi, saya juga akan..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada lagi?

Tuan Lau Yen Peng: Sedikit lagi *last one*. Yang akhir sekali mengenai Projek Pembetungan Negara dan saya difahamkan di seluruh negara, kita ada lebih daripada 600 kolam pemprosesan sisa manusia ataupun *oxidation pond* dan kebanyakan mereka ini mengalami kritikal *condition* di mana bila-bila masa akan berlaku mala petaka yang tidak diingini terutamanya pencemaran dan sebagainya.

Saya hendak tahu apakah tindakan segera kementerian untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan itu saya mohon menyokong, Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Padang Serai, selepas itu Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan kemudian kementerian menjawab.

2.45 ptg

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berkenaan dengan beberapa perkara. Satu ialah berkenaan Butiran 02400 iaitu berkenaan dengan Skim Bantuan Khas Usahawan Wanita (WEF). Saya mendapati pada awal ataupun asalnya diperuntukkan lebih kurang RM50 ribu untuk projek ini tetapi malangnya perbelanjaan yang sebenarnya hanya RM15 juta, daripada angka ini kita dapati memang tidak sampai ke sasarannya. Jadi, saya hendak meminta penjelasan daripada kementerian apakah strategi yang akan diambil ataupun sedang diambil untuk mengatasi masalah ini supaya lebih ramai

lagi usahawan wanita itu dapat menikmati peruntukan yang telah disediakan yang diperuntukkan.

Di sini nampaknya kurang yang layak, kurang minat ataupun kurang *participation* daripada golongan ini walaupun ada peruntukan yang disediakan. Jadi, saya minta sedikit penjelasan daripada pihak kementerian.

Satu lagi berkenaan dengan Butiran 70002 Kajian Semula Strategi Industri Pos. Saya pernah membangkitkan berkenaan dengan masalah sistem pos ini. Kita dapati bahawa sistem yang sedia ada seperti yang pernah saya bangkitkan di mana saya difahamkan sistem itu adalah sistem yang begitu lama dan tidak ada membuat sistem kajian yang baru. Kita dapati bahawa selalunya menimbulkan kesulitan kepada penerima yang menerima surat itu lambat.

Sebab, saya difahamkan sistem ini sekarang dia *point* yang tertentu. Jadi, kadang-kadang misalnya di Kulim, surat itu dia kena pergi ke Alor Setar, ke Sungai Petani walaupun surat itu untuk Kulim. Jadi, sistem ini saya berharap pihak kementerian boleh mengkaji semula untuk mendapatkan satu sistem yang lebih cekap dan lebih sempurna.

Yang *last* sekali yang hendak saya merujuk ialah berkenaan dengan Butiran 00100 SIRIM Berhad. Saya telah mendapat maklumat bahawa SIRIM ini memang ada banyak produk-produk yang telah direka dan saya telah mendengar rintihan bahawa di Malaysia negara kita ini dari segi R&D ini 'R' kita memang banyak tetapi 'D' kita memang kurang.

Difahamkan bahawa di SIRIM sendiri ada 100 lebih produk-produk yang telah direka tetapi dari segi *further development* atas produk-produk itu memang kurang. Jadi, saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kementerian apakah langkah-langkah yang akan diambil atau strategi yang sedang dirancang untuk memastikan produk-produk yang kita *research*, yang kita reka dapat dipasarkan supaya dapat dikomersialkan dan dengan itu akan membawa lebih lagi manfaat kepada orang yang berminat dalam bidang *research* ini.

Jadi, Tuan Pengerusi itu sahaja yang saya hendak bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, terima kasih, Ahli Dewan yang mulia, Timbalan Menteri, terima kasih kerana dua hari berturut-turut Timbalan Menteri ada di Dewan yang mulia ini. Yang pertama, saya ingin menyentuh B.28, Butiran 20000, 00100 dan 03202 ini relevan.

Yang pertama ini kita hendak membantu pihak kementerian sendiri iaitu menyentuh mengenai bekalan elektrik khususnya di daerah Sabak Bernam yang dalam sebulan ini tidak kurang empat kali *blackout*. Ini kita sesungguhnya berterima kasih dan menghargai pihak kerajaan. Sejak sepuluh tahun yang lepas kawasan ini sebenarnya telah mendapat bekalan elektrik 100% tetapi apabila ia berlaku *blackout* oleh kerana ia satu keperluan maka ia telah timbul pelbagai masalah. Di daerah Sabak Bernam salah satu sebab utama punca *blackout* ini adalah kerana pokok kelapa yang tumbang ke atas wayar elektrik itu.

Jadi, ini telah berlaku berkali-kali dan kita telah mencadangkan kepada pihak TNB supaya pokok-pokok kelapa khususnya dan pokok lain yang condong yang sudah tentu akan jatuh pada wayar elektrik ini supaya ditebang dahulu. Tetapi apabila dirujuk kepada TNB dia tidak ada peruntukan untuk menebang pokok itu sebelum jatuh, tetapi ada peruntukan kalau pokok itu sudah jatuh menimpa, maka baru ada peruntukan. Padahal untuk menebang ini nilainya, harganya RM100 sahaja untuk menebangnya, tetapi apabila ia jatuh nilai yang TNB akan keluarkan ialah lebih RM1,000. Jadi, kita harap pihak kementerian dapat memberikan perhatian dan saya telah menghubungi penghulu-penghulu di kawasan saya, ada 2,200 pokok kelapa yang sudah tentu akan jatuh pada *wire* ini dan akan menyebabkan *black out*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya beri 30 saat, sila Yang Berhormat bagi Jerai, abang saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, terima kasih. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat – terima kasih, Tuan Pengerusi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat dari segi lampu yang tidak menyala ini, adakah pihak Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah menyelesaikan masalah lampu-lampu di luar bandar yang telah diserahkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk menyalakan lampu-lampu. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Jawapan itu untuk Timbalan Menteri, bukan untuk saya jawab, insya-Allah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan daripada Yang Berhormat, diharap dapat memberi penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, terima kasih. Kemudian yang keduanya saya ingin menyebut mengenai rancangan TV yang pagi tadi saya telah nyatakan, apakah benar-benar pihak kementerian ini mempunyai kuasa untuk memberikan lesen ataupun permit kepada syarikat televisyen ini. Nampaknya, jawapannya, ya. Hanya sama ada dia hendak menggunakan kuasa ataupun tidak.

Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, kita sangat-sangat berharap supaya dalam memberikan permit ataupun lesen itu harus juga ditentukan syarat tentang rancangan televisyen yang harus ataupun yang ingin dipaparkan, sebab media ini adalah sangat penting, ia mempengaruhi fikiran anak-anak kita, khususnya anak-anak kita yang di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, termasuklah belia kita.

Oleh kerana itulah kita harus mengambil perhatian yang khusus agar rancangan TV ini bernilai pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kerana pandangan kita supaya rancangan seperti Akademi Fantasia itu dicelah dengan program kempen memerangi dadah habis-habisan ini telah diberikan perhatian. Jadi, kita harap pihak kementerian ini juga apabila memberikan permit ataupun lesen itu dapat mengenakan syarat. Kalau boleh beri lesen sudah pastinya apabila melanggar peraturan boleh menarik balik lesen itu, walaupun saya difahamkan bahawa dalam konteks rancangan TV ini sebenarnya ini di bawah kuasa Kementerian Penerangan.

Jadi, kita menyarankan pihak kementerian ini supaya dapat bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain supaya perkara ini dapat diberikan perhatian. Dan akhir sekali di Sabak Bernam sebenarnya sejak tiga tahun yang lepas perkhidmatan telefon melalui sistem CDMA, CDMA telah pun diperkenalkan di kampung-kampung yang jauh tetapi telah terbukti sistem CDMA ini sebenarnya gagal kerana *reception* ini, dengan izin, tidak jelas. 90% daripada rakyat yang diberikan bantuan CDMA ini telah mengembalikannya dan telah dijanjikan dengan satu sistem yang lain, tetapi sehingga kini sudah setahun lebih perkara ini belum diberikan perhatian. Oleh kerana itulah, Sabak Bernam berharap supaya pihak kementerian akan dapat

memberikan perhatian khusus demi kepentingan rakyat. Dengan itu, Sabak Bernam mengucapkan terima kasih dan menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.53 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu mewakili kementerian saya suka mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa di bawah kementerian ini.

Saya akan cuba memberi penjelasan sebaik yang mungkin berhubung dengan masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Kalau dilihat dari segi kementerian ini, di antara tugasnya bolehlah dilihat terbahagi kepada tiga yang utama, iaitu air, tenaga dan komunikasi. Maka, dengan itu saya akan cuba untuk membahagi-bahagikan jawapan ini kepada tiga bahagian, iaitu air, tenaga dan komunikasi.

Sebelum saya meneruskan jawapan berhubung dengan air, sukalah saya memberi sedikit latar belakang berhubung dengan air di negara ini. Sebagaimana yang selalu saya nyatakan dalam jawapan-jawapan lisan, bahawa selama ini kuasa air terletak di dalam kerajaan negeri. Walau bagaimanapun dalam mesyuarat pada 14 April 2004, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan keputusan Majlis Air Negara yang diadakan pada Julai 2003, supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan bekalan air daripada kerajaan-kerajaan negeri.

Ini memandangkan air merupakan satu keperluan yang amat penting kepada seluruh rakyat di negara ini, tidak kira apa juga latar belakang mereka, sama ada mereka orang politik, orang perniagaan dan sebagainya, maka kerana industri air ini begitu penting dan kerajaan negeri tidak lagi mampu untuk meneruskan industri ini kerana beban hutang yang besar, maka industri ini akan dipindahkan kepada kerajaan negeri.

Dan bermula dari detik itu, kementerian ini telah menjalankan beberapa perkara dan di antaranya adalah untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), yang mana tujuan tertubuhnya SPAN ini nanti adalah untuk mencari satu penanda aras atau *benchmarking* bagi air itu, dari segi kualitinya, dari segi tarifnya dan dari segi keperluan penggunaanya.

Di masa yang sama, dengan adanya penanda aras ini, kita juga boleh menilai bagaimanakah kadar NRW ataupun *Non Revenue Water*, had kadar air yang tidak terhasil ini, yang sesuai, yang boleh diterima pakai di negara kita ini, kerana di dalam negara kita yang ada negeri-negeri, NRWnya berbeza-beza antara satu negeri ke satu negeri, daripada yang sekecil-kecilnya di Pulau Pinang sebanyak 20% hinggalah sebesar-besarnya di negeri Sabah, 63% NRWnya.

Manakala kerajaan negeri terpaksa membayar kepada syarikat yang memproses air ini 100%

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...pulangan yang diterima adalah kecil, iaitu hanya sekadar 35% ataupun yang mana yang terhasil sahaja yang dapat pulangan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta penjelasan Timbalan Menteri, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum mula lagi, baru mukadimah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Pengerusi, saya tertarik tadi – Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini, jadi saya hendak tahulah Kelantan masuk atau tidak? Sebab satu negeri sahaja lagi di bawah parti pembangkang ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam Majlis Air Negara, ia dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua Menteri Besar adalah terlibat dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini. Saya yakin apabila sampai ketikanya negeri Kelantan juga tidak terkecuali untuk melibatkan diri dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum mula lagi. Okaylah.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya tertarik dengan tarif yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat yang akan diuruskan atau ditentukan oleh SPAN. Adakah kalau kita tumpukan SPAN ini tarif air sesebuah negeri itu akan ditentukan oleh SPAN ataupun terpulang kepada negeri masing-masing untuk menentukan tarif air yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Suka saya maklumkan kepada Tuan Pengerusi, buat ketika ini pada 16 Ogos yang lalu, kementerian ini telah melantik satu juru perunding iaitu KPMG untuk mengenal pasti perkara-perkara yang perlu dilakukan supaya air ini dapat diselesaikan secara *holistic*. Jadi, kita tahu negeri kita yang daripada utara sampai selatan tidak keseragaman dari segi tarif air ini, jadi kita mengharapkan daripada jawapan yang diberikan nanti oleh pihak juru perunding kepada kementerian, maka kementerian akan bentangkan di Kabinet supaya mendapat keputusan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut dengan Jerai bangun, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Beri Yang Berhormat bagi Jerai dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak apa, menghormati Timbalan Pengerusi BBC, sila. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, tahniahlah Timbalan Pengerusi Tetap, sedikit sahaja Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat kerana sabar datang ke Parlimen ini. Saya hendak bertanya tadi, tahniahlah kerana hendak tubuh – kita akan melihat perkembangan air ini hendak menubuhkan sebuah suruhanjaya, kerana memikirkan masalah bebanan hutang yang ditanggung oleh kerajaan-kerajaan negeri supaya dapat memberi mutu perkhidmatan yang lebih baik.

Tetapi saya agak keliru sedikit Yang Berhormat kerana kalau hendak ikutkan, kalau hendak diswastakan supaya ada peningkatan, persaingan, mutu lebih baik sebagaimana yang berlaku di negara-negara Eropah, tetapi masalahnya ada juga syarikat-syarikat yang telah pun diswastakan, projek bekalan air ini, menanggung beban hutang juga. Umpamanya, disalah sebuah negeri, Selangor kata kawan saya dari Subang, menanggung hutang yang begitu besar. Jadi, kita berharaplah supaya dengan adanya suruhanjaya ini dan juga bekalan air ini hendak diswastakan, ia benar-benar mencapai matlamat, kehendak, apa yang kita harapkan pada hari ini, lebih-lebih lagi mesra rakyat supaya tidak semata-mata hendak lari daripada beban hutang kerajaan negeri, kita wujud pula satu konsortium, syarikat. Tetapi syarikat itu juga menanggung beban hutang. Jadi, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini? Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lumut yang bertanyakan soalan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Larut. Yang Berhormat bagi Larut yang bertanya, minta maaf. Yang mana suka saya nyatakan tadi, pada ketika ini, kita sedang melantik juru perunding dan kita juga tidak mahu terburu-buru sama ada kita hendak menswastakan ataupun mengkorporatkan. Yang kita fikirkan pada masa ini, apakah garis panduan, apakah tanggungjawab kerajaan? Apakah tanggungjawab syarikat yang akan diswastakan? Mungkin nanti kalau kita hendak swastakan, kita kata dari segi pembinaan empangan, tanggungjawab kerajaan, dari segi loji yang kita swastakan, dari segi saluran paip, kita swastakan. Tetapi penyelesaian yang menyeluruh, ini yang kita cari supaya ada satu penyelesaian yang menyeluruh kerana pada hari ini, sebagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui, dari segi air, dari segi *raw waternya* daripada kerajaan negeri, kemudian loji diswastakan. Loji diswastakan, dia kos swasta, dia dikeluarkan 100%, kerajaan negeri beli 100% air yang telah diproses ini. Air yang berkualiti, bermutu dibeli oleh kerajaan negeri.

Kemudian, kerajaan negeri tanggung kos penghantaran air ke rumah-rumah. Hendak hantar air ke rumah-rumah ini, sudah pasti melalui paip yang berliku-liku, yang panjangnya beribu-ribu kilometer dan akibatnya, kualiti air itu terjejas dan paip ini juga telah lama dan rosak, perlu diperbaiki. Oleh itu, kerajaan sedang mengkaji, apakah garis-garis, apakah tanggungjawab kerajaan.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ayer Hitam bangun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor:mana satu tanggungjawab sekiranya hendak diswastakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor:dan berhubung dengan Selangor, Selangor belum diswastakan. Selangor hanya dikorporatkan setakat ini. Itu untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Larut, minta maaf.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini Jerai pula.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ini daripada Jerai bertanya saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang muda dan cekap, berpotensi, insya-Allah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Senyum]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma, saya hendak tanya satu. Memang 'ayak' ini di bawah pentadbiran kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Air Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Ayak' itu air.

Beberapa Ahli: Air.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 'Ayak' itu nyiru.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Air, air pun airlah. *[Ketawa]* Jadi, saya lihat semasa di bawah pentadbiran kerajaan ataupun di bawah Jabatan Kerja Air (JKA), tarif ataupun harga air ini tidak naik. Susahlah hendak sebut Tuan Pengerusi, ayak ini tidak naik.

Beberapa Ahli: Ayak, ayak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi, apabila diswastakan, harga ayak naik, rakyat kena bayar. Kemudian, satu lagi persoalan dia, ada kerajaan negeri yang Kerajaan Persekutuan hendak beri pinjaman tanpa faedah dan sebagainya pun, untuk memperbetulkan sistem bekalan ayak ini, kerajaan negeri tidak mahu terima, pasal apa? Baru-baru ini, saya baca dalam surat khabar, dalam kementerian hendak merancang, hendak mengkaji, mencari konsultan dan

sebagainya, ada juga syarikat-syarikat yang telah membuat permohonan untuk menswastakan bekalan air kepada EPU.

Jadi, boleh atau tidak pihak kementerian hari ini buat satu *temporary full stop* supaya semua, kalau kita sudah hendak serah kepada Kerajaan Persekutuan, semua negeri ini, Kerajaan Persekutuan *absorb* hutang-hutang negeri. Macam Kedah Tuan Pengerusi, Kedah ini orang kata hutang banyak kepada Kerajaan Persekutuan. Tetapi sebenarnya hutang ini bukan hutang lain, hutang ayak. Hutang peruntukan yang kita dapat daripada Kerajaan Persekutuan untuk membantu masyarakat mendapat bekalan air.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, kalau hutang ini, Kerajaan Persekutuan *absorb* sekali, bermaknanya baik untuk kerajaan negeri. Jadi, kerajaan negeri dia tidak adalah tambah hutang macam Kedah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri faham Dato' Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Faham sudah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Faham sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasihlah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa seronok hari ini sebab ramai Ahli Yang Berhormat bagi pandangan kerana Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini belum ditubuhkan lagi dan di sinilah tempat kita boleh bertukar-tukar pandangan supaya sekiranya nanti hendak diswastakan, diswastakan cara yang baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja. Kalau belum ditubuhkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, belum bagi lagi Yang Berhormat bercakap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia bagi sudah. Belum ditubuh.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belakang bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:bolehkah tidak Yang Berhormat cadangkan kepada Menteri, lantik beberapa orang Ahli Parlimen duduk dalam suruhanjaya itu, kita fikir bersama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu pandangan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Haa, itu kita fikir. Buat setakat ini, hanya kita ada juru perunding dan nanti kita bawa kepada Kabinet dan juga Majlis Air Negara, akhirnya nanti akan dibentangkan di Parlimen untuk kita luluskan Akta Industri dan Akta Suruhanjaya. Kita hendak dengar pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bijak pandai, seperti yang ada di hadapan saya ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor:...kerana yang pentingnya bukan saya atau kementerian saya, yang pentingnya air, keperluan untuk orang ramai, tidak kira orang kaya ataupun orang miskin. Ini kesempatan untuk kita gunakan untuk perbincangan ataupun untuk kebaikan orang ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi Ayer Hitamkah Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Walaupun kawasan saya Ayer Hitam, saya sentiasa hendak air yang jernih. *[Ketawa]* Soalan saya, Yang Berhormat dengan semangat berkobar-kobar mengatakan SPAN akan ditubuhkan. Pernahkah Yang Berhormat pergi tengok macam mana kontraktor membaiki paip bocor? Diibaratkan orang yang sakit kanser, barah diberikan Panadol. Kenapa saya kata begitu? Dia gali, yang dia nampak itu dia sambung. Sebab itulah, NRW terlalu tinggi.

Yang kedua, adakah kementerian mengkaji dan membuat satu perancangan, berapakah kos penggantian paip ke rumah-rumah dan apakah spesifikasi yang akan digunakan untuk setiap jenis paip, dari mana ke mana? Saya minta, kalau tidak ada perancangan yang menyeluruh tentang itu, tidak usahlah kita sebut macam mana hendak memperbaiki. Tidak selesai juga masalah kita kerana masalah pemasangan paip itu yang sudah lama, berpuluh tahun. Saya minta pandangan dan beritahu kita,

berapakah jumlah kos yang terlibat dalam penukaran paip untuk seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya katakan tadi, bukannya murah untuk tukar paip ini. Kalau paip yang 32 inci itu, kalau di kawasan bandar, kosnya boleh mencecah sampai setengah juta bagi setiap kilometer dan inilah yang tidak mampu ditanggung oleh kerajaan negeri. Maka hari ini, kementerian ini bertanggungjawab memikirkan bagaimana caranya supaya kita boleh membantu kerajaan negeri. Bagaimana caranya supaya kita boleh membantu orang ramai. Bagaimana caranya supaya kita boleh membantu rakyat. Sebab itu, kita tubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini supaya satu kepiawaian, satu keseragaman dapat dilakukan kerana hari ini, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, harga air di negara kita berubah-ubah, padahal tidak jauh mana antara Perlis dengan Johor. Perlis dengan Johor sekarang ini kalau naik kereta lebih kurang empat jam. Harga air berubah.

Antara Negeri Sembilan dengan Selangor, harga air berubah, tidak ada keseragaman. Maka kita lantik juru perunding, biar mereka yang bijak pandai ini, mereka dengar, mereka buat kajian bagaimana negara maju seperti di England, *offered* syarikat-syarikat yang mengendalikan air ini, bagaimana mereka buat, di Perancis bagaimana mereka buat. Ini mereka lakukan. Biar mereka datang dengan hasil kajian mereka. Kemudian kita bincang, untuk kebaikan orang ramai. Ini yang kita lakukan dan saya pernah lihat bagaimana tukar paip bukan mudah, apatah lagi hendak tukar paip di Kuala Lumpur, di celah-celah bangunan, harganya begitu tinggi. Itulah yang dilakukan oleh kementerian ini.

Cuma, saya harapkan supaya kita ada sedikit kesabaran kerana bukan mudah hendak tukar paip seluruh negara ini, yang panjangnya keseluruhan lebih kurang 100 kilometer dan sudah tentu belanjanya begitu tinggi. Maka, dengan itu kita perlu perlakukan dia secara sedikit demi sedikit. Ini yang kita lakukan. Walaupun hari ini Kerajaan Pusat dalam usaha membawa kuasa air ini daripada kerajaan negeri ke Kerajaan Pusat, tetapi usaha-usaha menukar paip-paip ini terus dilakukan mengikut kemampuan kerajaan yang sedia ada pada hari ini. Itulah sedikit mukadimah yang boleh saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan isu air pada hari ini sebelum saya menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ketika membahaskan peringkat jawatankuasa tadi.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua yang bangun Yang Berhormat, Pendang dengan Serdang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, silakan Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Baik terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya yang hendak ditimbulkan di sini adalah berhubung dengan air yang diambil daripada empangan. Sebenarnya, apabila dibuat empangan, ia adalah untuk kemudahan petani-petani. Apabila disalurkan ke sungai-sungai ataupun tali air, maknanya ia adalah untuk kegunaan petani dan petani dikenakan bayaran cukai tali air setiap sawah yang mereka ada.

Jadi adakah pihak SPAN ini ataupun pihak yang bertanggungjawab tentang bekalan air ini akan mengenakan dua kali bebanan kepada petani; satu bil air, satu lagi cukai tali air yang terpaksa dibayar oleh petani kerana ini sudah tentu kita rasa akan membebankan petani itu sendiri dengan dua bebanan yang bakal dikenakan ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, berhubung dengan perkara itu, saya belum ada lagi jawapan tetapi perkara ini bolehlah nanti, bila hasil daripada juru perunding itu bawa, kita boleh ajukan soalan ini, bagaimanakah caranya untuk mengatasi masalah-masalah ini khasnya kepada petani-petani di kawasan luar bandar yang memerlukan air untuk tanaman mereka.

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Serdang bangun Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya minta penjelasan sama ada pihak kementerian sedar atau tidak baru-baru ini Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS) telah mengubah jenis kod supaya rumah pangsapuri melambung naik tarifnya daripada 70 sen setiap meter padu sehingga naik kepada RM1.20, adakah kementerian sedar atau tidak? Kalau sedar, macam mana caranya untuk berbuat demikian sebelum penswastaan akan dilakukan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya lihat ramai Yang Berhormat yang bagi pandangan dari segi tarif air dan sebagainya. Sebab

itu saya katakan tadi, kita perlu ada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini kerana dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, satu *benchmarking*, kita tahu nanti, harga air macam mana yang boleh diterima pakai di negara kita. Kualiti air bagaimana yang boleh diterima pakai oleh rakyat negara kita. Ini penting, tidak boleh sewenang-wenangnya. Kalau kita hendak tergesa-gesa, kita swastakan hari ini, mungkin minggu hadapan atau bulan hadapan, harga air naik 45%, Ahli-ahli Yang Berhormat hendak? Sebab itu beri sedikit masa kepada kementerian ini supaya boleh menghalusi sebaik mungkin, bagaimanakah piawaian dari segi air ini dapat dilakukan?

Berhubung dengan air di harga-harga kondominium dan sebagainya, suka saya nyatakan, untuk bekalan air di kondominium besar, mereka beli secara *bulk*, mereka gunakan untuk kolam renang mereka, mereka gunakan untuk taman-taman mereka, mereka beli harga air yang berlainan dan oleh itu harga air mereka adalah lebih mahal dari yang lain dan ini juga di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi. Biasanya ada dua jenis kod nombor, 17 dan 18. 17 ertinya katanya untuk kegunaan *dicaj* kepada kondominium dengan RM1.20 setiap meter padu tetapi kod 18 untuk rumah pangsapuri dan kos rendah dengan *dicaj* 70 sen sahaja satu meter padu. Tetapi sekarang rumah murah dikekalkan kod 18 tetapi pangsapuri dari 17 hendak dinaikkan ke 18. Ertinya 75% naik RM1.20 hanya surat yang tidak sampai.

Jadi penghuni-penghuni pangsapuri ini memang kita menganggap ia tidak munasabah tetapi kalau mereka bersetuju pada dasarnya, kalau antara jenis kod 17 dengan kod 18 itu di antaranya, boleh mereka terima kadarnya sebab 70 sen naik ke RM1.20 itu terlalu melampau. Maka itu saya minta pihak kementerian boleh campur tangan untuk mengatasi masalah ini supaya mewujudkan kod yang lebih munasabah untuk rumah pangsapuri. Saya tidak mempertikaikan *surcaj* kondominium RM1.20, tetapi sepatutnya, tidak munasabah Tuan Pengerusi, di mana pangsapuri dinaikkan begitu tinggi, tengah-tengahlah 70 sen, mungkin naik ke 90 sen di antaranya.

Jadi, adakah pihak kementerian boleh memberi satu pertimbangan supaya campur tangan dalam hal ini supaya dapat mengatasi masalah sosial ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Kita boleh sama-sama duduk untuk menyelesaikan perkara ini untuk kepentingan rakyat bersama.

Tuan Pengerusi, setelah mukadimah, sedikit penerangan berhubung dengan isu air negara, berhubung dengan hendak menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, sukalah saya meneruskan jawapan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan ketika membahaskan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kalau sudah mukadimah 20 minit Yang Berhormat, jawapan mungkin panjanglah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya rasa pukul.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya harap boleh pendekkanlah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya cuba sebaik yang mungkin untuk memendekkan jawapan-jawapan.

Seorang Ahli: Besok puasa!

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Oh, besok puasa ya? Okay, saya cuba. Yang Berhormat bagi Mambong tadi ada membangkitkan dari segi kegunaan air terawat untuk tandas, membasuh kereta dan lain-lain. Tetapi Tuan Pengerusi, lama sedikit pun tidak apa sebab ini perkara penting, ramai orang kampung hendak tahu, ramai rakyat hendak tahu bagaimanakah industri air kita di masa akan datang yang melibatkan semua lapisan masyarakat tidak kira ahli politik, mahupun perniagaan, mahupun petani.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, jawablah Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bagi Mambong, kos adalah terlalu tinggi untuk memasang dua sistem pada masa kini kerana tidak *economical* untuk memasang sistem yang berasingan antara satu air untuk di tandas dan satu untuk air minum dan air mandi. Maka itu, kementerian ini belum lagi setakat hari ini berhasrat untuk mengadakan dua sistem bekalan air di rumah-rumah ini.

Kualiti air terawat juga katanya tidak mematuhi piawaian. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Mambong, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam mukadimah tadi, sebenarnya air yang telah dirawat di loji-loji itu ianya mematuhi piawaian yang telah ditentukan oleh Kementerian Kesihatan, cuma setelah air itu bergerak, berjalan begitu jauh berliku-liku untuk sampai ke rumah pengguna, maka ia

mungkin melalui paip-paip usang, maka kualiti air itu merosot apabila sampai ke rumahnya. Ini yang sebenarnya.

Tetapi kalau yang ada di loji-loji itu adalah yang bermutu dan Yang Berhormat bagi Mambong juga menyatakan kebimbangannya apabila ada usaha untuk melakukan pemindahan air daripada negeri ke negeri sebagaimana yang dirancang oleh kerajaan, antara negeri Pahang ke negeri Selangor yang mana perlu diadakan pemindahan air.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dari segi pemindahan ini, kerajaan juga menjalankan Environmental Impact Assessment (EIA) supaya dapat memastikan dari segi tanah, bukit dan sebagainya tidak terganggu atau terganggu pada kadar yang begitu minimum apabila projek ini dilaksanakan nanti.

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya Mambong, sila.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya ini. Saya ada tiga pertanyaan. Yang pertama tentang kualiti air. Yang Berhormat tadi menyebutkan bahawa semasa air itu dirawat, memang ia mengikut piawaian tetapi selepas disalurkan ke dalam paip beratus-ratus kilometer, maka air tersebut menjadi tercemar.

Saya ingin bertanya tentang perkara ini, di manakah air itu boleh menjadi tercemar sebab kalau kita tahu, pihak yang berkuasa untuk merawat air ini seharusnya mengambil tindakan jika ia tahu di manakah air itu tercemar kerana air tercemar ini memang mengganggu kesihatan lebih-lebih lagi jika kandungan *heavy metals* ada terkandung di dalam air yang sudah dirawat. Jadi ini adalah satu perkara penting.

Yang kedua, tentang pemindahan air memang EIA dibuat jika kita memindahkan air tetapi setakat EIA sahaja tidak mencukupi kerana EIA pun dibuat jika lebuhraya dibina. Berlaku juga *land slide*, tanah runtuh. Oleh yang demikian, kita harus melihat dari segi *geo-hazard*. *Geo-hazard* ini adalah satu risiko di mana kita menganalisis tentang geologi di sesuatu kawasan. Ini adalah penting. Oleh yang demikian, saya juga menyarankan agar ini dilihat daripada segi itu. Sekian terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Sebagaimana yang saya katakan tadi, sebenarnya kualiti air itu tidaklah tercemar cuma merosot. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa

melaksanakan program-program pemantauan seperti yang digariskan dalam Manual Pemantauan Kualiti Air Minuman 1983. Sampel-sampel juga sentiasa diambil.

Di bawah program ini, pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan akan mengambil contoh air dan membuat ujian di pelbagai peringkat pembekalan iaitu dari loji air hinggalah sistem agihan secara berjadual. Kekekapan percontohan adalah bergantung kepada jenis parameter air serta peringkat pembekalan. Contohnya bagi parameter-parameter utama seperti *ecoli* sifat mikrobiologi dan kekeruhan, warna PH dan baki klorin. PH fizikal yang bagi percontohan di loji akan diuji setiap minggu.

Berhubung dengan EIA tadi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, supaya ujian-ujian lain juga perlu dilakukan supaya kesan-kesan kepada alam sekitar tidak begitu menjejaskan.

Yang Berhormat bagi Seputeh sebentar tadi juga membangkitkan dari segi menanyakan apakah cadangan kerajaan untuk mengatasi masalah air kotor. Ini juga saya rasa saya telah menjawab di peringkat awal.

Masalah kualiti air adalah berpunca daripada kekerapan paip pecah dari jenis AC yang kebanyakan telah berumur lebih daripada 30 tahun. Dianggarkan perbelanjaan sebanyak RM3,083 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menukar lebih kurang 10,000 kilometer paip AC di seluruh negara. Di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelapan sahaja peruntukan berjumlah RM890,281 juta telah disediakan dan kementerian ini telah memohon tambahan sebanyak lebih kurang RM190 juta untuk pembaikan paip-paip yang pecah ini.

Seputeh juga bertanyakan dari segi perkiraan air, harga air di kondominium yang mana telah saya jelaskan tadi bahawa pada kebiasaannya pihak pengurusan kondominium membeli air secara pukal. Maka air yang dibeli di kondominium-kondominium ini adalah lebih sedikit tingginya jika hendak dibandingkan dengan air-air yang dibeli terus oleh pengguna-pengguna di kawasan-kawasan perumahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah jawab tadi, tidak perlu ulanglah Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey, pemasangan *filter* oleh pengguna. Mengikut Peraturan Bekalan Air, pihak pengguna tidak dibenarkan untuk memasang sebarang peralatan yang boleh menyebabkan ketidaktepatan meter dan pencemaran air. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Air Negeri tiada bantahan sekiranya

peralatan tersebut tidak dipasangkan berdekatan dengan meter pengguna. Kemudian, air saya rasa sudah banyak menjawab.

Dari segi elektrik, tenaga. Yang Berhormat bagi Bentong menanyakan dari segi gangguan bekalan elektrik di Sabah. Yang Berhormat bagi Bentong tetapi nampaknya menanyakan dari segi bekalan elektrik di negeri Sabah. Punca utama berlakunya gangguan bekalan elektrik di Sabah adalah kerana tidak adanya Sistem Grid di Sabah. Walau bagaimanapun, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah dan sedang melaksanakan projek-projek Sistem Grid utama di Sabah iaitu seperti berikut:

- i) grid pantai timur yang telah pun siap pada 7 April 2004;
- ii) grid di utara dijangka siap pada tahun 2004;
- iii) grid sambungan timur barat dijangka siap pada tahun 2005.

Dengan siapnya projek-projek grid utama ini bekalan elektrik yang lebih *reliable* dan *stable* akan dapat disediakan untuk pengguna-pengguna di negeri Sabah. Projek-projek grid ini juga akan dapat mengurangkan masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah.

Yang Berhormat bagi Bentong juga membangkitkan dari segi bagaimanakah *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)* bagi negara ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat semenjak tiga tahun kebelakangan ini, gangguan bekalan elektrik di negara ini telah berkurangan jika hendak dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu, yang mana pada tahun 2002 *interruption minutes per customer per year* adalah 148 manakala 2003 adalah 114. Ini menunjukkan bagaimana berlakunya kekurangan dari segi gangguan bekalan elektrik di negara ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, angka terbaru yang indeks ini 100:07 minit bagi setiap pelanggan apa yang diumumkan oleh Menteri sebelum ini. Jadi saya hendak bertanya hasrat Menteri hendak jadikan kita ini setaraf dan setanding dengan negara-negara maju iaitu tidak lebih daripada 20 minit menjelang tahun 2007. Adakah matlamat ini boleh dicapai, khususnya di negeri Sabah yang saya rasa mungkin lebih daripada 1,000 minit setahun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya yakin kita akan menuju ke arah kebaikan walaupun di negeri Sabah sekalipun, kerana banyak program-program menguatkan dari segi transmisi grid-grid di Negeri Sabah yang sedang dilakukan pada hari ini. Apatah lagi Sabah juga kita akan menggantikan beberapa pelan yang menggunakan diesel dengan pelan-pelan yang menggunakan tenaga yang lebih murah iaitu menggunakan tenaga *coal* ataupun arang batu, ini yang dilakukan oleh kerajaan.

Jika hendak dibandingkan juga kita dengan negara-negara yang berada tidak di persekitaran kita sebagai contoh, kalau kita hendak bandingkan kita dengan Victoria di Australia, kita tidaklah seteruk mana. Tahun 2002 kita berada - 128, Australia di kawasan Victoria - 152, di South Australia - 148. Cuma di Bangkok mereka lebih baik daripada kita tetapi hanya di Bangkok. Manakala di selatan Thai lebih teruk daripada kita yang mana *SAID*nya adalah lebih kurang 1,188. Maknanya Tenaga Nasional tidaklah merupakan satu syarikat yang begitu teruk perkhidmatannya kepada masyarakat cuma perlu diperbaiki lagi di kawasan-kawasan terutamanya di negeri Sabah yang sebagaimana saya katakan tadi usaha-usaha sedang dilakukan untuk memperkukuhkan lagi grid-grid bagi seluruh negeri Sabah.

Perlu diingat kalau hendak dilihat dari segi sejarah, Sabah dahulu dari segi tenaga mereka menggunakan jana kuasa-jana kuasa mereka adalah secara individu, kecil-kecil. Ada yang 7 megawatt, ada tiga megawatt, ada empat megawatt yang digunakan di satu-satu kawasan kampung. Maka tidak ada satu talian grid yang menghubungkan antara satu jana kuasa ke satu jana kuasa. Pada hari ini apabila kita telah ada jana kuasa yang lebih besar, maka kerajaan meminta supaya satu grid yang menyeluruh diadakan bagi negeri Sabah. Ini yang kita lakukan.

Tuan Liow Tiong Lai: [*Bangun*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Begitu jelas memberitahu kita bahawa masalah di Sabah adalah kerana kekurangan grid yang menyebabkan perhubungan di antara satu tempat dengan tempat lain menjadikan kekerapan bekalan elektrik terputus itu begitu sekali. Adakah selain daripada pemasangan grid, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan lagi IPP di negeri Sabah ataupun kita hanya menunggu bekalan elektrik daripada hidro Bakun.

Apa perancangan sekarang, kita hendak tahu juga di semenanjung ini adakah kita dapat bekalan elektrik daripada Bakun ataupun Sabah dan Sarawak sahaja yang dapat bekalan elektrik daripada Bakun. Satu lagi ialah berhubung dengan masalah di Semenanjung ini. Tadi menyatakan bahawa kita SAIDI kita 114, belum lagi mencapai tahap yang kita hendakkan iaitu kurang daripada 20. Apakah masalah yang sebenarnya yang menyebabkan gangguan begitu kerap berlaku, boleh telitikan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di negeri Sabah yang saya difahamkan belum ada lagi usaha-usaha untuk membina jana kuasa *independent power plant* yang baru. Cuma ada usaha-usaha untuk meningkatkan jana kuasa yang lama ini supaya ditingkatkan lagi kapasitinya kerana kapasiti yang ada di negeri Sabah itu amat kecil.

Maka untuk menunggu Bakun siap, mungkin sekitar tahun 2008 ataupun 2010 dengan ada *transmission line* ke Sabah maka keperluan di Sabah dijangka meningkat, maka inilah sebabnya kita akan meningkatkan lagi kapasiti bagi jana kuasa-jana kuasa yang telah sedia ada di negeri Sabah supaya bekalan di negeri Sabah sentiasa mencukupi. Buat masa ini juga kerajaan belum bercadang untuk membawa bekalan elektrik daripada Bakun ke Semenanjung. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan bahawa Bakun adalah sebenarnya di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, ini yang suka saya nyatakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pensiangan bangun Yang Berhormat, Pensiangan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, silakan.

Tuan Bernard S. Maraat: Kawan dari Bentong hendak mempertahankan kedudukan Sabah ini, terima kasihlah Bentong. Yang sebenarnya saya juga cuba hendak mengikut sama dalam perbincangan ini, di mana memang betul kekerapan daripada segi gangguan elektrik, khususnya bukan sahaja di bandar, tetapi saya bertanyakan kepada Timbalan Menteri sekarang ini, apakah perancangan kita sebenarnya khususnya di luar bandar.

Saya difahamkan oleh pihak Lembaga Elektrik Negeri Sabah ini, mereka mempunyai cadangan-cadangan tertentu umpamanya mikro-hidro yang saya rasa satu cadangan yang baik dan mereka sedang meneliti supaya bekalan-bekalan elektrik di luar bandar ini akan dibekalkan, khususnya sekarang ini ada beberapa buah kilang,

kilang yang terdapat di pedalaman yang mendapatkan jana kuasa itu daripada genset-genset masing-masinglah. Bukan daripada Lembaga Elektrik ataupun TNB ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada perancangan yang jitu ini dapat dilaksanakan khususnya di luar bandar, khususnya di bahagian saya, di Pensiangan sekarang ini yang memang pesat dari segi pembangunan sawit? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Suka saya nyatakan di sini kepada Yang Berhormat untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, bahawa kementerian sentiasa memantau supaya negeri Sabah mempunyai kapasiti tenaga yang mencukupi dan di masa yang sama sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bahawa kementerian dalam meningkatkan kapasiti dan jana kuasa-jana kuasa yang sedia ada, kementerian juga melihat adakah sumber-sumber *electricity* yang lebih murah dan yang boleh dihasilkan di negeri Sabah ini termasuk yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, sekiranya boleh dapat *electricity* daripada hidro dan sebagainya.

Kementerian ini tidak mengamalkan tutup pintu dari segi penggunaan jana kuasa-jana kuasa di negeri Sabah ini.

Tuan Eric Enchin Majimbun: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sepanggar bangun Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri, saya juga ingin bertanya mengenai dengan pembekalan elektrik di Sabah di mana dalam pembaikan *north town grid Kota Kinabalu - improvement of the northern town grid Kota Kinabalu*.

Saya difahamkan bahawa hawa dingin telah diberikan kepada Yayasan Bumiputera Sabah tetapi setakat ini tidak ada, kita tahu sebagaimana ia telah pun dijalankan sama ada itu diteruskan atau tidak sebab kalau tidak diteruskan, maka saya rasa boleh diberikan kepada lain kontraktor. So, ini saya ingin bertanyalah, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Pengerusi, tentang projek ini terlalu spesifik saya minta kalau boleh saya beri Yang Berhormat jawapan bertulis ataupun berjumpa dengan Yang Berhormat sendiri, cuma yang saya dapat nyatakan di sini projek itu akan diteruskan cuma ada berlaku sedikit kesalahfahaman antara kontraktor dengan ACSB. Itu yang saya dapat nyatakan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gerik bangun Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Eh! Saya dekat Sabah ini ..

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum beri lagi ini!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia pun hendak tolong Sabah juga?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Sebenarnya berkaitan dengan tenaga alternatif yang Timbalan Menteri katakan tadi, yang murah, yang selalu ditimbulkan bahawa tenaga hidro sahaja yang murah, tetapi sebenarnya seorang pakar di UKM, Pengarah Pusat Penyelidikan di UKM, Profesor Datuk Yusof Osman baru sahaja kembali daripada Eropah dan beliau membuat kajian bahawa ada dua sumber alternatif yang mungkin murah. Satunya angin, yang digunakan di Eropah dan di Amerika dan yang keduanya ialah tenaga suria. Tetapi angin ini dia cuma memerlukan kelajuan angin itu lima meter sesaat dan katanya purata di Malaysia ini 3 meter sesaat, tetapi kita tidak tahu kita perlu kaji barangkali di Ba'kelalan ataupun di kawasan-kawasan tertentu kalau lima meter lebih sesaat, maka ia wajar boleh kita gunakan cuma teknologinya kita perlu beli daripada Eropah.

Yang pentingnya di sini ialah katanya tenaga suria, tenaga suria orang terlalu membuat kesimpulan bahawa ianya lebih mahal daripada tenaga hidro. Tetapi sebenarnya kita menggunakan anggaran tidak mengambil kira pemasangan kabel dan sebagainya. Kos-kos yang lainnya itu, yang sebenarnya bila kita simpulkan dan mengambil kira keseluruhannya kos hidro ini lebih mahal daripada tenaga suria.

Saya baru-baru ini membuat lawatan ke kawasan pedalaman di Gerik, di Banun nama kampungnya Semelor dan kawasan di sekitar ada 30 buah rumah sahaja. Barangkali kalau hendak buat kabel masuk ke dalam begitu tinggi dan mereka menggunakan tenaga solar. Jadi harapan saya ialah kemungkinannya kementerian boleh membuat satu kajian mengenai penggunaan tenaga solar ini boleh gunakan pakar daripada UKM, yang sebenarnya telah pun digunakan oleh beberapa negara di Timur Tengah, mereka menjemput pakar kita pergi ke sana untuk mengkaji tentang kegunaan tenaga solarnya, dan bagi mereka ini agak murah di kawasan-kawasan yang

agak pedalaman, yang sukar untuk kita membuat kabel dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih daripada Yang Berhormat Gerik. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi kementerian ini tidak pernah sekali-kali mengamalkan sikap tutup pintu, sekiranya Yang Berhormat ada pandangan dan katakanlah kawasan itu di luar bandar boleh gunakan tenaga angin. Yang Berhormat boleh cadangkan, terutama Yang Berhormat boleh cadangkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar, yang mana ini tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk membangunkan industri. Lebih hebat lagi kalau hendak Yang Berhormat cadangkan Yang Berhormat cadangkan kepada Menteri yang berjanggut, yang ada di depan itu. *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]* - Menteri yang menjaga inovasi supaya teknologi ini boleh dikembangkan dan boleh dikomersialkan di negara ini, digunakan oleh masyarakat negara ini. Minta maaf Menteri, ini Menteri yang ada di depan ini, itu Yang Berhormat bercakap selepas ini, dia dengar nanti.

Kemudian saya ingin menyentuh isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakan saya daripada Tangga Batu. Tangga Batu ini dahulu pun sebenarnya jurutera Tenaga sebab itulah dia cakap banyak tadi berkenaan dengan Tenaga Nasional, dia mengatakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak lagikah Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terpujang kepada Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak kalau boleh dipendekkan lagi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Berapa lama Tuan Pengerusi beri pada saya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau boleh habiskan sebelum 3.45 petang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebelum pukul 5.00?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebelum 15.45, sebelum 3.45.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: 3.45? Okey! Terdapat beberapa sebab bekalan elektrik masih belum diberikan kepada taman-taman perumahan di negeri Melaka sebagaimana yang dinyatakan dalam surat khabar pada hari ini. Terdapat dua taman perumahan yang masih belum lagi menyerahkan bangunan pencawang kepada Tenaga Nasional Berhad agar ianya boleh dipasang perkakas suis dan alat ubah. Terdapat lima buah kawasan taman yang telah siap cuma kerja-kerja pemasangan perlu dijangkakan. Tenaga menyasarkan dalam masa sebulan, boleh dapat menyelesaikan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tangga Batu sebagaimana yang telah tersebar dalam surat khabar pada hari ini. Walau bagaimanapun suka saya nyatakan, kapasiti bekalan elektrik di negeri Melaka adalah lebih dari mencukupi, di mana permintaan beban hanyalah 40% daripada kapasiti yang terpasang bagi negeri Melaka.

Kemudian saya ingin menyentuh dari segi komunikasi yang mana di antaranya dari segi ntv7 ...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang bangun Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Elektrik, elektrik.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey, okey.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Saya hendak tanya tentang kecurian tenaga elektrik, sebab saya mendapat maklumat daripada sahabat-sahabat yang bekerja dengan TNB, mereka mengatakan banyak kilang di daerah Kulim yang menggunakan sejenis alat magnetik untuk mengurangkan putaran meter jangka elektrik itu di kilang-kilang di Kulim. Mereka mengatakan ini dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi kita rasa kalau sekiranya pihak kementerian tidak mengambil tindakan tegas terhadap kecurian ini, mungkin ini akan membebankan pengguna domestik yang lain dan saya rasa ini merupakan satu perkara yang agak serius terhadap kecurian tenaga elektrik.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bukan sahaja Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, di mana Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sentiasa berusaha untuk mencari jalan dan untuk mengatasi bagaimana masalah kecurian elektrik, sama ada di kawasan-kawasan perumahan ataupun di kawasan-kawasan kilang, tetapi

orang yang mencuri ini pandai, kita buat *gadget* macam ini dia buat *gadget* lain. Dia ada sahaja cara untuk *overcome*.

Bagi kementerian dan Tenaga Nasional, kita terpaksa mengatasi masalah ini kerana ia boleh menjejaskan dari segi keuntungan syarikat Tenaga Nasional dan juga ia akan menjejaskan perkhidmatan Tenaga Nasional kepada orang yang tidak terlibat dalam perkara ini.

Saya ingin...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Yang Berhormat, adakah TNB menjalankan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Timbalan Menteri belum bagi lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah? *[Ketawa]* Bukan bagi saya?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *You* mahu tanya apa? TV Cina?

Puan Teresa Kok Suh Sim: TNB, TNB.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Hah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: TNB.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tentang kecurian elektrik ini, saya memang mendapat aduan bahawa selalunya yang kecurian ini dibantu oleh pegawai dari TNB kerana mereka yang tahu cara macam mana hendak tukar meter atau *adjust* meter itu sehingga pengguna itu boleh mendapat manfaat.

Jadi, soalan saya adalah adakah kementerian ataupun TNB menjalankan siasatan ataupun menjalankan *disciplinary action* terhadap pegawai TNB sendiri yang membantu orang melakukan pencurian elektrik.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Jika Yang Berhormat ada sebarang keterangan ataupun sebarang maklumat, Yang Berhormat boleh kemukakan kepada Tenaga Nasional, dan saya yakin Tenaga Nasional juga akan bagi sedikit hadiah kepada Yang Berhormat sekiranya dapat membuktikan perkara-perkara seperti ini berlaku.

Untuk tidak melengahkan masa, saya ingin terus kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading yang membangkitkan dari segi *news* pukul 8.00 malam ini. Untuk pengetahuan, syarat lesen untuk stesen TV untuk menyiarkan berita dalam bahasa

Malaysia pada pukul 8.00 malam, semua *channel* TV, swasta dan juga kerajaan perlu menyiarkan berita pada pukul 8.00 malam dan mesti berita perdana, sekurang-kurangnya dalam masa setengah jam.

Yang Berhormat bagi Seputeh menyatakan dari segi lesen TV7. Lesen asal TV7 sebenarnya dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan. Tetapi apabila Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berkuat kuasa, maka pengambilalihan pihak SKMM mengambil alih lesen tersebut dan mengeluarkan lesen baru bagi ntv7. Bagi syarat lesen pemberian perkhidmatan aplikasi kandungan, mereka dimestikan untuk menyiarkan berita dalam bahasa Malaysia pada pukul 8.00 malam selama 30 minit. Tiada syarat lesen yang mengharuskan sebarang penyiaran berita yang lain.

Jika ada kehendaknya atau keperluan pihak SKMM boleh mengkaji ulasan yang diberikan untuk keperluan meneruskan siaran berita bahasa Cina oleh pihak ntv7. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, tidak perlu risau, ini berita bahasa Mandarin sudah ada. TV2 sudah ada berita bahasa Mandarin, saya ingat pukul 8.00kah, pukul berapa. Jadi kalau TV7, berita perdananya dalam bahasa Malaysia, *it is still okay because* orang bangsa Cina boleh lihat berita Mandarin dalam TV2.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta laluan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana satu Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Ayer Hitam?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya kalau kita membaca surat khabar Cina, tengoklah reaksi bagaimana orang melihat berita Mandarin pada pukul 5.00 petang di ntv7 yang akan tamat pada hari ini. Seluruh rakyat Malaysia masyarakat Cina tunggu satu keputusan. Kalau hari ini kita tidak dapat sampaikan hasrat kita, saya rasa esok sudah akan berhenti berita Mandarin.

Saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya minta tolong, ini satu tanggungjawab sosial. Selama ini berita Mandarin itu berperanan untuk menyampaikan dasar kerajaan juga dan ianya merupakan satu program yang amat popular di kalangan masyarakat, kenapa ianya diberhentikan dan mintalah jasa baik sebagai

pemberi lesen, kita mintalah supaya boleh berunding. Kalau kali ini mereka boleh berunding, lain kali hendak memperbaharui lesen pun senang kita hendak runding.

Saya sokong usaha pada pukul 8.00 malam, berita bahasa Malaysia selama 30 minit, kita sokong. Tetapi bahasa Mandarin dikekalkan juga 30 minit. Minta tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya pasti akan menyampaikan perkara ini kepada pihak Menteri dan juga kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan untuk memaklumkan kepada ntv7 supaya boleh mempertimbangkan perkara ini, kerana bagi pihak kementerian, kita tidak ada halangan sekiranya berita-berita ini hendak disiarkan mengikut waktu yang mereka...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, masa Yang Berhormat pun sudah sampai.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bentong.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya bagi Yang Berhormat bagi Seputeh dahulu, dia berdiri lama, dia pun kasihan, cantik juga ini hari. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga hendak mintalah... Terima kasih dahulu kerana Yang Berhormat sudi menyampaikan hasrat masyarakat Cina ini kepada pihak pengurusan ntv7. Tetapi bolehkah Yang Berhormat sampaikan kepada mereka, sebenarnya masa penyiaran asal kalau tidak silap saya, pukul 7.00 malam. Jadi sebenarnya ini adalah lebih senang bagi penonton yang balik ke rumah, menyenangkan mereka untuk menonton berita Mandarin itu, tetapi selepas itu ia dinaikkan masa ke pukul 5.30 petang.

Jadi, kalau Yang Berhormat sudi sampaikan hasrat ini, juga tolong beritahu mereka suruh mereka letak balik masa penyiaran yang asal...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Pukul berapa, pukul berapa?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Pukul 7? *[Disampuk]* Pukul 7.00 malam.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Pukul 7.00 malam.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Pukul 7.00 malam itu kerana saya rasa bahasa itu bukan satu isu. Yang penting adalah sampaikan maklumat kepada seluruh

penonton Malaysia tentang maklumat dan masa yang terkini, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, itu memanglah program yang amat disukai oleh masyarakat Cina...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia fahamlah itu, Yang Berhormat, kalau itu isunya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...bahasa berita Mandarin RTM itu juga mesti menghadapi persaingan daripada ntv7 ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sudah suarakan, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...untuk memperbaiki mutu mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Pengerusi. Walaupun dia daripada pembangkang, Tuan Pengerusi, tetapi hasratnya baik pada kali ini, *[Disampuk]* kali ini hasratnya baik, saya pasti akan mengutarakan pandangan beliau kepada ntv7 dan juga kepada pihak Menteri...

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bentong bangun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...supaya dapat diberi penilaian semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Masa tidak mengizinkan lagi.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Dalam ucapan saya tadi, saya juga ada sentuh ntv7 dan saya telah meminta pertolongan Yang Berhormat, bukan sahaja menyampaikan, saya harap kita sebagai sebuah kerajaan dan kementerian juga telah pun mempunyai kuasa dari segi lesen dan semuanya, mesti ada syarat-syaratnya. Boleh tidak Yang Berhormat, ini satu komitmenlah, kita tolong beritahu ntv7 kali ini kerana hari ini juga hendak kena berhenti ini. Kita tidak boleh tunggu lagi. Saya minta kerajaan ambil tindakan dengan segera. Kalau boleh kita dapatkan pandangan daripada masyarakat umum ini dan dapatkan komitmen daripada kerajaan untuk memastikan bahawa ntv7 dapat diteruskan lagi siaran Mandarin ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Pastikan esok ada lagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, saya pasti akan sampaikan dan saya akan pasti melakukan yang terbaik untuk masyarakat negara ini, walaupun pandangan ini datang daripada pembangkang mahupun Kerajaan Barisan Nasional.

Memandangkan Yang Berhormat Tuan Pengerusi tidak mengizinkan saya untuk berucap dengan terlalu panjang, maka saya ada lagi dua, tiga perkara yang saya masih belum jawab, terutamanya Yang Berhormat bagi Padang Serai tadi ada menyentuh dari segi SIRIM. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Padang Serai, SIRIM bukan terletak di bawah kementerian ini, SIRIM terletak di bawah Kementerian... *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Rompin]* mungkin ada kekeliruan.

Dari segi *post office*, perkara ini telah dibangkitkan dengan CEO Pos Malaysia sendiri untuk memastikan bahawa surat-surat yang dihantar tidak mengalami kelewatan. Cuma untuk pengetahuan Yang Berhormat, kebanyakan negeri, mereka ada pusat mengumpul surat mereka dahulu. Sebab itu surat-surat kena dihantar dahulu kepada pusat pengumpul surat. Kalau di Kedah, mungkin di Alor Setar, pusat mengumpul surat. Kemudian barulah surat dari Alor Setar ini dihantar ke Kuala Lumpur dan sebagainya dan inilah yang menyebabkan kadang-kadang mengambil masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat. Menteri sudah tunggu, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey. Tetapi dengan adanya *sorting out* yang pakai automatik, semua ini boleh dapat membantu mempercepatkan penghantaran surat.

Jadi, berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dalam peringkat jawatankuasa, yang tidak dapat saya jawab secara lisan pada hari ini, insya-Allah saya akan memastikan bahawa saya akan menyampaikan jawapan secara bertulis dalam masa terdekat dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam menyentuh perkara-

perkara berhubung dengan kementerian ini, terutamanya dari segi air yang mana amat mendesak pada ketika ini.

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM68,299,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM68,299,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,926,925,200 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,926,925,200 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.30 [Jadual] –
Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2005] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Santubong.

3.50 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa persoalan yang hendak dibangkitkan kepada kementerian. Saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang kerana pada saya semasa peringkat Jawatankuasa inilah amat penting sekali. Jadi, dengan adanya menteri mengkhususkan jawapan nanti, kita memang mendapat jawapan apa yang dilihat daripada segi kementerian.

Tuan Pengerusi, saya sentuh perbincangan di bawah Butiran 010000 – Sokongan dan 010100 - Pengurusan. Tidak ada sesiapa pun boleh menafikan bahawa

Research dan *Development* adalah satu perkara penting untuk membangunkan industri pada masa yang akan datang, Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat, *Research* dan *Development* ini dibuat di negara-negara lain, umpamanya di Amerika yang mempunyai peruntukan yang begitu tinggi sekali. Kalau di Amerika kita lihat *defence research*nya mempunyai peruntukan 5.2 peratus iaitu hampir USD78 bilion mengikut data yang dilaporkan pada tahun 1997 dan *non defence research* diberi peruntukan 2.7 peratus, iaitu USD34 bilion – USD15 bilion untuk *basic research* iaitu *pure science*, apa yang dikatakan *Robert Badry* sebagai *pure science* manakala yang lain hanya difokuskan kepada industri-industri yang tertentu. Jadi dalam masa yang sama, ini adalah peruntukan daripada pihak kerajaan.

Research yang dibuat oleh pihak industri adalah jauh lebih besar lagi kalau kita lihat kepada syarikat-syarikat yang besar macam Microsoft, Intel, IBM dan sebagainya. Kita memang tidak boleh menandingi jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Amerika ini kalau kita lihat daripada peruntukan yang telah dibuat.

Jadi dengan keadaan yang sedemikian, pihak industri sepatutnya mengambil alih tindakan ini supaya memperbanyakkan peruntukan dari segi *research*. Mengikut kajian yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu, khususnya yang dibuat oleh *Robert Badry* pada tahun 2000 bahawa *research* itu terbahagi kepada tiga, iaitu dua *research* untuk akademik dan yang satu lagi untuk mendapat jawapan kepada satu-satu persoalan, dan yang ketiga, difokuskan kepada *consumer item*, *consumer goods* yang boleh dimarketkan kepada dunia. Dan di sinilah letaknya situasi di mana pihak industri sepatutnya terlibat secara terus supaya lebih fokus lagi kepada *research* mereka, tidak jawapan kepada persoalan sains dan kepada *pure science* ataupun *basic research*.

Jadi dengan keadaan sedemikian, Tuan Pengerusi, kita mesti menggunakan keadaan ini supaya *research* kita diperkukuhkan lagi. Persoalan yang dibangkitkan kepada saya ialah apakah tindakan kementerian, supaya mendorong pihak-pihak industri di negara kita, syarikat-syarikat yang besar di negara kita supaya terlibat dalam *Research* dan *Development* secara lebih fokus dan lebih teliti lagi kerana pada masa sekarang, memang kalau dilihat kepada penyelidikan yang dibuat oleh seorang profesor daripada Universiti Malaysia, iaitu Prof. Jomo *on South-East Asia Industrialization* mengatakan bahawa, Malaysia adalah di antara empat buah negara yang maju di kawasan ini – Thailand, Indonesia, Singapura dan sebagainya, di mana

hanya Singapura sahaja yang mempunyai institusi yang boleh menyokong dan *sustaining*, dengan izin, dalam persoalan *research* ini. Malaysia belum lagi.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian kita akan terkebelakang, tertinggal di belakang kalau kita tidak memperkukuhkan institusi untuk membuat, menjana *research* kita ini. Kalau kita lihat dalam segi *research* ini, ada dua perkara iaitu *absorption of technology* daripada luar negara dan satu lagi *development of technology* daripada luar negara menerusi *technology transfer*. Mengikut data yang dibuat oleh Prof. Jomo pada tahun 1975 hingga 1977, hanya 144 *technology transfer agreement* yang telah dibuat dan meningkat sedikit pada tahun 1993 kepada 2,224. Ini menunjukkan bahawa kita lebih kecil kalau dibandingkan dengan IBM yang boleh membuat 10,000 *technology transfer* dalam satu tahun – sebuah negara kalah oleh sebuah syarikat daripada segi *Research dan Developmentnya*.

Jadi, kalau kita bandingkan dengan *IBM, Mitsubishi, Toshiba* dan sebagainya, kita sebagai sebuah negara masih jauh tertinggal ke belakang. Walau bagaimanapun, dalam segi *technology transfer* ini pula kita mempunyai hasrat dan kita mempunyai institusi yang baru ditubuhkan di Malaysia tetapi masalah yang besar yang kita hadapi ialah kekurangan anggota teknokrat yang mempunyai kepakaran yang tertentu untuk menilai sebelum *agreement technology transfer* ini dibuat.

Ini *ex-post transfer* sebelum *agreement* itu dibuat, penilaian teknologi, kesesuaian teknologi ataupun teknologi ini memang sudah *sunset technology* yang dibawa ke negara kita untuk digunakan di sini, yang sudah tidak sesuai lagi digunakan di negara yang lebih maju. Selepas dibuat *agreement* bagi menilaikan teknologi, setelah dipakai di negara kita ini untuk menilaikan *effectiveness development* daripada teknologi yang telah *ditransfer* ke Malaysia dan juga *subsequent developmentnya* selepas *absorption* ke dalam industri-industri kita di Malaysia. Jadi, badan ini tidak mencukupi mengikut penyelidikan yang dibuat oleh Prof. Jomo ini yang mengatakan kita tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi.

Jadi, persoalan yang besar kepada kita ialah macam mana pihak kementerian boleh mewujudkan kepakaran, jumlah pakar yang mencukupi untuk menilaikan *technology transfer* ini. Kalau tidak, teknologi yang dibawa kepada kita ialah satu teknologi yang dikatakan oleh golongan *academician* sebagai *matured technology* ataupun teknologi yang *reaching in maturation*, yang tidak lagi memerlukan *research* di *advance research centre*, di mana teknologi negara yang lebih maju dihantar ke

negara kita sebagai pembuat sahaja, pembuat teknologi itu supaya boleh dimarketkan ke seluruh negara. Oleh sebab kita masih mempunyai *cost of operation* yang lebih rendah tetapi hasilnya *at value-added*, hasilnya tidak kita dapati oleh sebab teknologi itu tidak lagi mempunyai *eventual advance development* daripadanya.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, di manakah letaknya inisiatif kementerian walaupun saya memuji Yang Berhormat Menteri yang telah mengambil beberapa *step* untuk membawa kepakaran masuk ke dalam negara dan mewujudkan Majlis yang tertentu untuk menjana banyak lagi pakar-pakar di negara ini.

Tuan Pengerusi, persoalan ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah cadangan untuk membawa balik tenaga pakar dari luar negara ataupun *attract* pakar dari luar negara. Ini selalu kita bincangkan tetapi modul kita masih sama dengan modul yang dibuat oleh Taiwan, modul yang digunakan oleh Singapura, dan kita telah melihat juga di Singapura dan Taiwan di mana ia tidak mendatangkan kesan yang begitu tinggi oleh sebab modul ini berlandaskan *human physical requirement*.

Umpamanya isterinya datang diberikan PR status, kereta dia hendak dibawa masuk diberi *free*, pengangkutan barang juga diberi *free*. Semua kemudahan-kemudahan asas peribadi, anaknya, persekolahan anaknya, *eventual development of career* kepada *spousenya* semua kita sarankan, dan kerajaan kita sudah terima cadangan ini tetapi masih juga kita tidak dapat *attract* kepakaran ini masuk ke negara kita.

Salah satu daripada kelemahan inisiatif ini dipandang mengikut *research* yang dibuat ialah *development of academic mentality* kerana kita tidak mempunyai satu *research centre* yang canggih, yang *advance*, di mana seorang pakar ini berkehendakkan kemajuan daripada pandangan mentalnya, kerana kita berilah segala kemudahan, kekayaan dan kesenangan hidup kepadanya tetapi kalau *the advancement of his mind, the advancement of his research* tidak diberi suatu inisiatif kepadanya, nescaya dia juga akan pergi ke negara-negara lain seperti Amerika, England dan Eropah untuk mencari tempat di mana *there will be a challenge to his mind* kepada kepakaran dan kebijaksanaannya.

Itulah kenapa kalau kita lihat baru-baru ini Dato' Menteri dan Tuan Pengerusi, bahawa IBM apabila hendak membuka satu *research centre* di luar Amerika dan Europe dibuatkan di Bangalore, India, ia baru dibuat atau mungkin baru dilancar pada tahun 2003 yang lalu.

Oleh kerana kepakaran yang mencukupi, orang-orang *research* dan *scientist*, *technician* yang balik daripada Silicon Valley, oleh kerana *explosion of dot com* di sana, mereka balik ke negara sendiri untuk mempelopori industri di sana, dan di sanalah banyaknya pakar yang boleh digunakan untuk memasuki ke dalam *research centre*, jadi dicadangkan supaya ini dilihat oleh pihak IBM.

Jadi masalahnya, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan *research* dan jangan *concentrate* sebagai universiti, tetapi *research* kepada *basic* dan *pure – science*, dan jangan *research* yang tidak menentu arah, sebagaimana yang dibuat oleh pihak-pihak jabatan kerajaan - buat sahaja, tetapi tidak ada *marketable value*, tidak ada *consumer value*, *research* itu hanya bila sudah dibuat, inilah kita persoalkan, masuk ke dalam satu peti dan di sanalah akhirnya menjadi sebagai satu khazanah akademik *study* sahaja. Tidak mendatangkan hasil kepada negara.

Sepatutnya kita menggalakkan kerajaan dengan pihak industri bergabung tenaga, bergabung sumber kewangan, mewujudkan *centre of research* yang besar, yang mencukupi untuk kita menarik *intellectual mind* ini daripada luar. Sudah kita berikan kemudahan-kemudahan peribadinya, sudah kita berikan kemudahan-kemudahan sanak saudara dan semuanya, dengan itu kita hendak *develop* dia punya *mind* lagi dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya kita lihat sejauh manakah pakar ini

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: pakar ini boleh kita beri *advance in learning*, kursus ataupun seminar di luar negara untuk dia merasa lagi *intellectual challenge*, iaitu dijawab di negara ini.

Yang akhirnya Tuan Pengerusi, mengikut penyelidikan yang dibuat oleh seorang pakar pengurusan syarikat, tidak mencukupi kalau kita *advance* dalam teknologi, tetapi kita tidak mempunyai kepakaran daripada segi pengurusan dan juga disebut oleh Profesor Jomo, bahawa pengurusan di negara kita ini belum sampai ke *level of the best*. Itu dikatakan oleh CEO Matsushita bahawa, "*We will win this fight*", kerana kita punya kepakaran dalam pentadbiran sudah mencapai *85% in terms of excellence as compare to* mana-mana negara di dunia ini. Dengan ini Tuan Pengerusi

tidak mencukupi *engineering skill, scientific skill* kalau tidak *dimatch* dengan *managing skill* bersama dengannya. Terima kasih, saya turut menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

4.03 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mula-mula Butiran 020200 yang berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Kajiucua Malaysia.

Global warming Yang Berhormat Menteri kini memang kian meningkat. Peningkatan fenomena *global warming* ini memang disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah pembangunan industri yang kian meningkat di dunia ini.

Saya ingin tahu apakah polisi, fokus kementerian atau kerajaan kita terhadap *global warming* ini. Saya rasa perlu ada pemantauan dan tindakan bersepadu di negara kita. Jangan kita sahaja pergi ke mesyuarat-mesyuarat atau *conference of the party* yang berkaitan dengan 'Quito Protocol' tetapi, kita haruslah ada strategi yang bersepadu supaya kita boleh memantau dan mengambil tindakan *contribution* kita kepada *global warming*, kerana sekarang saya nampak di lebuh raya, di jalan-jalan raya kita terlalu banyak bilangan kenderaan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 030300 dan juga Butiran 006005, kedua-duanya berkaitan dengan *biotech* ataupun Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK). Saya rasa perlu diwujudkan akta akses kepada kepelbagaian *biology*. Saya tidak tahu kementerian manakah yang bertanggungjawab kerana pada suatu ketika, apabila saya menimbulkan perkara ini, saya diberi jawapan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bertanggungjawab ke atas akta yang saya sebutkan tadi.

Tetapi saya nampak Direktorat Bioteknologi Kebangsaan ini memang di bawah kementerian ini. Itu adalah satu kekeliruan. Walaupun demikian, saya rasa akta ini adalah perlu kerana sekarang kerajaan kita pun menekankan kepentingan bioteknologi dan R&D *biotechnology*.

Kalau kita menekan ini, maka adalah penting diwujudkan satu akta - di dalam dunia pada masa kini sudah ternyata peningkatan perdagangan dalam sumber-sumber kepelbagaian *biology*. Bilangan syarikat-syarikat *pharmaceutical* dan bijian meningkat dengan kadar yang tinggi. Sebagai contoh, 10 syarikat bijian terbesar di dunia ini

mengalami 25% peningkatan *revenue business* mereka dalam tempoh dua tahun. Negara-negara lain telah pun mewujudkan perundangan tentang GMO kerana perundangan ini dapat mengawal kemasukan GMO yang dihasilkan melalui kaedah-kaedah *biotechnology*.

Kalau kita tidak ada perundangan sedemikian, maka kita sembarangan mengimport GMO daripada negara-negara yang lain, yang kita tidak tahu sama ada GMO ini ada risiko kepada kita sendiri, kepada kesihatan kita ataupun terhadap alam sekitar. Adalah penting jika kita ada akta sendiri untuk mengawal semuanya ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030400 yang berkaitan dengan Pusat Remote Sensing Negara ataupun MACRES dan juga Butiran 00603 – MACRES, adalah penting kepada kita sebab ini adalah satu teknologi moden yang boleh digunakan untuk pelbagai pengurusan.

Gambar-gambar satelit kalau kita lihat daripada *historicalnya*, kita boleh mendapat maklumat-maklumat yang tertentu bagi mengurus pertanian, kerana pada setiap bulan, pada setiap tahun kita boleh lihat daripada gambar ini kekurangan air ataupun banyak air. Kita boleh lihat juga pemindahan *neutron* dalam tanah daripada gambar ini.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kementerian, gambar satelit ini adakah ia selain daripada kerajaan, digunakan oleh pihak swasta? Gambar-gambar satelit ini juga perlu bagi mengkaji dan menilai tempat-tempat yang sensitif kepada tanah runtuh juga untuk membuat cadangan bagi kawasan-kawasan yang berisiko tinggi *geo hazardnya* ataupun bagi tanah runtuh.

Itulah sebabnya pusat ini adalah penting kepada negara dan saya berharaplah bahawa kementerian akan mengarahkan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menggunakan teknologi ini agar mereka boleh merancang aktiviti-aktiviti dengan tertentu.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 00900 iaitu Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear (MINT). MINT ini seperti mana yang kita tahu adalah satu badan kemungkinan yang mengkaji dan juga memberi lesen kepada syarikat-syarikat yang ingin merawat bahan-bahan ataupun *sludge* yang mengandungi *radioactive material*. Saya telah difahamkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, saya gulung sekarang, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan bahawa *oil sludge* daripada Petronas dihantar ke MINT kononnya untuk dirawat, tetapi tiada pun rawatan dibuat hanya disimpan di dalam tong di kawasan MINT di Cheras.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kenapa rawatan tidak dibuat dan tidakkah ada teknologi yang terkini bagi merawat buangan ini yang dihasilkan selepas penapisan minyak kerana ia mengandungi NORM ataupun *Naturally Occurring Radioactive Material*.

Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Perkhidmatan Sains dan Butiran 030000 halaman 405 – Penyelidikan dan Pembangunan (Sains dan Teknologi), Butiran 00605 – Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK) dan Butiran 030700 halaman 405 – Agensi Angkasa Negara (ANN) dan Butiran 040100 - Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA), akhirnya halaman 407, Butiran 010100 – MIMOS Berhad.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang dapat menang juga, ini menunjukkan ada prestasi yang menggalakkan dan saya pun berpendapat bahawa dengan pengalaman Yang Berhormat sendiri yang mendapat Ph.D dari *McGill University* di dalam jurusan Kejuruteraan. *McGill University* memang merupakan salah satu universiti yang terkemukakan di Canada. Saya berharaplah dengan pengalaman tiga tahun berada di *McGill University*, beliau dapat ilham untuk memajukan sains dan teknologi di Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Jarjis]: *Point of Order*. Tidak kena-mengena dengan apa yang

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada kena-mengena dengan sains dan teknologi. Kalau kita puji sedikit

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu ada sedikitlah, Yang Berhormat. Hanya undi yang menang itu tidak kenalah.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, kita beri pujian sedikit, kepalanya sudah terlalu besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]* Yang Berhormat sendiri cari pasal.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak cari pasal. Ini ada kena- mengena dengan apa yang saya akan bincangkan seterusnya.

Masalah penyelidikan dan pembangunan kita ini di mana-mana negara pun kita bahagikan kepada bidang akademik dan juga teknologi perindustrian. Saya hendak Yang Berhormat menerangkan, apabila kita minta diluluskan peruntukan yang agak besar juga untuk kementerian ini sejumlah lebih RM1.1 bilion - itu memang satu jumlah yang agak besar juga dan patutlah kita belanjakan yang banyak sedikit untuk meningkatkan sains, teknologi dan inovasi di negara ini.

Semasa Yang Berhormat membuat penyelidikan – mendapat Ph.D di *McGill University*, memang ada suasana yang *conducive*, yang masih belum wujud di negara ini. Yang pertamanya, pihak penyelidik misalnya Yang Berhormat pergi ke *McGill University*, memang ada imej yang baik sebelum Yang Berhormat pergi ke situ dan daripada situ profesor pun ada memberi peluang yang banyak, bukan kerana Yang Berhormat datang daripada Malaysia tetapi kerana ada mempunyai fikiran yang baik, potensi yang baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order*, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Jerai, Jerai tidak pernah ada Ph.D.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *Point of order* yang mana satu, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:mana tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, pertamanya Yang Berhormat berucap tidak melihat Pengerusi, itu salah besar. Yang keduanya, tidak kena-mengena dengan kepala dan ekor dalam kementerian ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada kena-mengena, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Berapa orang ahli-ahli sains Yang Berhormat hendak bawa balik melalui kementerian ini?

Dr. Tan Seng Giaw: *No, no.* Ia memang kena-mengena kerana kita hendak meningkatkan keupayaan negara berdikari dalam bidang sains dan teknologi. Kalau hendak berdikari, hendak meningkatkan mutu keupayaan kita mestilah menjaga pengurusan yang baik.

Setakat ini saya belum dengar lagi ucapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai pengurusan yang baik kerana terserah kepada pengurusan. Misalnya dia hendak tarik balik orang daripada luar negara memang baik, tujuan pun baik, insentif pun diberi, tetapi maklumlah berbanding dengan negara-negara lain kita memanglah tidak boleh dibanding kerana insentif kita memanglah kurang, berbanding dengan negara yang lain dan juga kemudahan termasuklah emolumen yang diberi kepada yang bakal kembali ke sini pun tidak boleh dibanding dengan negara yang lain. Sebab itulah kita mesti ada pengurusan yang baik untuk semua ini. Kalau setakat ada sains dan teknologi penyelidikan dan penemuannya, tetapi tidak ada pengurusan yang baik itu sia-sia sahaja.

Saya berharap Yang Berhormat kembali ke kementerian – ke pejabatnya untuk menetapkan pengurusan bagi kementeriannya dan itu program yang utama. Kalau boleh kita masukkan di dalam bajet itu juga untuk masa hadapan khas, untuk pengurusan bagi semua ini. Ini memang satu cadangan yang bernas yang Ahli Yang Berhormat bagi Jerai mesti mengambil pusing dan Ahli Yang Berhormat bagi Arau juga.

Ahli Yang Berhormat bagi Arau, dia menyokong dan menumpang Ahli Yang Berhormat bagi Jerai sahaja dari masa ke semasa. Terutamanya mengenai loghat Kelantan memang dia suruh

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terkeluar daripada

Dr. Tan Seng Giaw: Keluar, keluar. Ini memang keluar, cuma saya hendak galakkan mereka menuju ke arah bidang sains dan teknologi dengan cara yang baik. Kita program untuk meningkatkan pengurusan.

Tuan Pengerusi, semasa Yang Berhormat ada di *McGill University* memang ada nampak orang yang mempunyai otak yang baik, fikiran yang baik dan mereka tidak begitu mementingkan kebendaan. Dia hanya hendak membuat penyelidikan yang benar-benar akademik dan kepuasannya datang daripada suasana dan kerja yang dibuat di dalam makmal dan sebagainya. Itu sahaja, bukan kerana diberi emolumen dan ganjaran yang begitu tinggi sehingga mereka membuat penyelidikan dan sebagainya – kepuasan untuk membuat penyelidikan. Di Malaysia memang kurang.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat Menteri mestilah sentiasa ingat, kalau tidak wujudnya meritokrasi di dalam jabatan dan makmal

memang tidak boleh ada penyelidikan dan pembangunan yang bermakna. Ini bermakna di dalam kementerian Yang Berhormat dan juga di semua institusi yang kena-mengena dengan sains

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini saya hendak bagi cadangan yang baik untuk meningkatkan sains, teknologi dan inovasi kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada sebahagian besar saya fikir Yang Berhormat Menteri sudah faham lah.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia mungkin tidak faham kerana dia tidak sebutkan pengurusan langsung, setakat dia ambil alih kementeriannya – tidak sebutkan langsung. Ini bermakna fahamannya kurang lagilah, mesti membuat penyelidikan yang lebih mendalam dan meritokrasi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta gulunglah, gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulung dengan meritokrasi. Semua program dan aktiviti mesti berdasarkan kepada meritokrasi tidak kiralah sesiapa, daripada kawasan mana, sama ada Jerai, Arau, Pontian dan sebagainya, kita tidak kira, asalkan ia berpotensi, ia membuat kerja yang baik, prestasi yang baik itulah kita pilih.

Yang Berhormat, ini memang penting di dalam bidang sains dan teknologi termasuklah bioteknologi. Saya nampak ada peruntukan untuk bioteknologi, tetapi setakat ini saya tidak nampak macam mana bioteknologi dapat ditingkatkan kerana ini memerlukan perbelanjaan yang banyak dan setakat yang diperuntukkan ini, tidak cukup, memang tak cukup. Bioteknologi itu tempoh yang panjang sebelum kita dapat sesuatu yang bermakna, yang boleh mendatangkan faedah.

Setakat ini saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan bagaimana beliau boleh meningkatkan bidang bioteknologi di negara ini. Setakat ini kita nampak kenyataan demi kenyataan sahaja, tetapi hasilnya belum nampak dengan ketara lagi. Inilah seruan saya supaya Yang Berhormat dapat memberitahu Dewan yang mulia ini, bagaimana beliau meningkatkan hasil dan prestasi bioteknologi di negara ini. Kita tidak mahulah seperti di bidang ICT kita, ada *e-village* pun sekarang saya tidak nampak lagi, walaupun saya bangkitkan dari masa ke semasa apakah yang terjadi dengan *e-village* kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: MIMOS kerana Pengarah itu akan Tunku akan bersara, itu pengasas MIMOS, Tengku Dr. Mohd. Azzman Sharifadeen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tengku Dr. Mohd. Azzman Sharifadeen akan meletakkan jawatan. Kalau beliau akan meletakkan jawatan apa yang akan terjadi dengan MIMOS sekarang? Adakah MIMOS akan berkecimpung dalam bidang perdagangan ataupun perniagaan ataupun MIMOS akan menumpukan perhatian kepada bidang-bidang yang tertentu sahaja.

Tuan Pengerusi, memang banyak lagi kita boleh bincang untuk sama-sama mempertingkatkan kualiti dan tahap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Gerik.
4.25 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas Yang Berhormat Gerik ini, Bera boleh berucap dan selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Sebagai mukadimahnya saya fikir sejak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini ditubuhkan maka dirasakan kita telah melangkah beberapa tapak ke hadapan dan saya kira dalam bidang pendidikan juga, ramai pelajar-pelajar kita, generasi baru begitu berminat terhadap sains dan teknologi.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh perkara Butiran 00800 mengenai Program Penyelidikan dan Pembangunan juga 030300 dan 01200 – BAKSA - Sains Angkasa Lepas. Mengenai Program Penyelidikan dan Pembangunan, saya rasa kehairahan yang cukup menarik di peringkat universiti di mana peruntukan yang agak besar diagihkan kepada IPTA dan ia merupakan kejayaan yang mengagumkan. Namun begitu, saya berminat dengan satu kawasan di mana apabila saya bertanya di Dewan yang mulia ini, kementerian lain yang menjawabnya dan katanya tidak ada program kajian yang dibuat di *Royal Belum*, di kawasan Parlimen Gerik, Hulu Perak.

Tha Royal Belum ini suatu kawasan yang saya rasa kaya dengan tumbuh-tumbuhan biologi, *biodiversity*nya dan apakah kita akan membiarkan -dia, akan wujud sebuah muzium sahaja, seekor gajah putih sahaja, ataupun *dinosaur* sahaja, ataupun

adakah kementerian mempunyai perancangan jangka pendek ataupun jangka panjang untuk mewujudkan satu *research station* sekurang-kurangnya ataupun suatu pusat penyelidikan di kawasan yang berhampiran dengan *The Royal Belum* ini. Saya harap kalau ada, maka Kerajaan Negeri Perak dan juga Parlimen Gerik akan menerimanya, 'kecil tapak tangan padang golf kita tadahkan'.

Mengenai perkara BAKSA - Kajian Sains Angkasa, ini juga suatu yang baru, yang ghairah diterima oleh masyarakat kita dan tidak lama dahulu diumumkan bahawa kita akan melatih angkasawan kita yang pertama, yang akan dihantar ke angkasa lepas. Maka dengan itu saya ingin mengetahui tentang kemajuan persiapan kita untuk menghantar barangkali astronaut yang pertama ke angkasa lepas.

Berkaitan dengan itu juga diumumkan bahawa tidak lama lagi akan dilancarkan Razak Sat setelah dilancarkan Tiong Sat Satelit tidak berapa lama dahulu, dan mengikut maklumat yang kita terima daripada surat khabar, cuma ini adalah untuk membuat kajian yang lebih terperinci, ruang-ruang di kawasan bumi kita. Tetapi saya ingin bertanya, ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, tidakkah mungkin Tiong Sat atau Razak Sat ini juga digunakan untuk meninjau keselamatan negara kita. Penyeludupan, kecurian kayu balak sama ada oleh warganegara kita dan lebih-lebih lagi mencuri pasir di kawasan selatan sana yang berdekatan dengan Tambak Johor.

Jadi, itu sekadar yang ingin saya sampaikan dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera, sila.

4.18 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaacob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepada Yang Berhormat Menteri saya juga hendak mengucapkan tahniah di atas kemenangan nombor lima bagi calon MKT. Saya ingin merujuk kepada Butiran 02500. Pertamanya tahniah kepada pihak kerajaan kerana serius sehingga menubuhkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Tahniah juga kerana negara kita sekarang sedang menuju ke arah era internet. Tetapi persoalannya adakah kita bersedia bukan sahaja dari segi prasarana, tetapi adakah kita bersedia dari segi undang-undang untuk melindungi kepentingan-kepentingan pengguna.

Saya ingin bertanya, bagaimanakah status undang-undang perlindungan data yang telah diusahakan sejak tahun 2000 dan sehingga ke hari ini masih belum

diluluskan. Saya kira undang-undang perlindungan data amat penting terutamanya yang melibatkan *e-dagang* kerana dengan adanya undang-undang inilah baru kepentingan pengguna boleh dilindungi.

Saya juga ingin bertanya mengenai adakah peraturan mengenai perlindungan data ini dipatuhi. Saya difahamkan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia telah pun meluluskan satu kod iaitu *General Consumer Code*, tetapi sehingga kini sejauh manakah ia dipatuhi.

Daripada penyelidikan yang dibuat, di dapati banyak industri yang tidak mematuhi *General Consumer Code* ini termasuk bank-bank perdagangan, sedangkan Bank Negara telah pun mengeluarkan peraturan mengenai garis panduan minimum yang perlu dipatuhi oleh bank-bank. Misalnya peraturan yang tidak membenarkan perkongsian maklumat peribadi antara bank, tetapi perkara ini tidak dipatuhi oleh bank. Dengan ini Yang Berhormat Menteri, undang-undang perlindungan data amat penting. Kes pindah milik tanah di Selangor misalnya yang berlaku tanpa pengetahuan tuan punya tanah. Mungkin berlaku kerana tiadanya undang-undang perlindungan data. Satu kajian yang dibuat di *United States of America* juga menunjukkan *website* Kerajaan Malaysia, iaitu *e-Government* tidak mempunyai pernyataan yang memberi perlindungan data peribadi *e-Government 2004*.

Penyelidikan oleh USA telah memberikan *ranking* yang amat rendah kepada kita, berbanding dengan *e-Government* di Singapura yang diberikan *ranking* nombor dua di Asia, kerana *e-Government* Singapura mempunyai perlindungan data ini. Jadi Yang Berhormat Menteri saya kira walau kita bergerak cergas ke arah berbagai-bagai 'e', *e-Commerce*, *e-Dagang* dan sebagainya, tetapi yang penting adalah perlunya diwujudkan dengan segera undang-undang yang boleh melindungi kepentingan pengguna, jika tidak pengguna tentu sahaja tidak yakin untuk menggunakan kemudahan apa-apa 'e' yang diperkenalkan. Jadi, untuk itu saya mohon supaya pihak kementerian mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan perkara ini. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri. Sila.

2.33 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Pengerusi, pertama saya ingin mengucapkan terima kasih

kepada semua Ahli Yang Berhormat yang turut hadir dan mengambil kesempatan menyertai perbincangan tentang aktiviti ataupun peruntukkan di bawah kementerian saya dan terima kasih juga pada kata-kata manis.

Pertama tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong, mengenai isu R&D, juga disebut oleh Mambong dan Kepong. Isu kajian, isu R&D (*research and development*), isu *basic research*, isu *fundamental of effect research*. Isu ini amat penting sekali semenjak saya diberikan kepercayaan untuk menerajui kementerian.

Saya telah mengajak pengurusan kementerian melihat kembali isu R&D, kerana negara kita sekarang ini, kita bersyukur kepada Allah S.W.T, alhamdulillah. Kita sudah mampu membawa ekonomi negara kita, kalau dahulu boleh dikatakan 100% berasaskan tani, lepas itu kita bawa kepada ekonomi juga yang membawa kepada industri. Tetapi kita lihat sama ada ekonomi itu sekarang berasaskan pertanian ataupun berasaskan industri? Apa dia *competitive edgenya*, apa dia kekuatan hakiki kita dalam kedua-dua bentuk ekonomi itu. Tetapi kalau kita melihatnya secara mendalam, secara ilmiah bahawa dari segi nilai tambah, dari segi *content* ilmu tidak begitu tinggi, sebab apa kedua-dua bidang ekonomi ini, sama ada pertanian ataupun industri yang lebih mirip kepada kita hanya memberikan input kita kepada upah yang murah dan sumber yang murah, tetapi dari segi nilai tambahnya tidak begitu tinggi. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, bila beliau mengambil alih pimpinan negara, beliau mengarahkan supaya kementerian melihat kembali dari segi komoditi dan yang penting untuk mewujudkan ekonomi baru. Ekonomi sama ada ICT, ekonomi berasaskan BIOTEK ataupun di mana kita hendak buat nilai tambah kepada asas-asas pertanian kita ataupun industri kita.

Kalau kita lihat industri kita, kita mungkin boleh merasa bangga dan berterima kasih kerana kalau tidak ada industri yang dibawa oleh pelabur-pelabur luar, tidak mungkin kita dapat wujudkan peluang pekerjaan Tuan Pengerusi, kerana kita mampu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak kita di luar bandar atau mampu mendapat pekerjaan.

Tetapi kalau kita lihat apa dia nilai tambah, apa dia *competitive edgenya*, *competitive edgenya* ialah kerana upah kita di Malaysia murah. Oleh sebab itu pelabur datang ke negara kita, tetapi kalau kita lihat dari segi keselamatan industri itu,

benteng ekonomi industri kita itu, adakah kukuh atau tidak, tetapi bila kita lihat ia agak rapuh sekali. Bila China pula memasuki era ekonomi mereka, banyak industri berpindah pula ke China kerana di sana pun mampu memberi upah yang murah juga.

Bermakna kita tidak boleh bertahan dalam industri yang mana *competitive edge* kita hanya kerana kita sumber yang murah dan upah yang murah. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, kita tidak boleh bertahan dalam industri di mana industri itu berbentuk hanya kita pasang sahaja, bukan industri yang kita membina produk kita sendiri. Oleh itu Tuan Pengerusi, sama ada kita hendak meningkat nilai tambah dalam pertanian kita, sama ada hendak mengukuh dan mengembangkan ekonomi industri kita, kedua-duanya memberikan satu unsur atau komoditi yang terpenting iaitu komoditi ilmu - kapital, dan yang amat penting sekali ialah *knowledge capital* bukan upah yang murah, bukan sumber yang murah. Oleh kerana itulah saya di kementerian melihat kembali *the role of technology* bagaimana, memang benar seperti yang Santubong kata *you are right*, dengan izin, sebagai contoh *Hewlett and Packard*, dia punya keluaran, *turnover* dia USD80 bilion, dia punya *research* USD4 bilion. Kalau kita buat *modeling* Malaysia sebagai satu *world corporate body*, output kita pun lebih kurang USD100 bilion tidak jauhlah itu. Di mana output HP lebih kurang tahun ini dekat hundred bilion. *That mean the turnover of Malaysia, turnover of HP* minta izin, menggunakan bahasa Inggeris sama, tetapi dari segi R&D - HP USD4 bilion, duit Malaysia RM16 bilion, di Malaysia berapa? Lima tahun bagi baru satu bilion so saya berterima kasih kepada Santubong kerana agak ilmiah Santubong mengkaji isu ini.

Saya berterima kasih tentang statistik yang diberi, *United States fifteen bilion for government*, itu untuk *government fifteen* bilion. Tetapi kalau kita lihat Yang Berhormat Santubong yang *mobilize from the market* sebab apa di Amerika sebagai contoh dia boleh senaraikan syarikat BIOTEK atau ICT yang tidak perlu ada *turnover*, tidak perlu ada *sale*, tidak perlu ada P&L, tidak perlu ada *cash flow* asalkan ada produk yang ada paten, yang ada potensi untuk menjadikan produk akan datang *can be listed in the stock exchange*, boleh dapat wang.

That mean bukan sahaja dia *mobilize* wang daripada *stock market* dia, dia boleh juga *mobilize* daripada *venture capital* dia dan bank - *three sources of income*. Di sini cuba kita lihat, katalah ada satu produk, anak-anak muda ada kompelin dengan saya, dia ada satu kajian yang baik dapat dibiayai sedikit oleh kementerian *some*

IRPA ataupun pembiayaan yang lain, bila pergi ke bank, pertama ditanya ayah siapa? Yang kedua, ada tanah hendak cagar atau tidak? *Kaput Santubong, so they can never finance this.*

Yang kedua, *venture capital* kita tidak 'yes no', *venture capital* yang ada semuanya ditaja oleh kerajaan, *venture capital* swasta yang sanggup mengambil risiko - tidak ada. Di sini, di Malaysia ini banyak *corporate sector very risk adverse*, dengan izin, dia takut hendak mengambil risiko.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, ini bidang sayalah soalan *venture capital management*, kerana kalau kita lihat kemusykilan memang benar kata Dato' Menteri tadi, kemusykilan kita ialah untuk mempromosikan mana-mana produk yang dibuat dalam *research* ataupun yang dibuat di universiti ialah sumber kewangan. Bank komersial di Malaysia memang tidak akan memberi kesan, bahkan di Amerika kalau tidak ada *venture capital* memang tidak boleh maju juga. Jadi, macam mana kementerian boleh mendorongkan pihak kerajaan ataupun pihak swasta mewujudkan banyak lagi *venture capital* ini di seluruh Malaysia, tetapi bukan *venture capital* sahaja Tuan Pengerusi, bukan duit sahaja, macam di Amerika dan Australia umpamanya dia mempunyai *the skill for management*. Kalau you hantar duit orang tidak pandai *manage* habis juga duit itu nanti. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Benar. Kalau boleh saya menarik balik sebab hendak jawab Yang Berhormat Kepong, tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong.

Tuan Pengerusi, boleh saya bawa sekali isu yang dibangkitkan oleh Santubong dengan Kepong sekali, sebab Kepong banyak mengatakan bahawa hendak buat sesuatu mesti ada hasilnya, kalau berjuang mesti sampai matlamatnya - saya sokong, sebab itu saya mengharapkan Kepong juga berjaya dalam partinya. Oleh sebab itu saya mengharapkan juga bila Lim Kit Siang bersara beliau akan menjadi Pengerusi DAP nanti, sebab perjuangan beliau dalam parti kita sanjung, tetapi matlamat akhirnya belum nampak tercapai lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ini siapa ketua parti dia?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya lupa namanya, dia kadang-kadang menang, kadang-kadang kalah, lupa pula namanya. *[Ketawa]* Sebab saya nampak yang sewajarnya Yang Berhormat bagi Keponglah mengambil alih

pimpinan DAP, sebab amat ilmiah sekali yang dia orang hari itu ayah dan anak politik semasa, tidak ada langsung nampak kepentingan untuk negara, seperti Yang Berhormat bagi Kepong.

Berbalik kepada isu, [*Ketawa*] apa Yang Berhormat bagi Kepong bangkitkan benar, iaitu di Malaysia mungkin kita katakan bahawa seperti Yang Berhormat bagi Santubong mengatakan tidak sebanyak dana yang kita tumpukan, kita curahkan kepada R&D seperti negara-negara lain. Tetapi jumlah yang kita curahkan bukannya kecil, kalau dibandingkan dengan negara lain. Untuk Rancangan Malaysia Kelapan, hampir-hampir RM1 bilion - dekat RM900 juta, RM880 juta lebih kurang begitulah, hampir-hampir juga RM1 bilion, tetapi pokoknya banyak mana yang menjadi hasil kepada produk yang boleh dipasarkan.

Ini juga satu perkara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta kementerian di mana beliau tidak berpuas hati bahawa dari segi lebih kurang sekarang 5% kita yang ada, kalau dibandingkan kira-kira 2% di *benchmark* dunia. Sebab itu kita lihat *research* ini dan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong ada dua jenis *research* atau dua jenis kajian. Pertama, *basic research* yang membawa suatu penemuan itu kepada mendapatkan IP atau kertas sahaja, itu dia punya trofi sahaja. Satu lagi *applied research* membawa suatu penemuan yang sampai kepada *intellectual property* atau kertas tadi dibawa kepada produk kepada pasaran. *There are two parts of it.*

So, sekarang ini ada kajian-kajian yang kita buat sampai kepada IP, jadi mendapat *intellectual property* atau *patent*, ada juga yang cuba dibawa kepada pasaran. Namun demikian, hasil yang kita boleh banggakan sebagai satu produk yang dimulai dalam makmal, di bawa dalam pasaran sebagai satu produk Malaysia seperti kita ada Nokia, kita belum sampai ke tahap yang boleh membanggakan. Nanti kita tidak boleh mengabui mata masyarakat umum mengetahui perkara ini. Oleh itulah sekarang ini kita mengkaji kembali perkara ini, iaitu kita melihat bahawa ada dua isu di situ atau *two parts of the equation*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Pertama ialah pembekalan ilmu itu sendiri, pengwujudan dan pembekalan ilmu itu yang dibuat daripada universiti-universiti dan sehinggalah ia sampai kepada taraf ada satu aset atau dipanggil *intellectual property* ataupun dalam bahasa Malaysianya, Yang Berhormat bagi Kepong tahu dalam bahasa Malaysia *intellectual property*.

Dr. Tan Seng Giaw: Harta intelek.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Pandai Yang Berhormat bagi Kepong, sebab itu lebih cepat Yang Berhormat bagi Kepong mengambil alih DAP lagilah baik untuk kita semua.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Harta intelek *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sengajalah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi masalahnya Tuan Pengerusi, banyak penemuan-penemuan ini hanya sampai kepada harta intelek sahaja, tertinggal di universiti, tertinggal di makmal, tidak dibawa kepada pasaran sebagai satu produk. Yang sebenarnya banyak anak-anak muda kita seperti Yang Berhormat bagi Kepong katakan tadi, berjaya mendapat Ph.D di luar negeri, sekarang ini sudah ada 4,000 orang yang ada Ph.D. 4,000 katakan *on replacement cost* sahaja, Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Kepong, katalah *one million dollar*, saya sebutkan di dalam Dewan baru-baru ini, *we have four billion dollar investment in our capacity in human capital in technology R&D*, tetapi tidak di *unlock them into value, product value, ini masalah kita*.

Sebab itu sebagaimana tadi diarahkan oleh Kabinet, pada hari ini saya bersama dengan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, kementerian berjumpa dengan semua Naib-naib Canselor Universiti. Pagi tadi saya sendiri berjumpa lebih kurang tiga jam dengan mereka, bagaimana masalah *to unlock this knowledge*, ilmu-ilmu ini, penemuan-penemuan ini kepada produk untuk Malaysia, jadikan eksport, *generate employment for the country, generate wealth for the country*, juga bagi kesejahteraan rakyat, itu isunya.

Saya rasa kita tidak macam dahulu, dinasti saya 25 tahun dahulu tidak ada yang ada Ph.D, tidak ada yang ada *Masters*, ramai anak muda mereka, tetapi persoalannya macam baru-baru ini saya merasmikan satu seminar *international* dalam *solstice physics, very technical subject*. *Solstice physic* ini digunakan asasnya untuk membuat *chips design, chip fabrication*, kalau tidak ada cip tidak ada komputer, tidak ada apa, semua ini asas dalam IT, mesti ada cip. *There are 250 papers* Yang Berhormat bagi Kepong, 230nya daripada orang Malaysia dan untuk orang Melayu sepatutnya mereka bangga juga *half of them* daripada anak muda kita bumiputera. Manakala dahulu mungkin timbul satu senario yang ada PhD, yang pakar-pakar semua

golongan tertentu sahaja, tetapi alhamdulillah berkat kejayaan dasar ekonomi kita, kalau jumpa Ph.D, *you don't have to identify them by race* alhamdulillah.

Ini satu kejayaan kita Yang Berhormat bagi Kepong bahawa *there are as many good scientist of* orang Melayu, orang Tionghua, orang India, ini satu petanda baik sekali kepada kita sebagai suatu bangsa Malaysia. So, sekarang ini penemuan yang sudah ada, macam mana hendak membawa penemuan itu, ...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya habis ini dahulu, nanti saya jemput Yang Berhormat bagi Kepong, *we have this knowledge*, kita sudah membina ilmu-ilmu ini daripada *research*, kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan beri hampir-hampir RM1 bilion tetapi *get stuck into university*, sama ada papers atau harta intelek IP sahaja. Jadi, cabaran sekarang bagaimana kita, kementerian memikir hendak *unlock this* IP ini, harta-harta intelek dijadikan produk negara Malaysia untuk akan datang terutama sekali industri-industri akan datang di mana puncanya kapitalnya hanyalah ilmu dan *knowledge* sahaja, bukan lagi bergantung kepada upah yang murah atau sumber asli yang murah. Sila Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, memang benar kita mesti menggunakan dengan sepenuh dan mengimpikasikan apa yang ditemui di dalam penyelidikan. Tetapi bolehkah Yang Berhormat mengkaji, misalnya di negara China sekarang ada para intelek, para pelajar yang terbaik mereka ada seramai 120 ribu di luar negara China dan di Amerika Syarikat sahaja hampir 50,000 hingga 60,000 penyelidik ataupun orang-orang yang mempunyai penyelidikan dan pendidikan yang tinggi.

Saya menyeru supaya Yang Berhormat mengkaji maka di negara China kalau di Tsing Hua Universiti yang terkemuka atau di Beijing kebanyakan graduan mereka pergi ke luar negara.

Kebanyakan yang mempunyai potensi yang tinggi dan adakah Yang Berhormat dapat mengkaji sebab apa mereka benarkan kerana kebanyakan mereka tidak akan kembali ke negara China pada masa yang singkat, mungkin di masa hadapan ada sebahagian akan kembali ke China tetapi mereka rela ataupun membenarkan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, biarlah Menteri habiskan jawapan dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia, dia

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada usul ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada usul, biar Menteri, tidak mengapalah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya terpaksa merumuskan ucapan saya sebab ada suatu perkara yang perlu kita umumkan mengenai satu orang yang rapat dengan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tetapi yakinilah biar saya habiskan dahulu, mungkin saudara sudah mengetahuinya, biar saya rumuskan sahaja tetapi oleh kerana keadaan suasana sekarang ini selepas Speaker mengumumkan, saya rasa Yang Berhormat akan mengetahui lebih jelas tetapi yakinilah kementerian saya insya-Allah akan berusaha gigih untuk menyelesaikan isu ini dan harapan saya apa saya boleh buat, oleh kerana tertangguh, saya akan menjemput semua Ahli Parlimen nanti dalam satu majlis supaya dapat saya terangkan dengan lebih jelas lagi.

Mungkin sebelum sesi akan datang, di mana kita membuat sedikit perjumpaan supaya saya dapat mengulas lebih mendalam lagi, sebab hari ini saya tidak berkesempatan, dan mana yang *specific question* saya boleh jawab tetapi saya akan panggil mungkin selepas hari raya nanti, insya-Allah sebelum sesi yang pertama, supaya saya dapat menjelaskan isu-isu ini. Isu-isu ini penting perlu saya memberikan penerangan yang lebih jelas. Tidak mungkin saya dapat menjawab dalam masa lima minit, tetapi yang pentingnya saya jawab secara bertulis.

Tetapi umumnya saya akan buat sedikit perjumpaan dengan semua Ahli Parlimen. Kalau Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Yang Berhormat bersetuju nanti, kita jemput semua sekali. Boleh ya, Yang Berhormat. *[Menoleh ke arah Yang Berhormat bagi Padang Rengas]* Yang Berhormat, kena minta

kebenaran. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang memberikan pandangan. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat bagi Mambong.

Yang Berhormat bagi Kepong, dapat jawab sedikit, tidak habis dan juga Yang Berhormat bagi Gerik dan Bera, saya minta maaf oleh kerana keadaan tertentu saya tidak sempat menjawab, tetapi saya akan menulis jawapannya dan kita akan adakan perjumpaan khas dengan kementerian selepas sesi ini habis nanti, sebelum sesi akan datang supaya dapat saya jelaskan lagi isu-isu, perkara-perkara yang dibangkitkan tadi, bagaimana kita hendak cuba wujudkan di negara kita, saya sebut kata, *the new economy. The conventional economy which is basically agriculture base, kalau industri itu to more level input, not knowledge input, those so call new economy, the ICT base, the bio-tech and other thing has pay and out space and all that.*

Yang komoditi penting, kapital yang paling penting sekali ialah *knowledge*, tetapi tidak boleh tolak juga isu pengurusan, isu logistik itu penting juga kalau ia tidak - Kalau hanya teknologi sahaja tidak boleh mampu kita bawa produk itu ke pasaran. *It also required*, dengan izin, *management expertise, marketing expertise, management of pattern, packaging, logistic* itu memang bersetuju, pandangan Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Begitu juga pandangan daripada beberapa wakil rakyat tadi, memang benar dan saya minta maaf kepada Yang Berhormat bagi Bera, memang isu *security of data* itu penting *for consumer*, dalam perjumpaan itu nanti saya akan jawab secara mendalam.

Yang Berhormat bagi Gerik juga, isu yang angkasa penting juga. Dalam majlis akan datang saya akan terangkan, sementara itu saya akan cuba menjawab secara bertulis. Saya dengan itu mohon mengucapkan terima kasih. Terima kasih.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**PULANGNYA KE RAHMATULLAH YANG AMAT BERBAHAGIA
TUN MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada pengumuman penting pada petang ini.

Dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih, ingin saya maklumkan bahawa saya dimaklumkan oleh pihak Hospital Kuala Lumpur bahawa Yang Amat Berbahagia, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Parlimen Malaysia yang amat kita kasihi telah kembali ke Rahmatullah pada jam 4.35 petang sebentar tadi akibat daripada *acute renal failure* ataupun kegagalan buah pinggang yang *acute*. Kita berdoa mudah-mudahan roh Allahyarham ditempatkan bersama-sama dengan orang-orang yang soleh.

Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat semua bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadihkan Al-Fatihah dan yang bukan beragama Islam berdoa masing-masing kepada roh Allahyarham dan yang lain bertafakur selama satu minit. Saya melakukan dan saya mengepalai. Al-Fatihah.

[Semua ahli beragama Islam membaca Al-Fatihah, ahli bukan Islam bertafakur]

Majlis Mesyuarat bersidang semula

{Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***}

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan;

“Bahawa Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada hari ini iaitu 14 Oktober 2004 ditangguhkan sekarang sebagai menghormati di atas kembalinya Allahyarham Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Parlimen Malaysia ke Rahmatullah.”

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputus dan disetujui.

Usul disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh itu saya dengan ini menangguhkan Majlis Mesyuarat ini sekarang sehingga 22 November 2004, jam 10.00 pagi yang akan datang. Dewan ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.45 petang.